



# BERKENAN MERASMIKAN PESTA KONVO UBD 2025

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah  
Haji Awang Sulaiman

**TUNGKU LINK**, Selasa, 5 Ogos. - Pesta Konvo Universiti Brunei Darussalam (UBD) 2025 menandakan bermulanya acara-acara keraian sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-37, yang antara lain mempamerkan penyelidikan yang memberi impak serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh para mahasiswa dan mahasiswi.

>> Muka 3



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat merasmikan Pesta Konvo UBD 2025.** - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

# Mesyuarat diharap lebih berkesan, berimpak tinggi

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Ogos. - Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah akan tiga perkara utama.

Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin



Dato Setia Haji Mohamed Taib mengongsikan, pertama, baginda telah memperkenalkan bagi Persidangan MMN ini untuk diadakan dua kali setahun bermula dengan tahun ini.

Sementara kedua, tambah Yang Di-Pertua MMN, baginda juga telah memperkenalkan pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja kita menurut Peraturan-peraturan Mesyuarat atau Standing Orders dan ketiga, baginda juga telah memperkenalkan Penggubalan Kod Etika bagi Ahli MMN.

"Alhamdulillah, titah baginda itu merupakan satu penghormatan dan kepercayaan kepada MMN ini untuk

melaksanakan perubahan yang besar ini dengan harapan agar perbincangan akan lebih teratur, lebih fokus dan berkesinambungan yang dapat mencerminkan kematangan dan profesionalisme Ahli-ahli Yang Berhormat yang sentiasa bekerjasama untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini," ujar Yang Di-Pertua MMN pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

>> Muka 12

# Pengemaskinian pembiayaan galakkan penggunaan perkhidmatan kesihatan secara bertanggungjawab

Oleh : Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Ogos. - Menyentuh mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi secara global dan serantau, Kementerian Kesihatan turut sama meneliti dasar-dasar sedia ada untuk memastikan kelestarian dan keupayaan perkhidmatan kesihatan dan perubatan dalam jangka masa panjang.

Seiring dengan pelaksanaan dasar

terbaharu yang melihat trend perbelanjaan kesihatan di negara ini, sudah tiba masanya negara menerokai inisiatif dalam meneliti semula kos dan dasar pemberian perkhidmatan kesihatan, melalui kajian menyeluruh untuk memastikan perubahan ini dilaksanakan secara inklusif dan tidak membebankan setiap golongan yang terkesan dengan perubahan ini.

Perkara itu ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menerusi kenyataannya yang bertajuk 'Kemampuan Perkhidmatan Kesihatan' yang disampaikan pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

>> Muka 6

## Berita Utama



**MELENGKAPKAN** pemimpin dalam memajukan, melindungi kepentingan negara

Muka 18



**MAJLIS Mengangkat Sumpah** bagi 76 pegawai kajian baharu

Muka 20



**TINGKATKAN** pengetahuan, kesedaran mengenai PSI

Muka 26



**RENCANA**

**PAMER inovasi, projek penyelidikan UBD**

Muka 28





**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Program Akademi Dakwah 5.0 1447 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama pada Ahad, 9 Safar 1447H / 3 Ogos 2025 di Dewan Auditorium 1, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.**

**Bismillahir Rahmanir Rahim  
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen  
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen  
Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala  
Alihie Wasahbihee Ajma'een  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh**

**A** LHAMDULILLAH wasysyukru lillah kita dapat berhimpun dalam majlis merayakan kejayaan 34 orang peserta

yang telah menamatkan Program Akademi Dakwah 5.0 tahun 2025 ini. Tahniah kita ucapkan kepada mereka.

Tahniah juga kepada ibu bapa masing-masing yang setentunya bersyukur kerana anak mereka meminati kegiatan keugamaan dengan Akademi Dakwah di bawah Program Keugamaan Belia.

Program Keugamaan Belia, berasal daripada semacam kegiatan yang disebut sebagai Belia Da'ie di bawah kendalian Kementerian Hal Ehwal Ugama pada penghujung tahun 2015.

Tujuannya jelas : untuk menyalurkan minat dan kegiatan mempelajari agama di kalangan anak-anak muda ke dalam aliran perdana keugamaan negara ini, iaitu fahaman dan amalan beragama menurut seperti yang diajarkan di sekolah-sekolah agama dan institusi-institusi pendidikan dan pengajian Islam, diamalkan di masjid, menjadi ikutan keluarga dan masyarakat; seterusnya didakwahkan dan disiarkan berupa amalan-amalan dalam kegiatan keugamaan di peringkat rasmi dan negara.

Dengan itu anak-anak muda yang berminat mempelajari agama itu ditarik dan digalakkan menyertai Belia Da'ie itu dengan dipimpin oleh beberapa orang mentor yang terdiri daripada kalangan akademik pengajian tinggi, pegawai-pegawai dan guru-guru bahkan oleh mereka yang diketahui sebagai da'ie.

Sedemikian itulah pendekatan yang diambil ketika diketahui adanya minat belajar agama di kalangan anak-anak muda dengan menyalurkan mereka ke dalam aliran

perdana keugamaan yang kita ikuti dalam mengamalkan agama Islam sebagai agama rasmi negara menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Syafii. Kita tidak terburu-buru mengambil tindakan mematikan minat mereka bahkan kita galakkan dan pimpin mereka dengan sebaik-baiknya.

Itulah Program Akademi Dakwah yang sudah beberapa siri dianjurkan ini. Program Akademi Dakwah bertujuan melahirkan pendakwah muda yang mampu meneruskan kegiatan dakwah mengikut bidang dan kemampuan masing-masing.

Selain itu ada beberapa lagi kegiatan-kegiatan di bawah Program Keugamaan Belia, termasuklah antaranya :

Pejuang Fajar, untuk memperkasa peranan Belia Da'ie dalam melaksanakan dakwah melalui Kempen Solat Subuh Berjemaah di masjid, memupuk silaturahmi antara mereka dan masyarakat di samping mengimarahkan masjid dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

Siri Tadabbur Al-Quran : Untuk menyemai kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan belia menerusi pemahaman ilmu, penerapan dan seterusnya penghayatan ajarannya.

The Caliph Within : Iaitu program yang bertujuan mengenal potensi AJK Belia Da'ie dengan melatih kepimpinan mereka antaranya sebagai persediaan mengendalikan Akademi Dakwah pada masa hadapan.

Demikianlah harapan saya dan tentunya ialah harapan Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah kami ingin mendorong

peserta-peserta Akademi Dakwah untuk terus mempertajam dakwah mereka dengan menambah ilmu dan mendapatkan pengalaman sendiri atau bercontoh kepada da'ie-da'ie yang berjaya. Berdakwahlah menerusi saluran-saluran yang berkembang pesat pada masa sekarang dan akan datang yang mudah sampai kepada khalayak, dengan berpegang kepada dasar-dasar utama dakwah iaitu antaranya ialah seperti :

Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah an-Nahl ayat 125 :

Tafsirnya : "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah juga yang mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".

Dan firman Allah Ta'ala dalam Surah Fathir, ayat 32 :

Tafsirnya : "Kemudian Kami mewariskan kitab (Al-Quran) itu kepada orang-orang yang Kami pilih daripada kalangan hamba-hamba Kami, antara mereka ada yang menzalimi diri sendiri dan antaranya ada yang bersikap pertengahan dan antaranya ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar".

Wabillahit Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

| WAKTU SEMBAHYANG |        |              |       |       |        |      |       |      |         |       |
|------------------|--------|--------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| OGOS MASIHI      | HARI   | SAFAR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 6                | RABU   | 12           | 4.46  | 4.56  | 6.17   | 6.40 | 12.27 | 3.46 | 6.36    | 7.48  |
| 7                | KHAMIS | 13           | 4.46  | 4.56  | 6.17   | 6.40 | 12.27 | 3.46 | 6.35    | 7.48  |
| 8                | JUMAAT | 14           | 4.46  | 4.56  | 6.17   | 6.40 | 12.27 | 3.45 | 6.35    | 7.47  |
| 9                | SABTU  | 15           | 4.46  | 4.56  | 6.17   | 6.40 | 12.27 | 3.45 | 6.35    | 7.47  |
| 10               | AHAD   | 16           | 4.46  | 4.56  | 6.17   | 6.40 | 12.27 | 3.44 | 6.35    | 7.47  |
| 11               | ISNIN  | 17           | 4.46  | 4.56  | 6.17   | 6.40 | 12.27 | 3.44 | 6.34    | 7.46  |
| 12               | SELASA | 18           | 4.46  | 4.56  | 6.17   | 6.40 | 12.26 | 3.43 | 6.34    | 7.46  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI |                |                |  |
|----------------------|----------------|----------------|--|
| RABU                 | KHAMIS         | JUMAAT         |  |
| Bandar Seri Begawan  |                |                |  |
| 31<br>24<br>°C       | 31<br>24<br>°C | 30<br>25<br>°C |  |
| Pekan Bangar         |                |                |  |
| 31<br>24<br>°C       | 30<br>25<br>°C | 30<br>24<br>°C |  |
| Pekan Tutong         |                |                |  |
| 31<br>24<br>°C       | 31<br>24<br>°C | 31<br>25<br>°C |  |
| Kuala Belait         |                |                |  |
| 31<br>24<br>°C       | 31<br>24<br>°C | 31<br>24<br>°C |  |

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 6 OGOS 2025

### Menempuh kehidupan dengan kesabaran

**S**ABAR merupakan perkataan yang sering kita dengar dalam kehidupan seharian, akan tetapi tahukah kita bahawa ia adalah perkataan yang mudah diungkap tetapi susah untuk dilaksanakan melainkan mereka yang benar-benar mempraktikkan nilai kesabaran dalam diri masing-masing.

Sabar membawa maksud menahan atau meninggalkan. Setiap orang tidak terlepas daripada nikmat dan cubaan dalam kehidupan mereka. Sabar adalah satu sifat yang sangat penting dalam kehidupan kita. Sabar bukan sahaja memberikan ketenangan jiwa tetapi juga membawa banyak kelebihan dan manfaat dari sudut agama dan kehidupan harian.

Sabar adalah menahan diri daripada marah kepada perkara yang tidak disukai dan menahan lidah daripada mengadu kepada selain Allah. Perkataan sabar sering diungkap dalam pelbagai situasi kurang menyenangkan menimpa seseorang.

Menurut sabar itu mudah, tetapi tidak semudah itu ia mampu melunturkan perasaan gundah dan negatif seseorang pada situasi yang dihadapinya terutama kepada yang masih buntu penyelesaian.

Orang-orang Mukmin yang sentiasa mengamalkan sifat sabar dalam kehidupan mereka sehari-hari mereka akan memperoleh rahmat dan pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, lebih-lebih lagi ketika menghadapi ujian, dugaan dan musibah yang berbentuk kesusahan, kesakitan dan sebagainya.

Sesungguhnya sabar merupakan salah satu sifat yang paling terpuji menurut agama Islam dan merupakan senjata paling penting dalam menghadapi pelbagai ujian, bencana dan kesusahan.

Sifat sabar membawa banyak kebaikan dan kelebihan dalam kehidupan kita. Ia bukan sahaja mendekatkan kita kepada Allah tetapi juga membantu kita menjadi individu yang lebih kuat dan tenang. Jadi, mari kita berusaha untuk sentiasa bersabar dalam setiap situasi, kerana ganjarannya sangat besar, baik di dunia mahupun di akhirat.

Dengan memupuk dan memperkukuhkan kesabaran, kita tidak hanya dapat melewati setiap cabaran dan rintangan dalam hidup dengan lebih baik tetapi juga dapat mendekatkan diri kita kepada Allah.

Kesabaran adalah sifat yang sangat dihargai dalam Islam, dan ia adalah kunci untuk mencapai kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Oleh itu, marilah kita terus memupuk dan memperkukuhkan kesabaran dalam diri kita, demi mencapai kejayaan dalam hidup ini dan di akhirat. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



# Berkenan merasmikan Pesta Konvo UBD 2025

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin



## >> Muka 1

Berkenan berangkat merasmikan Pesta Konvo UBD 2025 ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor UBD.

Menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, UBD ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis UBD dan

Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Juga hadir, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Timbalan Pengerusi Majlis UBD serta Ahli-ahli Majlis UBD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudiannya berkenan mengurniakan sabda perasmian Pesta Konvo UBD 2025 dan seterusnya melancarkan UBD 'Rooting for the Future' di mana Duli Yang Teramat Mulia

berkenan menanam pokok Gymnostoma Nobile (Casuarinaceae) yang juga dikenali sebagai Bornean Rhu.

Pokok ini merupakan spesies asli di Negara Brunei Darussalam yang lazimnya ditemui di hutan tanah kerangas Borneo dan boleh tumbuh setinggi 10 hingga 15 meter.

Spesies ini memainkan peranan ekologi yang penting kerana keupayaannya untuk membaiki nitrogen atmosfera melalui simbiosis dengan bakteria Frankia, sekali gus memperkayakan tanah yang kurang subur dan menyokong kesihatan hutan.

Sebagai spesies asli yang mempunyai nilai pemuliharaan yang tinggi, pemuliharaannya adalah penting bagi mengekalkan biodiversiti dan daya tahan ekosistem.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) menadah tangan ketika doa dibacakan (kiri). Manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia berkenan melawat Klinik UBD (Klinik Rayyan Baharin) yang terletak dalam bangunan berkenaan.

DYTM seterusnya berkenan melancarkan UBD Healthy University Roadmap, iaitu satu inisiatif strategik yang mengintegrasikan aspek kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan dalam semua aspek kehidupan universiti.

Berpanduan amalan terbaik daripada Rangkaian Universiti ASEAN - Rangkaian Promosi Kesihatan (AUN-HPN) dan selaras dengan Wawasan Brunei 2035, Perkongsian Pendidikan Hijau Kementerian Pendidikan serta Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), peta jalan ini mengguna pakai pendekatan bersepadu yang komited untuk membina persekitaran kampus yang menyokong, memberi inspirasi dan memperkasakan gaya hidup

sihat dari segi fizikal, mental, sosial dan alam sekitar.

Peta jalan ini dibahagikan kepada tiga fasa untuk membina kesediaan institusi, perubahan sistem dan kesan yang boleh diukur, dengan pelaksanaannya dari tahun 2025 hingga 2028, sejajar dengan rancangan strategik UBD dan sasaran pembangunan negara.

DYTM kemudiannya dijunjung bagi menyaksikan Pameran Pesta Konvo di Ruang Legar Bangunan Tambahan Institut berkenaan yang bertemakan 'Ideas That Move'. Pameran ini meraikan bagaimana penyediaan, program dan kerjasama UBD bersama-sama mencipta kehidupan yang lebih sihat, kampus yang lebih hijau dan komuniti yang lebih kukuh.

>> Muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai (kiri), manakala gambar atas dan bawah kanan, DYTM berkenan menyaksikan pameran dan persembahan. Sementara gambar bawah kiri, antara persembahan tarian yang menyerikan lagi majlis.







DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

### >> Muka 3

Dibahagikan kepada tiga zon berasingan iaitu Inovasi Komuniti; Budaya dan Identiti dan Kesihatan dan Kesejahteraan, inovasi dan projek penyelidikan yang dipamerkan membuktikan kesan positif yang dibawa oleh pelajar UBD melangkaui bilik kuliah.

Setiap pameran menunjukkan hubungan antara sains dan kehidupan seharian serta aktiviti dan acara yang melibatkan belia, alumni dan keluarga.

DYTM juga berkenan melawat Makmal Simulasi Pergigian, yang digunakan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan (BHSc) dalam

Pergigian, di mana aktiviti simulasi klinikal menggunakan peralatan 'Phantom Head' sebelum ini dijalankan di Pusat Pergigian Negara dari tahun 2019 hingga Oktober 2023.

Program Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan (BHSc) dalam Pergigian yang bermula sejak Ogos 2017, merupakan Program Berkembar bertujuan untuk mendidik para pelajar dalam asas pergigian dan sains perubatan ke satu tahap yang membolehkan mereka melanjutkan pengajian ke Sekolah Pergigian Rakan kongsi bagi melengkapkan pendidikan pergigian mereka sepenuhnya.

Program ini mengintegrasikan subjek-

subjek seperti kemahiran komunikasi, etika, alam sekitar, kepimpinan, penyelidikan dan statistik ke dalam modul utama penjagaan seperti penjagaan komuniti, penjagaan pesakit pergigian, sains kesihatan serta pembangunan peribadi dan profesional.

Dari Makmal Simulasi Pergigian, DYTM seterusnya

berkenan melawat ke Klinik UBD (Klinik Rayyan Baharin) yang terletak dalam bangunan berkenaan.

Klinik berkenaan merupakan cawangan kelima bagi Klinik Rayyan Baharin yang dibukakan terutamanya bagi institusi-institusi pengajian tinggi dan juga untuk orang ramai. Klinik berkenaan turut

menawarkan kaunseling psikologi bagi para pelajar. DYTM kemudiannya dijunjung bagi Majlis Santap.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan menerima pesembah yang direka dan dihasilkan oleh Muhammad Hilmi Suhaimi, pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains (BSc) dalam Ekonomi Digital dari Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) bagi pihak Majlis Perwakilan Pelajar Persatuan Mahasiswa UBD (PMUBD).

Pesembah 'UBD 40 GEM' ini menggabungkan Logo Ulang Tahun Ke-40 UBD serta empat ikonografi dan corak yang berbeza yang melambangkan yang melambangkan pengamalan prinsip-prinsip Islam dalam semua aspek kehidupan, pembelajaran berterusan yang selaras dengan SDGs PBB inovasi dan kesiapsiagaan pelajar menghadapi masa depan dalam era digital, serta kualiti pendidikan yang tinggi yang seiring dengan Wawasan Brunei 2035.

Pesta Konvo diadakan setiap tahun menjelang Majlis Konvokesyen bagi meraikan kejayaan dan pencapaian para graduan UBD, di samping mengetengahkan idea dan ciptaan oleh para pelajar yang masih dalam pengajian dan bakal graduan.

Bersempena dengan Majlis Konvokesyen ini, Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran akan diadakan pada 6 Ogos manakala Majlis Konvokesyen Ke-37 dijadualkan berlangsung pada 13 Ogos bertempat di Dewan Canselor UBD.



AKTIVITI simulasi klinikal menggunakan peralatan 'Phantom Head' (atas), manakala gambar kanan dan kanan sekali, antara zon pameran pada Pesta Konvo UBD berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan melawat Makmal Simulasi Pergigian, yang digunakan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan (BHSc) dalam Pergigian (kiri). Manakala gambar atas, DYTM berkenan menanam pokok *Gymnostoma Nobile* (Casuarinaceae) yang juga dikenali sebagai Bornean Rhu.



# PENANDATANGANAN KONTRAK DPMM FC BERSAMA PEMAIN, PENAJA

**GADONG**, Selasa, 5 Ogos. - Majlis Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak Duli Pengiran Muda Mahkota (DPMM FC) bersama pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Liga Super Malaysia Musim 2025/2026 telah berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, petang tadi.

Berkenan berangkat menyaksikan majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi DPMM FC.

Majlis dimulakan dengan penandatanganan kontrak antara DPMM FC dan 26 orang pemain kelab tersebut, diikuti dengan penandatanganan kontrak bersama penaja-penaja yang menyokong kelab berkenaan.

Bagi penandatanganan kontrak pemain, DPMM FC diwakili oleh Pengurus Am, Awang Mohamad Ali bin Haji Momin dan Penolong Pengurus Pasukan, Awang Rosmin bin Haji Khamis.

Manakala bagi penandatanganan kontrak penaja, kelab tersebut turut diwakili oleh Pengurus Pemasaran, Haji Awang Momin



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi DPMM FC berkenan berangkat bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak DPMM FC bersama pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Liga Super Malaysia Musim 2025/2026 (atas), manakala gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah.**

bin Haji Mohd. Ja'afar.

Penaja-penaja yang terlibat termasuklah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB); Mitsubishi Corporation; Brunei Shell Marketing Sdn. Bhd. (BSM); Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST); Setia Motors Sdn. Bhd.; Baiduri Bank Sendirian Berhad; Begawan Athlete Enterprise; Hui Huang Enterprise (You.C1000);

Borneo Genomics Innovation Sdn. Bhd.; Nazmi Textile Mall; Waznah Enterprise Sdn. Bhd.; dan Sports Nation Company.

Kesemua penaja diwakili oleh pengurus dan pegawai-pegawai kanan syarikat masing-masing.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

kemudiannya dijunjung berkenan menyempurnakan pengurniaan cenderamata kepada penaja-penaja DPMM FC serta menerima pesambah daripada kelab yang disampaikan oleh Awang Mohamad Ali.

Turut memeriahkan majlis ialah pelancaran rasmi jersi baharu DPMM FC bagi Musim 2025/2026.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung berkenan bergambar ramai bersama para pemain dan penaja.

Bagi Musim 2025/2026, sebanyak 13 buah pasukan akan berentap dalam Kejohanan Liga Super Malaysia, yang akan berlangsung dalam dua pusingan.

Pasukan DPMM FC

dijadualkan untuk beraksi sebanyak 24 perlawanan iaitu 12 perlawanan di gelanggang sendiri iaitu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan 12 perlawanan di luar negara iaitu di Malaysia.

Selain itu, DPMM FC juga akan mengambil bahagian dalam Kejohanan Piala FA yang menggunakan format kalah mati, serta kejohanan paling berprestij dalam bola sepak Malaysia, iaitu Piala Malaysia.

Bagi menghadapi cabaran musim ini, DPMM FC telah melakukan persiapan rapi dengan membentuk sebuah skuad mantap yang menggabungkan pemain-pemain baharu dan sedia ada termasuk pemain import bagi memperkukuhkan pasukan dan menyahut cabaran kejohanan musim ini.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung bergambar ramai bersama para pemain dan penaja (atas kiri), manakala gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyempurnakan pengurniaan cenderamata kepada penaja-penaja DPMM FC. Sementara gambar bawah kiri, sekitar Majlis Penandatanganan Kontrak berkenaan. Manakala gambar bawah kanan, pelancaran rasmi jersi baharu DPMM FC bagi Musim 2025/2026.**





## MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



### PENGEMASKINIAN PEMBIAYAAN GALAKKAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN SECARA BERTANGGUNGJAWAB



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan.**

#### >> Muka 1

Sebagai langkah ke arah ini, Kementerian Kesihatan, terang Yang Berhormat, telah melaksanakan pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2025.

Di bawah dasar ini, kos rawatan mula dikenakan kepada beberapa golongan dan kini ditanggung sendiri. Walau bagaimanapun, pengecualian bayaran diberikan kepada kumpulan pesakit-pesakit tertentu seperti mana yang diumumkan sebelum ini.

Pengecualian-pengecualian ini katanya, mencerminkan komitmen kita terhadap nilai ihsan serta keprihatinan sosial yang mendalam.

"Kementerian Kesihatan tidak akan pernah menafikan rawatan kepada mereka yang paling memerlukan dan akan sentiasa memastikan bahawa pertimbangan kesihatan awam diutamakan dalam setiap

keputusan yang dibuat," ujarnya.

Kementerian Kesihatan juga tambahkan menyarankan agar penduduk yang terkesan untuk menerokai pelbagai kaedah seperti pengambilan insurans perlindungan kesihatan sebagai langkah persediaan menghadapi bebanan kos rawatan.

"Seperti apa yang sudah dimaklumkan sebelum ini, pada tahun kewangan 2024/2025 sahaja, kerajaan telah menanggung hampir BND70 juta bagi rawatan golongan yang tertentu, termasuk lebih BND28 juta atas rujukan kepada institusi swasta.

"Peningkatan kos yang signifikan dari tahun ke tahun ini memberi isyarat yang jelas kepada perlunya pengemaskinian pembiayaan kesihatan agar kita dapat menyalurkan sumber awam secara lebih berkesan, sambil menggalakkan pertumbuhan sektor-sektor seperti insurans kesihatan dan kemudahan penjagaan swasta.

"Realiti ini diharapkan dapat membawa kita ke sudut yang lebih positif dan menjentik pihak-pihak dan agensi berkepentingan lain untuk melihatnya sebagai potensi untuk membangun sektor-sektor yang berkaitan, dalam membantu kerajaan menanai golongan-golongan yang terkesan khususnya," terang Yang Berhormat.

Penelitian semula skim pembayaran bertujuan menggalakkan penggunaan perkhidmatan kesihatan secara bijak dan bertanggungjawab dan secara langsung akan menyumbang kepada

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

pemeriksaan kewangan sistem kesihatan senegara.

Sumber yang dijamin, jelas Yang Berhormat, akan disalurkan semula untuk mempertingkatkan infrastruktur, mempercepat pendigitalan, semua bertujuan memperluas akses kepada perkhidmatan komprehensif, meningkatkan mutu rawatan, dan menangani cabaran kesihatan awam termasuk penyakit tidak berjangkit kepada rakyat di negara ini.

Dengan sokongan kerajaan katanya, penglibatan masyarakat, dan kerjasama merentasi sektor, kita yakin bahawa sistem penjagaan kesihatan kebangsaan akan terus maju, memenuhi piawaian antarabangsa selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat turut mengetengahkan Kementerian Kesihatan amat prihatin terhadap kebimbangan dan keresahan yang timbul dalam golongan yang terkesan akibat pelaksanaan pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan ini.

"Kementerian Kesihatan menghargai sumbangan golongan ini kepada pembangunan negara, dan ingin menegaskan bahawa dasar ini dilaksanakan dengan penuh pertimbangan terhadap situasi sebenar kehidupan mereka, termasuk kemampuan kewangan dan keperluan rawatan perubatan mereka," jelas Yang Berhormat.

Justeru, adalah penting untuk ditekankan bahawa

pengemaskinian ini bukanlah langkah diskriminasi atau tindakan yang bersifat *punitive*, ujar Yang Berhormat malah sebaliknya, ia adalah langkah yang perlu diambil untuk memastikan sistem kesihatan yang lebih mampan dan terarah.

Selain itu tambahnya, pengemaskinian ini sama sekali bukan bertujuan untuk mengurangkan atau mengehadkan pemberian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Pada masa yang sama, penjagaan kesihatan tidak harus diambil ringan dan setiap individu perlu memainkan peranan masing-masing untuk mengekalkan tahap kesihatan yang terbaik.

Sebagai langkah berterusan, jelas Yang Berhormat lagi, Kementerian Kesihatan berusaha untuk melakukan kajian impak secara berkala untuk memastikan dasar dilaksanakan secara berkesan dan inklusif; menyediakan mekanisme maklum balas yang terbuka untuk mendengar kebimbangan masyarakat; menyesuaikan dasar jika diperlukan, berdasarkan bukti dan pengalaman; serta memastikan komunikasi yang jelas dan berterusan dengan semua pihak yang terlibat.

Setakat ini bagi golongan yang menghadapi kesulitan untuk membuat pembayaran, terang Yang Berhormat, penilaian akan dijalankan oleh pasukan khas terdiri daripada Bahagian Pekerja Perubatan Sosial (Medical Social

Worker - MSW) dan Bahagian Kewangan, dan sekiranya layak, akan dirujuk ke beberapa saluran seperti Tabung Amal Bantuan Pesakit, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah atau menerusi kaedah bayaran secara ansuran.

Proses penilaian ini katanya, mengambil kira pelbagai faktor termasuk pendapatan keluarga, jumlah tanggungan, jenis dan kos rawatan yang diperlukan, serta keadaan khas lain yang mungkin mempengaruhi kemampuan seseorang untuk membayar.

Objektif utama adalah untuk memastikan tiada siapa yang terpaksa memilih antara kesihatan dan kemampuan untuk membiayai kelangsungan hidup.

Kementerian Kesihatan juga akan terus menerus memantau dan bekerjasama dengan agensi yang berkaitan untuk sama-sama memastikan penelitian semula dasar tersebut dilaksanakan sebaiknya dan akan meneliti keperluan untuk merapatkan jurang yang ada pada masa ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, kajian berterusan juga akan dilaksanakan untuk mengetahui apa jua masalah untuk diatasi bersama, dan mekanisme pemantauan ini melibatkan analisa trend dalam permohonan bantuan kewangan; maklum balas daripada kakitangan barisan hadapan mengenai pelaksanaan dasar; dan tinjauan kepuasan pengguna perkhidmatan yang terkesan.

## Terus mendukung keusahawanan komuniti

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Ogos. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis pagi tadi, menjawab beberapa soalan yang

diutarakan oleh Ahli-ahli MMN.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengenai pertimbangan untuk memberikan kebenaran kepada penduduk yang tinggal di Rancangan Perumahan Negara untuk menjalankan perusahaan kecil

sebagai salah satu usaha untuk menyara diri selepas bersara atau anak-anak muda lepasan sekolah yang belum bekerja.

Jelas Yang Berhormat Menteri, perkara ini adalah di dalam proses penelitian kementerian dan agensi-agensi berkaitan melalui Majlis Perancangan Guna-tanah Kebangsaan yang mana ahlinya yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan ahli-ahlinya terdiri daripada Setiausaha-setiausaha Tetap dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

"Di dalam perbincangan telah ada kesepakatan bagi membolehkan aktiviti ini dan apa yang tinggal masa ini adalah untuk merangka peraturan undang-undang dan dasarnya supaya menjaga keselamatan dan kesejahteraan jiran dan masyarakat setempat," ujar Yang Berhormat lagi.

Kementerian Pembangunan

**YANG Berhormat Menteri Pembangunan.**

katanya menyedari akan potensi aktiviti ini dalam menyokong keusahawanan komuniti dan insyaaAllah apabila peraturan ini dimuktamadkan nanti cadangan ini dapat direalisasikan dan dapat dilaksanakan dengan garis panduan yang teratur.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri berpeluang menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin mengenai tindakan strategik yang diambil bagi mempercepatkan proses kelulusan Program Perumahan Negara.

Bagi menjawab persoalan ini jelas Yang Berhormat Menteri, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah melaksanakan beberapa inisiatif dan perancangan bagi memastikan pemberian perumahan awam dapat dipercepatkan dan ditambah jumlahnya.

Yang Berhormat Menteri menerangkan pada masa ini, Jabatan Kemajuan Perumahan adalah dalam proses penelitian bagi permohonan tahun 2012



secara berperingkat sebelum dihadapkan untuk mendapat kebenaran bagi mengikuti Skim Perumahan Negara bagi seluruh daerah.

Menurutnya, antara cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Kemajuan Perumahan dalam proses penelitian adalah seperti Jumlah permohonan yang banyak; Borang kemas kini tidak dikembalikan oleh pemohon; Borang tidak lengkap dan betul; dan pemohon tidak dapat dihubungi (tukar alamat, tukar nombor perhubungan, meninggal dunia).



**SEBAHAGIAN** yang hadir pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.



## MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# KEBERKESANAN SKN JUZWAB MENUNJUKKAN PENAMBAHBAIKAN



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Ogos. - Keberkesanan Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang digunakan oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) dapat menunjukkan penambahbaikan yang ketara dari sebelumnya iaitu dari segi kecekapan proses dari segi memproses dan statistik terkini.

Statistik terkini menunjukkan

bahawa purata masa penyelesaian permohonan TPOR pada tahun 2023 adalah selama 294-295 hari dan Penilaian Kecekapan Proses TPOR bagi Julai 2024-Disember 2024 adalah sebanyak 156-157 hari dan sepanjang tempoh pagi Januari 2025-Jun 2025 adalah selama 54 ke 55 hari.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan perkara itu semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat berhubung mengenai keberkesanan SKN JUZWAB.

Menurut Yang Berhormat, penurunan ini hasil pelaksanaan inisiatif-inisiatif penambahbaikan, antaranya penapisan awal dokumen permohonan (bagi kurangkan beban di peringkat siasatan); Penubuhan Taskforce Siasatan (yang berjaya menyelesaikan

ribuan permohonan tertunggak); Penggunaan alat bantu kiraan seperti Kos Minimum Keperluan Asasi (KMKA); Mesyuarat Ad-hoc permohonan sambungan agihan (JKM).

"Jadi punca permohonan tertangguh atau tiada jawapan ani mesti dijelaskan, walaupun ada kemajuan ataupun ada pembaikan yang telah dilakukan semenjak dua tahun ini, tetapi JUZWAB atau jabatan berkenaan itu adalah mengakui masih terdapat cabaran besar, antaranya ialah pertama, dokumen tidak lengkap oleh pemohon yang menyebabkan lebih 2,300 permohonan tergantung dalam sistem dengan status *inquiry*.

"Kedua, jumlah pegawai yang terhad dalam erti kata kakitangan, sedangkan purata permohonan masuk setiap bulan adalah sebanyak 556 permohonan setiap bulan. Kemudian sistem teknologi yang belum automatik sepenuhnya walaupun ada penggunaan tetapi tidak sepenuhnya yang kaola nyatakan tadi masih, selain daripada peralatan yang juga ialah untuk

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie  
Pg. Haji Nikman

menyediakan orang-orang yang dapat menggunakannya atau menguasainya dengan sebaik-baiknya. Masih banyak akibat daripada itu bergantung pada proses manual, jadi *ani* juga menolong apa nama *atu* menyebabkan kelambatan," jelas Yang Berhormat pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang memasuki hari kedua dan berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Ketiga, tambah Yang Berhormat, untuk mengatasi kelambatan statistik permohonan, sehingga 10 Julai 2025, terdapat 5,951 permohonan yang masih belum selesai termasuk, 2,422 dalam status *inquiry* dan lebih 2,000 lagi sedang dalam pelbagai peringkat siasatan dan pengesahan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat MMN bagi mengadakan sesi terbuka

bersama pemohon adalah bertepatan dan sangat wajar. JUZWAB sebenarnya telah mula melibatkan penghulu dan ketua kampung dalam menyebarkan maklumat dan membantu pemohon menyemak permohonan mereka.

Namun, jelas Yang Berhormat, sesi fizikal atau jelajah mukim secara berkala akan lebih berkesan untuk menjelaskan kriteria kelayakan; memberi maklum balas terus kepada pemohon; menyemak dan bantu dokumen yang tertunggak secara terus.

Yang Berhormat seterusnya menambah, SKN di bawah JUZWAB semakin berkesan selepas penaiktarafan kepada sebuah jabatan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif.

Namun usaha-usaha penambahbaikan akan terus dilaksanakan khususnya dari segi kemahiran komunikasi, pemantapan sistem IT dan penambah tenaga kerja yang kompeten.

## Pertimbangan perusahaan kecil di kawasan perumahan masih dalam penelitian

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Ogos. - Kebenaran kepada penduduk yang tinggal di kawasan Perumahan Negara

dan Perumahan Rakyat Jati untuk menjalankan perusahaan kecil, *cottage industry* adalah antara agenda yang masih dalam

penelitian kementerian dan agensi-agensi berkaitan melalui Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan yang mana

mesyuarat ini dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Ahli-ahli mesyuarat ini terdiri daripada Setiausaha-setiausaha Tetap dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Pendidikan.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengenai dengan mempertimbangkan kebenaran kepada penduduk di Rancangan Perumahan Negara menjalankan perusahaan kecil seperti *cottage industry* pada pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang memasuki hari kedua dan berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan.

tadi. Menurut Yang Berhormat, dalam perbincangan yang telah dibuat sejauh ini mengenai dengan perkara untuk mempertimbangkan kebenaran bagi membolehkan perusahaan kecil seperti *cottage industry* ini, perkara ini telah mendapat kesepakatan bagi membolehkan aktiviti ini dijalankan.

"Apa yang tinggal pada masa ini ialah penelitian lanjut untuk merangka peraturan undang-undang dan dasar supaya apabila perkara ini diberi kebenaran nanti, keselamatan dan kesejahteraan jiran dan masyarakat setempat akan dapat dikawal dengan lebih baik.

"Kementerian Pembangunan menyedari akan potensi aktiviti ini dalam menyokong keusahawanan komuniti dan insyaaAllah apabila penelitian ini dimuktamadkan nanti, cadangan ini dapat direalisasikan dan dapat dilaksanakan dengan garis panduan yang teratur," jelas Yang Berhormat.

## Perlu masa perincian memastikan kesahihan maklumat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Ogos. - Mengenai dengan tindakan strategik yang diambil bagi mempercepatkan proses kelulusan program perumahan negara dalam membantu rakyat memiliki rumah sendiri, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan bahawa Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah membuat beberapa inisiatif bagi melancarkan lagi proses penilaian, penelitian permohonan-permohonan yang diterima mengenai dengan permohonan perumahan di bawah Skim Perumahan Negara dan juga Perumahan Rakyat Jati.

Pada masa ini, tambah Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Perumahan sedang meneliti permohonan-permohonan yang dihadapkan sejak tahun 2012 secara berperingkat sebelum dihadapkan untuk kebenaran.

"Antara cabaran yang dihadapi di dalam penelitian yang memerlukan masa ialah perincian yang perlu dibuat untuk memastikan permohonan-permohonan ini, pertama dia menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

"Umpamanya syarat yang lumrah *kitani* ketahui ialah pemohon-pemohon adalah pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat yang tidak memiliki tanah dan di dalam kategori pendapatan di antara BND445 dan BND3,000 sebulan.

"Ini adalah di antara perkara-perkara yang menjadi syarat dan selain daripada maklumat-maklumat *ani*

yang disampaikan oleh pemohon di dalam borang-borang permohonan dan perkara ini juga memerlukan perincian dari segi penelitian proses-proses bagi setiap permohonan," ujar Yang Berhormat bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang memasuki hari kedua dan berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Perkara ini ujar Yang Berhormat, perlu dilihat dan diteliti sama ada kandungan-kandungan maklumat yang diberikan di dalam borang-borang permohonan ini adalah tepat dan betul.

Ia juga memerlukan masa perincian untuk memastikan kesahihan maklumat-maklumat yang disampaikan kerana antara perkara-perkara yang menjadi cabaran ialah sama ada orang tersebut benar-benar tidak memiliki tanah atau seumpamanya.

"Ada jua yang *kitani* menerima aduan di mana orang *atu* setelah menerima *apatu* skim *ani*, membeli tanah *tia* selepas *atu*, adakah permohonan tanah didaftarkan di bawah namanya? *Atulah* perkara-perkara yang perlu *kitani* elakkan supaya tidak ada ketirisan dari segi penelitian-penelitian *ani*," terang Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat lagi, perkara ini adalah perkara-perkara yang relevan untuk dibuat pembaikan dari segi memendekkan lagi proses permohonan ini untuk memastikan permohonan-permohonan bagi mereka yang betul-betul layak dapat diproses dengan cepat dan sebaiknya.



## MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PEKA, RESPONSIF, BERSEDIA DENGAN PERUBAHAN YANG BERLAKU



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Ogos. - Dalam landskap global yang tidak menentu dan kian mencabar seperti isu-isu persaingan politik, ekonomi dan teknologi maklumat oleh kuasa-kuasa besar serta konflik di Timur Tengah dan Eropah, negara kita tidak terkecuali daripada turut terkesan. Ini juga mencabar usaha-usaha kita dalam mencapai Wawasan Negara.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menjelaskan perkara tersebut pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang memasuki hari kedua dan berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

"Oleh itu, kita mesti sentiasa peka, responsif dan bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang berlaku. Melangkah ke hadapan, Negara Brunei Darussalam (NBD) juga perlu terus mengukuhkan hubungan dua hala dan berbilang hala dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

Justeru, Yang Berhormat menegaskan bahawa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan terus memberikan sokongan dan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan melalui Whole of Government dalam menjaga kepentingan negara dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat juga berkata walaupun dengan tersedianya strategi-strategi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam *blueprint-blueprint* yang berkenaan, belum tentu Wawasan Brunei 2035 akan tercapai tanpa adanya pendekatan secara Whole of Nation. Kerana Wawasan Brunei 2035 ini adalah wawasan yang dimiliki dan akan dimanfaatkan oleh setiap rakyat dan penduduk tetap NBD.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menyatakan penglibatan daripada setiap lapisan masyarakat yang berkepentingan seperti para belia, wanita, peniaga-peniaga, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lainnya adalah juga penting seperti sebagai contoh dalam sama-sama menyumbang kepada pengurangan kos belanjawan dan meningkatkan hasil pendapatan negara serta juga mengenal pasti dan membuat penyelesaian mengenai isu-isu ekonomi dan sosial sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai isu lesen peniaga orang tempatan yang disewakan kepada orang

**Oleh :** Hajah Rosidah Haji Ismail

**Foto :** Mohd. Sahrizal Haji Said, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

luar.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga menyarankan agar ada juga baiknya mendengarkan menerusi Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik apakah peranan, cadangan, buah fikiran, cara penyelesaian dan usaha-usaha yang dapat pihak-pihak masyarakat ini sumbangkan dalam sama-sama

berusaha ke arah mencapai wawasan tersebut kerana dengan cara ini dapatlah kita membincangkan perkara-perkara strategik yang bermanfaat kepada rakyat dan penduduk tetap negara ini bak pepatah, 'Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, Duduk seorang bersempitan, duduk beramai biar lengang'.

**OLEH yang demikian, Yang Berhormat menyatakan penglibatan daripada setiap lapisan masyarakat yang berkepentingan seperti para belia, wanita, peniaga-peniaga, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lainnya adalah juga penting seperti sebagai contoh dalam sama-sama menyumbang kepada pengurangan kos belanjawan dan meningkatkan hasil pendapatan negara serta juga mengenal pasti dan membuat penyelesaian mengenai isu-isu ekonomi dan sosial sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai isu lesen peniaga orang tempatan yang disewakan kepada orang luar.**

## Usaha meletakkan asas kukuh untuk generasi akan datang



**AHLI** Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Ogos. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat semasa Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang memasuki hari kedua dan berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi berkata bahawa Manpower Blueprint telah menyediakan pelbagai inisiatif pembangunan kemahiran, termasuk kursus latihan teknikal, program perantisan dengan syarikat tempatan serta kerjasama dengan institusi pendidikan bagi membina tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan industri.

Menurut Yang Berhormat lagi,

ramai belia telah mendapat manfaat daripada program ini, mendapat pendedahan awal dan pengalaman bekerja sebelum memasuki pasaran kerja sebenar.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, selepas program berakhir, ramai peserta masih berdepan dengan pekerjaan sementara atau kontrak jangka pendek, tanpa jaminan untuk berkembang ke kerjaya yang tetap dan ia bukan bermaksud latihan tidak berkesan, tetapi kesinambungan selepas latihan belum sepenuhnya terjamin.

Untuk memperkukuh hasil pelaburan ini, Yang Berhormat menyatakan bahawa mungkin boleh dipertimbangkan beberapa langkah iaitu yang pertama, skim insentif kepada majikan yang mengambil peserta latihan secara tetap selepas program tamat agar sektor swasta lebih terdorong melabur dalam tenaga kerja tempatan secara berjangka panjang.

Kedua, jelas Yang Berhormat, pemetaan kerjaya bersepadu di sekolah menengah yang diselaraskan dengan unjuran pertumbuhan sektor ekonomi lima hingga 10 tahun ke hadapan, agar pelajar dapat merancang laluan pendidikan mereka mengikut keperluan industri sebenar dan meningkatkan kebolehpasaran selepas tamat pengajian dan ketiga pula, program latihan semula yang lebih fleksibel untuk tenaga kerja berpengalaman atau berusia, supaya mereka dapat beralih ke sektor baharu, terutama dalam bidang bernilai tambah

tinggi, apabila struktur ekonomi negara berubah atau apabila mereka kehilangan pekerjaan.

Jelas Yang Berhormat lagi, langkah-langkah ini tidak menambah dasar baharu tetapi memperkukuh lagi hubungan antara latihan, pasaran kerja dan pekerjaan jangka panjang.

Dengan pendekatan ini, Yang Berhormat berharap tenaga kerja tempatan bukan sahaja berpeluang mendapat pekerjaan, tetapi juga menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara yang lebih stabil dan berdaya saing.

Seterusnya, Yang Berhormat menambah Social Blueprint telah membantu ramai keluarga mengatasi cabaran asas, melalui skim bantuan kewangan, pemilihan rumah dan pelbagai program kebajikan yang disampaikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta agensi lain. Program kesedaran sosial dan peranan Majlis Perundingan Kampung juga semakin jelas dalam mendekati masyarakat berkeperluan.

Namun, terang Yang Berhormat, terdapat kes di mana rakyat yang berdepan masalah lebih kompleks seperti tekanan ekonomi berpanjangan, kesihatan mental atau isu kekeluargaan terpaksa berulung-alik antara pelbagai agensi untuk mencari penyelesaian. Perkara ini sering melambatkan bantuan atau menyebabkan isu tersebut berlarutan.

"Mungkin boleh dipertimbangkan penubuhan

Pusat Sokongan Komuniti Daerah yang menyatukan akses kepada semua perkhidmatan ini di satu lokasi. Melalui pusat ini, rakyat boleh mendapatkan bantuan sosial, kaunseling kesihatan mental dan bimbingan keluarga di satu tempat yang mudah diakses.

"Ia juga boleh menjadi ruang aktiviti komuniti, menyediakan program kesedaran sosial, aktiviti rekreasi dan platform sokongan keluarga yang membina semangat kejiranan dan daya tahan masyarakat.

"Pada masa yang sama, ketua kampung dan Majlis Perundingan Kampung boleh dibekalkan dengan latihan berterusan, agar mereka dapat mengenal pasti isu lebih awal, menyalurkan maklumat dengan cepat dan menjadi jambatan yang berkesan antara rakyat dan agensi kerajaan," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, pendekatan ini melengkapkan

dasar sosial sedia ada dengan menjadikannya lebih mudah dicapai, lebih efisien dan lebih menyeluruh, sekali gus membantu membina masyarakat yang bersatu, berdaya tahan dan menyokong antara satu sama lain.

Yang Berhormat menegaskan Wawasan Brunei 2035 adalah usaha membina negara yang bukan sahaja menumpukan kepada pencapaian hari ini, tetapi juga meletakkan asas kukuh untuk generasi akan datang.

Usaha di bawah tiga *blueprint* utama telah membawa banyak pencapaian yang wajar dihargai, dan pada masa yang sama memastikan manfaat wawasan ini benar-benar sampai kepada setiap rakyat, agar perjalanan menuju matlamat Wawasan Brunei 2035 dapat diwariskan sebagai sebuah negara yang lebih makmur, inklusif dan berdaya saing untuk generasi seterusnya.



**ANTARA** yang hadir mendengarkan persidangan.



## MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PERKHIDMATAN SARINGAN AWAL KANSER DIPERTINGKATKAN MENYELURUH

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan.**

Payudara telah dipertingkatkan secara menyeluruh.

Kadar pengesanan awal penyakit kini lebih tinggi, membolehkan intervensi perawatan dijalankan dengan lebih cepat dan berkesan, sekali gus mengurangkan beban kepada sistem kesihatan dalam jangka panjang.

Ini dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga menerokai kaedah baharu dalam panyaringan Kanser Kolorektal (Fecal Immunochemical Test - FIT) dan memperkenalkan Human Papillomavirus (HPV) *self-sampling collection kit* bagi panyaringan Kanser Serviks yang membolehkan pengguna menjalankan saringan di rumah secara mudah dan selesa bagi pengesanan yang lebih sensitif dan efektif.

Yang Berhormat juga berkata usaha-usaha ini sejajar dengan dapatan kaji selidik tersebut yang menunjukkan peningkatan kadar penyertaan wanita berumur 30 hingga 49 tahun dalam Saringan

Kanser Serviks, daripada 67.5 peratus kepada 74.1 peratus, melebihi kadar 70 peratus yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Dalam usaha-usaha untuk penambahbaikan, Yang Berhormat juga menyatakan Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa inisiatif penting bagi memperkukuh Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan, ini termasuk memudah cara pendaftaran bagi penilaian risiko Kanser Kolorektal, Kanser Serviks dan Kanser Payudara dalam aplikasi BruHealth.

Pelancaran modul pendaftaran saringan Kanser Payudara serta penubuhan Pusat Pengimejan Payudara yang dilengkapi teknologi terkini untuk meningkatkan mutu dan kepercayaan terhadap perkhidmatan saringan dalam tempoh satu tahun yang lalu.

Kementerian Kesihatan juga

sedang menerokai kaedah lain untuk meningkatkan liputan saringan, termasuk perolehan Mobile Mammogram yang dianggarkan melebihi BND1 juta.

Kaedah ini menurut Yang Berhormat, sudah dilaksanakan di negara jiran dan dijangkakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya, khususnya oleh penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman atau yang sukar untuk mendapatkan akses ke hospital.

"Bagi Kanser Payudara, kaji selidik kali ini menunjukkan peningkatan 60.3 peratus wanita melaporkan pernah menjalani pemeriksaan payudara, berbanding 11.1 peratus menjalani pemeriksaan dalam setahun yang lalu.

"Walau bagaimanapun, masih ada ruang untuk penambahbaikan dan Kementerian akan terus meneliti, memantau dan mengemas kini usaha-usaha pelaksanaan," jelas Yang Berhormat.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Ogos. - Akses kepada perkhidmatan saringan awal bagi penyakit-penyakit utama seperti Kanser Serviks dan Kanser

# Bimbing, perkasa belia sebagai tulang belakang kemajuan negara diutamakan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Ogos. - Berkenaan dengan pelaksanaan ke arah mencapai Wawasan Negara, terdapat beberapa cabaran penting yang perlu kita beri perhatian secara serius di mana antara yang paling utama ialah kemunculan pelbagai *emerging issues global* yang berpotensi memberi kesan langsung mahupun tidak langsung kepada keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi negara.

Isu-isu seperti perubahan iklim, ketidaktentuan ekonomi global, kemajuan teknologi yang pesat, pengaruh media sosial, serta kesihatan mental dan sosial dalam kalangan rakyat bukan sahaja mengubah landskap dunia, malah secara tidak langsung turut mempengaruhi struktur sosial, nilai masyarakat, dan daya tahan ekonomi negara kecil seperti Brunei Darussalam.

Perkara ini dinyatakan oleh Ahli

Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Terlebih dahulu, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz juga turut menjunjung penuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 yang memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi daripada semua pihak dengan mengambil kira

cabaran-cabaran global di masa hadapan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pihak yang terlibat atas penerbitan Buku Social Blueprint Negara Brunei Darussalam, yang bertemakan 'Ke Arah Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi' di mana penerbitan ini merupakan satu langkah yang sangat bertepatan dan strategik dalam menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam usaha memperkasa kesejahteraan rakyat secara menyeluruh - dari aspek sosial, ekonomi, pendidikan, kesihatan, hingga ke penglibatan masyarakat dan belia.

Dari aspek kepimpinan belia dan isu sosial dalam kalangan generasi muda, ujar Yang Berhormat, ia kini menjadi antara tumpuan utama dalam memastikan kita tidak hanya melahirkan generasi yang celik akademik semata-mata tetapi juga generasi yang berdaya saing, berdaya tahan dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

Oleh itu, dalam menghadapi cabaran ini, jelas Yang Berhormat,

adalah menjadi keutamaan bagi para pembuat dasar, institusi pendidikan, masyarakat awam, dan terutamanya golongan belia untuk sama-sama memainkan peranan secara aktif.

Wawasan Brunei 2035, tekan Yang Berhormat, tidak akan dapat dicapai hanya melalui dasar yang baik di atas kertas tetapi menuntut pelaksanaan yang inklusif, responsif, dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan global yang pantas.

Menurut Yang Berhormat lagi, kita perlu memastikan bahawa pembangunan kepimpinan belia, pemerkasaan masyarakat, kesedaran sosial serta pengukuhan jati diri kebangsaan terus menjadi keutamaan dan dalam masa yang sama, dasar-dasar negara haruslah sentiasa disemak dan ditambah baik agar kekal relevan dengan perkembangan semasa, serta berpaksikan nilai kebruneian yang kita junjung.

**"MENYEDARI bahawa golongan belia merupakan tulang belakang kepada kemajuan negara, maka sudah tentu usaha membimbing dan memperkasa mereka harus menjadi keutamaan," terang Yang Berhormat.**



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.**

"Menyedari bahawa golongan belia merupakan tulang belakang kepada kemajuan negara, maka sudah tentu usaha membimbing dan memperkasa mereka harus menjadi keutamaan," terang Yang Berhormat.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.



## MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PASTIKAN SETIAP LAPISAN MASYARAKAT MEMPUNYAI AKSES KEPERLUAN ASAS



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Ogos. - Dalam perbahasan Usul Wawasan Brunei 2035 pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin menyentuh mengenai dengan aspek sosial rakyat dalam Social

Blueprint iaitu fokus strategik hasrat memenuhi keperluan asas rakyat dan penduduk dipenuhi.

Menurut Yang Berhormat, ia adalah untuk memastikan setiap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang sosial dan demografi, mempunyai akses dan jaminan yang sama dan saksama kepada keperluan asas ke arah mencapai kualiti hidup yang tinggi dan mampan.

Dalam hal ke arah warga sihat, Yang Berhormat mengusulkan untuk kadar caj baharu bagi masyarakat yang memegang kad ungu yang sudah memegang kad ini selama 10 tahun atau lebih untuk dapat dipertimbangkan mendapat keistimewaan

perubatan percuma sama seperti warga negara atau dikemaskini kepada memberi keistimewaan khusus bagi kelompok warga kad ungu ini, khusus yang tidak manipulasi sistem perubatan percuma negara dan yang sudah menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Seterusnya, bagi rumah kediaman tempat tinggal, Yang Berhormat mencadangkan agar kaedah PPP dalam pembangunan rumah di Rancangan Perumahan Negara (RPN) akan dapat diperkasakan dan disegerakan dengan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12) yang terhad, penglibatan sektor swasta dalam pembangunan rumah RPN adalah penting.

"Modal yang ingin kaola cadangkan ialah pihak kerajaan untuk memperuntukkan tapak-tapak tanah RPN yang masih hijau, *green sites* untuk pembangunan rumah-rumah berkenaan dan perbelanjaan untuk infrastruktur asas sahaja. Manakala pembinaan rumah akan dapat dibuat oleh sektor swasta yang terpilih dan *competent*

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

dengan perbelanjaan syarikat swasta berkenaan dengan kadar harga rumah mampu milik sekitar BND60,000 hingga BND70,000 bagi satu unit," ujarnya lagi.

Mengenai pembayaran balik pula, Yang Berhormat mencadangkan pihak bank di negara ini untuk ikut serta dengan menyediakan kadar pinjaman yang kurang dari harga pasaran yang mana pemilik rumah akan dapat membayar balik melalui bank dengan bayaran bulanan yang mampu.

Bagi pendidikan yang holistik dan pelajar dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sentiasa relevan, Yang Berhormat mencadangkan untuk pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan untuk menyediakan peruntukan tahunan bagi mendapatkan khidmat mereka yang berpengalaman di industri untuk menjadi tenaga pengajar dan juga peralatan mengajar ilmu kemahiran *hands-on practical* di setiap

bengkel-bengkel di peringkat IBTE dan Politeknik.

Yang Berhormat percaya dengan cara ini ia dapat mengeluarkan graduan teknikal dan vokasional yang *industry-ready* yang boleh diterima terus oleh pihak industri tanpa melalui latihan tambahan dan syarikat.

"Bagi aspek jaminan kesejahteraan dan keselamatan iaitu khusus mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat. Ini berkait rapat dengan aktiviti dan pembangunan ekonomi negara.

"Jika ekonomi negara perlahan maka peluang pekerjaan pun akan lambat ditambah, lagi dengan jumlah graduan atau lepasan sekolah yang bertambah setiap tahun.

"Cadangan kaola agar sukatan pencapaian negara setakat ini dalam sektor-sektor aktiviti mempelbagaikan ekonomi negara perlu diteliti dengan serta-merta dan merumuskan hala tuju seterusnya," ujarnya lagi.

## Negara komited memelihara alam sekitar, pengurusan mampan sumber asli

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Ogos. - Cabaran dalam menghadapi *emerging issues global* dalam pelaksanaan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 adalah sesuatu yang kompleks, mendalam dan saling berkait.

Ia bukan sahaja menyentuh isu domestik negara, malah turut dipengaruhi oleh arus global yang pantas berubah baik dari segi teknologi, ekonomi mahupun alam sekitar.

Antara yang paling ketara ialah perubahan iklim dan bencana alam yang mana kini semakin memberikan kesan langsung kepada kehidupan rakyat dan kelestarian sumber negara.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong menyatakan perkara tersebut dalam perbahasan Usul Wawasan Brunei 2035 pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kesan seperti cuaca ekstrem, banjir luar jangka dan ancaman kepada keselamatan makanan dan sumber air bukan lagi hal yang boleh diketepikan.

Dengan hanya berbaki 10 tahun

sebelum tahun 2035 jelasnya, perancangan yang lebih strategik, teratur dan bersepadu perlu segera diwujudkan.

Tambahnya, ini bukan tugas satu pihak sahaja, sebaiknya memerlukan komitmen kolektif semua sektor kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), institusi pendidikan dan paling penting penyertaan aktif masyarakat termasuk generasi muda.

Dalam hal ini tekannya, mereka perlu, memperkemaskan dasar berkaitan alam sekitar dan pembangunan mampan; memperkenalkan pendidikan iklim dan kesedaran bencana dalam kalangan generasi muda; menggalakkan penyelidikan dan inovasi hijau serta teknologi lestari; dan mengintegrasikan nilai-nilai kebruneian dan Islam dalam setiap tindakan bagi memastikan pembangunan kita tidak mengorbankan kesejahteraan jangka panjang.

"Alhamdulillah, kita bersyukur kerana Negara Brunei Darussalam terus kekal sebagai sebuah negara hijau yang kaya dengan khazanah alam semula jadi. Kini sebanyak 72 peratus daripada keseluruhan kawasan tanah negara masih diliputi hutan. 41 peratus daripadanya telah diwartakan sebagai hutan simpanan. Ini adalah bukti komitmen negara yang kukuh

terhadap pemeliharaan alam sekitar serta pengurusan mampan sumber asli," ujarnya lagi.

Pencapaian ini jelasnya, bukan datang secara kebetulan tetapi adalah hasil daripada pelbagai inisiatif, bersepadu yang dilaksanakan oleh kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan yang sentiasa berganding bahu dalam memastikan warisan alam kita dipelihara untuk generasi akan datang.

Selain daripada itu terangnya, perlindungan hutan, kualiti udara di negara ini juga berada pada tahap yang sangat baik, di mana berdasarkan pemantauan berterusan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) di bawah Kementerian Pembangunan, mengikut laporan setakat bulan November 2022, kualiti udara di keempat-empat daerah kekal selamat dan mematuhi garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Lebih pada itu katanya, pelbagai program kesedaran awam terus dilibatkan antaranya kempen setiap hari tanpa beg plastik yang mendidik masyarakat mengurangkan kebergantungan terhadap plastik sekali guna; program penanaman pokok yang menyumbangkan kepada penyerapan karbon dan pemulihan ekosistem; kempen

Reuse, Reduce dan Recycle, 3R yang memperkukuhkan budaya kelestarian dan kehidupan harian; dan aktiviti pembersihan pantai yang melibatkan penyertaan masyarakat secara langsung dalam menjaga kebersihan alam sekitar.

Semua inisiatif ini tambahannya, adalah bukti bahawa Brunei Darussalam bukan sahaja mengutamakan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan fizikal, tetapi juga menjadikan pemeliharaan alam sekitar sebagai teras penting pembangunan mampan selaras dengan inspirasi kita menuju Wawasan Brunei 2035.

Selain daripada itu, Yang Berhormat juga berharap agar inisiatif mesra alam sekitar ini tidak hanya terhad kepada program masyarakat dan kesedaran orang awam semata-mata, tetapi terus diperkukuhkan dalam sektor - sektor utama pembangunan terutamanya dalam industri pembinaan dan infrastruktur awam kerana industri ini memainkan peranan besar dalam landskap pembangunan negara.

Justeru itu tegasnya, adalah amat wajar sekiranya setiap projek pembinaan mengambil kira amalan lestari dan mesra alam seperti penggunaan bahan binaan mampan; pengurangan pembaziran sumber; dan reka



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

bentuk yang efisien dari segi tenaga dan air.

"Untuk merealisasikan hasrat ini, kaola menyarankan agar pihak berkuasa yang berkaitan dengan menyediakan satu garis panduan yang komprehensif dan selaras dengan prinsip kelestarian alam sekitar termasuk penilaian impak alam sekitar, EIA yang lebih ketat dan pematuhan kepada piawaian hijau antarabangsa. Dengan adanya pendekatan ini, penggunaan fizikal negara tidak akan mengorbankan alam sekitar, malah menyumbang ke arah pembentukan bandar dan masyarakat yang lebih hijau, sihat dan berdaya huni," ujarnya lagi.



## MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# TINDAKAN SEPADU NASIONAL RANGKUMKAN PELBAGAI ELEMEN PEMBANGUNAN TENAGA KERJA



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.**

teknikal yang sebenarnya lebih sesuai untuk memperkembangkan sektor-sektor ini.

Ini mencerminkan ketidakselarasan antara aspirasi ekonomi dan perancangan tenaga kerja yang disepadukan.

Perkara berkenaan dinyatakan dalam perbahasan Usul Wawasan Brunei 2035 oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Untuk menangani isu ini secara *structure*, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali mencadangkan agar diwujudkan satu usaha dan tindakan integrasi yang tahap nasional yang menyatukan pelbagai elemen pembangunan tenaga kerja, merangkumi pelaburan, latihan kemahiran, penyerapan pekerjaan dan penggalakan keusahawanan

di bawah satu rangka tindakan bersepadu.

Menurutnya, pendekatan ini bukan saja mengelakkan pertindihan dasar tetapi turut memberi garis hala tuju yang jelas bagi penyertaan graduan bukan teknikal dalam pelbagai sektor ekonomi.

Yang Berhormat turut mencadangkan pembangunan *dashboard* penempatan tahunan yang bersifat telus dan bersandar kepada angka sebenar, yang mana *dashboard* ini harus berupaya menjejak secara berterusan jumlah pekerjaan yang diwujudkan, jumlah yang diisi oleh tenaga kerja tempatan dan pernyataan kemajuan mengikut sektor ekonomi.

Pendekatan ini jelasnya, bukan sahaja dapat membantu dalam penilaian *impact policy* malah membentuk budaya penyampaian dasar yang lebih bertanggungjawab dan berasaskan prestasi.

Seterusnya, cadangan ketiga menurutnya, adalah peralihan ke arah sistem data terbuka yang membolehkan semua pihak, rakyat, ahli akademik, penggubal dasar dan pelabur turut serta dalam proses pengawasan dan

**Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

penilaian keberkesanan dasar.

Ketelusan data tekannya, menjadi asas kepada tindakan pembetulan, pengubahbaikan berasaskan realiti bukan andaian.

"Akhir sekali, kita perlu menilai semula keperluan asas dalam kerangka ekonomi kita. Graduan bukan teknikal yang berdepan pengangguran atau pekerjaan yang tidak setaraf merupakan gambaran kepada kegagalan sistem. Menyampaikan jaminan pekerjaan yang setimpal dengan kelulusan mereka.

"Oleh itu, strategi pembangunan negara tidak boleh berteraskan pertumbuhan angka semata-mata tetapi mesti berakar kepada kesejahteraan, keadilan, kesaksamaan dan mendatangkan manfaat kepada semua modal insan yang pelbagai," ujarnya lagi.

Yang Berhormat dalam perbahasan usul tersebut merumuskan bahawa kejayaan Wawasan Brunei 2035 tidak boleh diukur semata-mata melalui peningkatan pelaburan atau bilangan industri baharu.

Tambahnya, ia harus berdasarkan sejauh mana strategi negara berjaya mengintegrasikan sepenuhnya semua segmen modal insan termasuk graduan bukan teknikal ke dalam arus pembangunan negara.

Tanpa haluan penempatan nasional yang telus, tanpa membuka sektor strategik pada tenaga kerja jurusan *humanities* dan tanpa *dashboard* pemantauan yang menyeluruh tegasnya, kita berisiko mengecilkan potensi-potensi sebenar negara.

Menurutnya lagi, graduan bukan teknikal bukan sekadar statistik dalam laporan EduStats, mereka adalah agen perubahan penyampai nilai jambatan antara dasar dan masyarakat.

Jika kita benar-benar serius untuk melihat Wawasan Brunei 2035 menjadi kenyataan tekannya, maka kita harus mengangkat mereka ke tengah pentas pembangunan negara bukan sebagai pelengkap tetapi sebagai teras yang tidak boleh diabaikan.

## Usaha memperkukuhkan keselamatan digital negara

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali,  
Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Ogos. - Cabaran melaksanakan Wawasan Brunei 2035 ini hanya berbaki 10 tahun adalah amat mencabar. Lebih-lebih lagi dengan wujudnya pelbagai *emerging issues global* yang memberi kesan secara langsung mahupun tidak langsung di dalam pelaksanaan secara menyeluruh.

Antara cabaran yang semakin ketara ialah keselamatan siber dan ancaman digital yang bukan saja mengganggu kelancaran sistem pentadbiran serta komunikasi bahkan berpotensi untuk menjejaskan ekonomi negara dan mengancam keselamatan rakyat.

Perkara berkenaan dinyatakan

dalam perbahasan Usul Wawasan Brunei 2035 oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Terdahulu, Yang Berhormat menjunjung penuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035. Ini mencerminkan keprihatinan baginda tentang hala tuju, kemajuan dan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Menurut Yang Berhormat, ancaman seperti penipuan dalam talian, kebocoran data, serangan *ransomware* dan penyebaran maklumat palsu memberi impak besar kepada keyakinan masyarakat dan pelaburan terhadap kestabilan digital negara.

Untuk menangani cabaran keselamatan siber dan ancaman digital yang semakin kompleks ini tambah Yang Berhormat, beberapa langkah strategik perlu diberikan perhatian luas.

Kongsi Yang Berhormat, pertama, memperkukuhkan infrastruktur dan polisi Keselamatan Siber Kebangsaan, menyemak dan mengemas kini Dasar Siber Kebangsaan secara berkala agar sejajar dengan perkembangan teknologi semasa. Melaksanakan piawaian keselamatan, minimum bagi semua sistem ICT sektor kerajaan dan swasta. Menyediakan Pusat Respons Insiden Siber, CRT yang cekap dan sentiasa bersedia menangani sebarang ancaman atau serangan.


Sementara yang kedua, tambah Yang Berhormat, pendidikan dan kesedaran siber di peringkat nasional memperluas kempen kesedaran keselamatan digital kepada masyarakat umum. Pelajar, penjawat awam dan

usahawan, mengintegrasikan modal keselamatan dan etika digital dalam sistem pendidikan sejak peringkat awal. Menyediakan bengkel dan latihan khusus kepada individu dan organisasi tentang bagaimana mengenal pasti, mencegah dan merapuhkan ancaman siber.

Ketiga, kongsi Yang Berhormat lagi, pembangunan sumber manusia dan kepakaran tempatan. Melatih dan menghasilkan lebih ramai pakar keselamatan siber tempatan termasuk dalam bidang forensik digital, pengurusan risiko dan kecerdasan ancaman yakni, *threat intelligence*. Menyediakan biasiswa, pensijilan profesional dan kerjasama dengan institusi luar dan untuk membina kapasiti tenaga mahir dalam bidang ini.

"Keempat, kerjasama strategik serantau dan global mengukuhkan kerjasama dengan Negara-negara ASEAN dan agensi antarabangsa dalam menangani generasi baharu merentas sempadan. Menyertai platform global untuk perkongsian maklumat ancaman siber dan amalan terbaik.

"Kelima, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan siber. Memantapkan pelaksanaan dan pemantauan terhadap undang-undang sedia yang ada seperti Akta Jenayah, Siber dan Akta Telekomunikasi. Menyediakan saluran laporan yang mesra pengguna untuk membolehkan orang awam melaporkan jenayah siber dengan mudah dan keenam, menggalakkan budaya bertanggungjawab digital.



**AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.**

Menggalakkan etika dan integriti dalam pengguna siber dan teknologi termasuk dalam kalangan belia dan pengguna aktif digital. Mengawal penyebaran maklumat palsu melalui pendekatan pendidikan dan juga tindakan tegas ke atas penyalahgunaan platform," jelas Yang Berhormat.

Dengan adanya langkah-langkah ini tegas Yang Berhormat, keselamatan digital negara dapat diperkukuhkan dan keyakinan masyarakat serta pelabur terhadap keupayaan Brunei sebagai negara digital yang selamat dan berdaya saing dapat terus dipelihara.

Inilah antara prasyarat penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035.

**"KEEMPAT, kerjasama strategik serantau dan global mengukuhkan kerjasama dengan Negara-negara ASEAN dan agensi antarabangsa dalam menangani generasi baharu merentas sempadan. Menyertai platform global untuk perkongsian maklumat ancaman siber dan amalan terbaik".**



# MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## MESYUARAT DIHARAP LEBIH BERKESAN, BERIMPAK TINGGI



**YANG** Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

### >> Muka 1

Antara urusan utama dalam Mesyuarat Kedua ini, jelas Yang Di-Pertua MMN, adalah usul yang akan membincangkan usaha senegara dalam mencapai

Wawasan Brunei 2035 yang sudah setentunya kejayaannya bergantung kepada penglibatan menyeluruh, usaha gigih dan kerjasama berterusan daripada semua pihak dan lapisan masyarakat untuk bertindak dan bersatu.

Tambah Yang Di-Pertua MMN, setentunya ini adalah sangat sesuai untuk dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat kita ini. Mesyuarat Kedua ini juga membuka ruang bagi pertanyaan dari Ahli-ahli Yang Dilantik untuk mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam dan juga memberi peluang kepada Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan untuk mengongsikan inisiatif-inisiatif kerajaan yang menyokong agenda pembangunan negara.

Yang Di-Pertua MMN berharap dalam Mesyuarat Kedua ini mempunyai peranan besar dalam menjalankan semak dan imbang dalam agenda kepentingan rakyat dan kemakmuran negara.

"Ahli-ahli Yang Berhormat berpeluang untuk berbahas dan walaupun akan ada perbezaan pandangan, saya berharap perbahasan akan dapat dijalankan dalam suasana yang matang, penuh tertib dan berhemah dengan berpegang kepada prinsip Melayu Islam Beraja.

"Saya menyeru kepada ahli-ahli akan berpegang kepada kekuatan MMN dalam sama-sama menjalankan amanah demi kebaikan rakyat dan masa depan negara ini. Ini bermakna Persidangan MMN ini perlu dibangunkan untuk menjadi medan pertukaran-pertukaran idea, buah fikiran dan penyelesaian demi memperbaiki dasar dan kehidupan rakyat dan seharusnya dipandang sebagai jambatan antara kerajaan dan rakyat," jelas Yang Di-Pertua MMN.

Yang Di-Pertua MMN seterusnya menegaskan Ahli-ahli

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**  
**Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad**

Yang Berhormat perlu sama-sama menjalankan tanggungjawab bersama secara *collective responsibility* demi memikirkan pembangunan negara kita ini apa lagi dalam suasana dunia yang kurang menentu pada waktu ini.

Dalam membincangkan dan membahaskan isu-isu yang berkenaan, Yang Di-Pertua MMN ingin menekankan bahawa Peraturan-peraturan Mesyuarat atau Standing Orders haruslah sentiasa dihormati dan dipatuhi sepenuhnya demi memastikan integriti dan kemuliaan institusi MMN sentiasa terpelihara.

Jelas Yang Di-Pertua MMN lagi, perkara ini adalah penting bukan bagi memantapkan, bukan saja memantapkan proses permesyuaratan tetapi adalah bukti bahawa MMN kita boleh mengaplikasikan Peraturan

Mesyuarat dengan tertib.

"Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan sentiasa beriltizam bagi meletakkan MMN sebagai sebuah institusi yang penting dalam negara ini, apa lagi dalam kewujudannya adalah sudah termaktub dalam perlembagaan negara kita.

"Marilah kita bersama-sama memeriahkan setiap sesi mesyuarat dalam dewan yang mulia ini dengan perbahasan yang lebih berkesan dan berimpak tinggi serta menjaga kesantunan semata-mata demi memastikan kebajikan rakyat, kesejahteraan negara yang kita sayangi. Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan kita nampaknya ada urusan-urusan mesyuarat yang perlu diselesaikan dan saya cadangkan agar kita berpindah ke perkara lain," ujar Yang Di-Pertua MMN mengakhiri ucapan.



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Ogos. - Setakat Julai 2025, sebanyak 82 pusat penjagaan kanak-kanak telah berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) di mana 69 pusat telah dibuka dan sedang beroperasi di Daerah Brunei dan Muara dan empat pusat beroperasi di Daerah Tutong serta sembilan pusat lagi beroperasi di Daerah Belait. Sementara bagi Daerah Temburong tidak ada mempunyai pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) untuk melaksanakan penilaian projek dan landskap bagi penjagaan kanak-kanak berasaskan komuniti yang dikendalikan oleh Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) di Negara Brunei Darussalam termasuk yuran yang berpatutan untuk

## Pusat penjagaan kanak-kanak bantu, ringankan beban penjagaan

warga yang berpendapatan rendah.

"Pemilik pusat penjagaan kanak-kanak di negara ini adalah terdiri daripada pihak-pihak individu persendirian dan juga NGO. Setakat ini, terdapat empat pusat penjagaan yang dikendalikan oleh NGO.

"JAPEM mengalu-alukan bagi mana-mana pun NGO untuk menubuhkan dan menjalankan pusat penjagaan kanak-kanak dengan syarat ia mematuhi proses pelesenan, syarat-syarat pelesenan dan syarat-syarat garis pandu JAPEM mengikut Akta Pusat Penjagaan Kanak-kanak (Penggaj 218)," jelas Yang Berhormat pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menyentuh mengenai pembayaran yuran untuk penghantaran kanak-kanak, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengongsikan ia adalah tertakluk kepada pusat penjagaan kanak-kanak masing-masing berdasarkan kadar pasaran semasa dan juga jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh pusat penjagaan kanak-kanak tersebut.

Jadi untuk makluman, tambah Yang Berhormat, mengikut maklumat yang diterima oleh JAPEM setakat ini, secara purata jumlah yuran bagi seorang kanak-kanak berjumlah BND200 bagi setiap bulan.

KKBS setentunya menggalakkan lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak untuk ditubuhkan ke arah membantu dan meringankan beban penjagaan dan menggalakkan penyertaan wanita dalam alam pekerjaan.

"Sepertimana yang telah dikongsikan sebelum ini, kementerian ini melalui JAPEM telah menyediakan draf garis panduan penjagaan kanak-kanak atau *child daycare* di premis kerja sebagai nilai tambah kepada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang ada pada masa ini.

"Garis panduan ini sebenarnya bertujuan untuk menggalakkan penubuhan pusat penjagaan

kanak-kanak secara *in-house* di premis-premis kerja sama ada sektor kerajaan mahupun swasta. Garis panduan ini juga adalah selaras dengan amalan-amalan terbaik antarabangsa dan juga di negara-negara lain," jelas Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat, salah satu objektif penubuhan *daycare* secara *in-house* ini nanti adalah untuk memberikan akses penjagaan secara lebih mudah dan mampu milik atau *affordable* bagi ibu bapa yang bekerja. Tambahan itu, ia juga akan mengelakkan atau mengurangkan keperluan warga kerja keluar masuk pejabat atas keperluan menghantar anak-anak sekolah.

Dengan adanya *in-house daycare* ini jelas Yang Berhormat lagi, ia akan dapat menyokong para ibu bapa terutama kaum wanita yang bekerja dalam menangani isu penjagaan kanak-kanak dan mendukung keseimbangan penjagaan anak dan kerjaya ke arah kehidupan keluarga yang lebih harmoni.

Oleh itu, Yang Berhormat menyatakan penyediaan kemudahan penjagaan anak yang lebih inklusif, mampu milik dan mudah dicapai adalah penting sebagai sebahagian daripada dasar sokongan yang menyeluruh ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang mesra keluarga.



**SEBAHAGIAN** yang hadir pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.



## MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PERJALANAN WAWASAN BRUNEI 2035 MEMERLUKAN KERJASAMA, INOVASI, SEMANGAT JUANG

Oleh : Srinarawie Bidzah  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol  
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Ogos. - Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak.

Dewan ini perlu meneliti cadangan dan idea yang dikemukakan dengan mengambil kira *emerging issues* di peringkat global untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaian.

Menyedari bahawa Wawasan Brunei 2035 diterbitkan oleh Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang pada tahun 2004 bagi merancang pembangunan negara dalam tempoh 30 tahun ke hadapan. Hanya tinggal 10 tahun bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Perkara berkenaan dijelaskan dalam Usul Wawasan Brunei 2035 yang dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar

Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat memperakui bahawa usaha-usaha mengukuhkan pelaksanaan strategik dan pelan-pelan tindakan menjurus kepada mencapai matlamat-matlamat utama wawasan dijalankan melalui Manpower Blueprint bagi Matlamat Pertama yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan, Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP), Social Blueprint bagi Matlamat Kedua yang diterajui oleh JPM dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial, MKIS; dan Economic Blueprint bagi Matlamat Ketiga yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Kementerian, kata Yang Berhormat memahami bahawa keadaan dunia sejagat sukar diramal dan negara juga tidak terkecuali dari menghadapi kesan global seperti konflik geopolitik dan situasi ekonomi tidak menentu. Kesan ini

mencabar pelaksanaan Wawasan Brunei 2035.

"Bahawa dalam memastikan Negara Brunei Darussalam akan merealisasikan Wawasan Brunei 2035, majlis ini mengusulkan bagi tindakan dan sokongan bersepadu digagaskan dengan pendekatan senegara merealisasikan bagi matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Izinkan kaola untuk meneruskan bagi menyampaikan ulasan terhadap Usul Wawasan Brunei 2035 khususnya berhubung peranan JPM dalam mendukung pelaksanaan dan pencapaian matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan sejak pelancarannya pada tahun 2007, Wawasan Brunei 2035 telah menjadi kerangka rujukan utama negara dalam menggubal dasar dan merangka Pelan Pembangunan Jangka Panjang.

Wawasan Brunei 2035 tambah Yang Berhormat, menetapkan tiga matlamat utama, iaitu pertama, Rakyat yang Berpendidikan dan Berkemahiran Tinggi dan Berjaya, kedua, Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi, dan ketiga, Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

Ketiga-tiga matlamat ini jelas Yang Berhormat saling melengkapi dan penting dalam

**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.**

membina asas sebuah negara yang inklusif, maju dan berdaya tahan. Kejayaan Wawasan Brunei 2035 adalah tanggungjawab kolektif dan memerlukan penyertaan aktif seluruh lapisan masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan dengan tidak bergantung harap sepenuhnya ke atas pihak kerajaan.

"Ini adalah selaras dengan penekanan terhadap pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation yang saling mendukung ke arah mencapai matlamat yang sama.

"Keprihatinan dan kesungguhan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kejayaan Wawasan Brunei 2035 dizahirkan secara berterusan melalui kurnia titah-titah, panduan dan sokongan baginda dalam memperkukuh dasar pembangunan negara.

"Tumpuan baginda terus berpaksikan kepada teras utama Wawasan Brunei 2035, iaitu pendidikan, kualiti hidup dan



pembangunan ekonomi yang mencerminkan iltizam baginda dalam memastikan negara terus maju seiring dengan perubahan global," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata namun demikian, landskap global hari ini semakin mencabar. Isu perubahan iklim, kemunculan teknologi baharu, transformasi tenaga ketidakpastian kerja geoekonomi serta geopolitik memerlukan pendekatan dasar yang lebih strategik, pantas dan berpandangan jauh.

Dalam menghadapi cabaran ini tambah Yang Berhormat, falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) kekal menjadi asas-asas utama pembangunan negara, iaitu bukan sekadar identiti negara tetapi juga sebagai panduan dalam membentuk hala tuju pembangunan yang holistik dan seimbang antara kemajuan fizikal dan pembangunan ekonomi, rohani.

## Usaha berterusan memperkukuh sistem pendidikan negara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Ogos. - Pelaksanaan dasar kerajaan telah menghasilkan kemajuan signifikan ke arah pencapaian ketiga-tiga matlamat utama Wawasan Brunei 2035.

Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) matlamat pertama Wawasan, iaitu Rakyat Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya, berdasarkan kepada laporan Programme for International Student Assessment (PISA) 2022 oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), skor negara dalam PISA mencatatkan peningkatan pada tahun 2022 berbanding semasa penilaian PISA 2018, iaitu skor 442 bagi Matematik, peningkatan sebanyak 12 skor, skor 429 bagi bacaan, peningkatan sebanyak 21 skor, skor 446 bagi Sains, iaitu peningkatan sebanyak 15 skor.

Pencapaian ini menempatkan NBD dalam tiga teratas dalam kalangan Negara-negara ASEAN yang bukan sahaja menunjukkan peningkatan keupayaan pelajar di negara ini dalam bidang asas seperti Matematik dan Sains, malah mencerminkan hasil usaha berterusan memperkukuh sistem pendidikan negara.

Perkara berkenaan dijelaskan dalam Usul Wawasan Brunei 2035 yang dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana

Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat bagi matlamat kedua, iaitu Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi, negara berada di kedudukan ke-60 daripada 193 buah negara, dan termasuk dalam kategori negara yang mempunyai *very high human development* menurut laporan Human Development Index (HDI) yang dikeluarkan oleh United Nations Development Programme (UNDP) pada tahun 2025 yang merupakan satu pengiktirafan global terhadap usaha berterusan negara dalam memperkasa kesejahteraan rakyat.

Bagi matlamat ketiga tambah Yang Berhormat lagi, iaitu Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita mengekalkan negara ini di kedudukan ketujuh tertinggi daripada 194 buah negara berdasarkan Laporan World Economic Outlook yang dikeluarkan oleh International Monetary Fund (IMF) bagi April

2025.

Pencapaian ini kata Yang Berhormat mencerminkan keupayaan negara dalam mengekalkan kestabilan ekonomi meskipun berdepan cabaran global, hasil daripada dasar fiskal yang berhemat, pengurusan sumber asli yang mampan dan langkah strategik dalam mempelbagaikan ekonomi negara khususnya melalui sektor bukan minyak dan gas.

"Selain itu, usaha berterusan dalam menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) memperkukuh sektor Perumahan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta memperkasa transformasi digital, turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh asas ekonomi negara.

"Bagi mendukung pelaksanaan Wawasan Brunei 2035, kerajaan telah memperkenalkan tiga *blueprint*, iaitu Manpower Blueprint, Social Blueprint dan Economic Blueprint sebagai panduan strategik kebangsaan yang menyelaras hala tuju pembangunan negara.

"Ketiga-tiga *blueprints* ini dirangka untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan dasar secara menyeluruh dan bersepadu melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation demi memenuhi kepentingan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat

dan penduduk secara menyeluruh.

"Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh kesejahteraan rakyat, meningkatkan kualiti hidup ke arah sebuah negara yang kekal makmur, aman dan berdaya tahan untuk semua," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan dalam usaha memastikan pembangunan tenaga manusia kekal responsif dan berdaya saing, pelbagai inisiatif telah digerakkan ke arah mencapai Matlamat Pertama Wawasan Brunei 2035, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Sejajar dengan matlamat ini kata Yang Berhormat, Manpower Blueprint yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan telah diterbitkan pada tahun 2024. Dokumen strategik ini memberi tumpuan kepada empat aspirasi utama yang dirangka bagi memperkukuh keupayaan tenaga kerja tempatan dalam memastikan keselarasan berterusan antara pembangunan pendidikan dan keperluan industri demi menyokong pertumbuhan ekonomi negara secara mampan dan inklusif.

Aspirasi pertama kata Yang

Berhormat, pendidikan dan latihan dinamik yang menekankan sistem pendidikan dan latihan negara yang pelbagai, inklusif dan adaptif bagi melahirkan rakyat yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan beretika; aspirasi kedua, rakyat siap siaga masa depan dengan menekankan pembentukan rakyat yang inovatif, produktif dan bertanggungjawab di samping menanai pembelajaran sepanjang hayat bagi melengkapi mereka dengan set minda, pertumbuhan dan kedayatahan serta *growth and resilience*.

Manakala aspirasi ketiga ujar Yang Berhormat, pembangunan modal insan yang efektif menumpukan kepada ekosistem pembangunan modal insan yang holistik dan koheren bagi menyediakan keperluan tenaga manusia negara ke arah tenaga kerja yang proaktif dan kompeten; sementara aspirasi keempat, pemudah cara sistem dukungan dan struktur yang merupakan elemen penting bagi kejayaan ketiga-tiga aspirasi terdahulu. Ini merangkumi infrastruktur kualiti tinggi dan tadbir urus yang berkesan melalui pendekatan Whole of Nation bagi mencapai aspirasi tenaga manusia, pembangunan modal insan bagi menggerakkan pembangunan sesebuah negara.



## MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PENDEKATAN INKLUSIF DALAM URUSAN PENGAMBILAN KE PERKHIDMATAN AWAM



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Ogos. - Peraturan khusus yang membenarkan bekas banduan untuk dilantik ke dalam sektor awam bagi setakat ini adalah belum ada dan sebarang cadangan atau inisiatif berkaitan tertakluk kepada pertimbangan pihak-pihak yang berkepentingan berdasarkan dasar dan garis panduan yang berkuat kuasa pada masa ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji

Halbi bin Haji Mohd. Yusoff seterusnya menyatakan bahawa bagi sebarang permohonan untuk pelantikan semula akan dirujuk kepada pertimbangan pihak yang berkenaan iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan dalam hal ini, sebagai sebuah badan bebas, SPA akan membuat penilaian dengan teliti dan berpandukan prinsip merit, kelayakan, kesesuaian jawatan serta kepentingan Perkhidmatan Awam secara menyeluruh.

"Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat jua, SPA hanya pernah mempertimbangkan satu kes setakat ini yang melibatkan individu yang telah menjalani hukuman penjara akibat kegagalan membayar denda.

"Pada masa yang sama, kerajaan juga sedang meneliti pendekatan yang lebih inklusif dan progresif dalam urusan pengambilan ke Perkhidmatan Awam termasuk pertimbangan terhadap pelaksanaan tempoh kelayakan semula bagi individu yang mempunyai rekod sabitan lupus, *spent conviction*," jelas Yang Berhormat bagi menjawab persoalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok mengenai peluang pekerjaan di sektor awam bagi bekas banduan yang telah insaf pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah /

2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Kongsi Yang Berhormat lagi, antara langkah atau inisiatif utama yang diambil oleh pihak kerajaan mengenai pembersihan rekod jenayah adalah penelitian ke atas pelaksanaan menyeluruh Akta Pendaftaran Jenayah (Penggagal 202).

Undang-undang berkenaan, tambah Yang Berhormat, merupakan undang-undang utama yang mengimbangi tanggungjawab negara dalam memastikan keselamatan awam dengan tanggungjawab untuk menyokong pemulihan dan integrasi semula masalah yang telah insaf ke dalam masyarakat.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan walaupun akta ini menetapkan kewajipan pihak berkuasa untuk merekod butiran individu yang disabit bersalah bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang, tapisan keselamatan dan fungsi kehakiman, ia juga mengiktiraf prinsip keadilan, pemulihan dan peluang bagi individu untuk membina semula kehidupan mereka.

"Selain daripada menubuhkan daftar penjenayah, Akta Pendaftaran Jenayah (Penggagal 202) juga turut memperkenalkan rangka kerja bagi sabitan lupus, *spent conviction*. Peraturan ini

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

mengiktiraf bahawa individu yang telah menjalani hukuman dan menunjukkan pembaikan kelakuan, wajar diberi peluang untuk maju tanpa dibebani sabitan lama sepanjang hayat yang mana kerajaan juga akan terikat dengan peruntukan ini.

"Mengambil kira impaknya yang luas dan mendalam kepada semua lapisan masyarakat, maka pihak jabatan ini sedang menjalankan penelitian lanjut dan terperinci bagi memastikan pelaksanaan undang-undang tersebut dijalankan dengan adil

dan saksama dengan mengimbangkan kepentingan hak penjenayah yang telah insaf dengan hak masyarakat secara meluas," terang Yang Berhormat lagi.

Dengan yang demikian, tekan Yang Berhormat, setiap penjawat awam untuk menilai setiap tindakan agar tidak terjerumus dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang demi sentiasa menjaga kemaslahatan diri sendiri dan juga keluarga serta memelihara nama baik Perkhidmatan Awam.

**"SELAIN daripada menubuhkan daftar penjenayah, Akta Pendaftaran Jenayah (Penggagal 202) juga turut memperkenalkan rangka kerja bagi sabitan lupus, *spent conviction*. Peraturan ini mengiktiraf bahawa individu yang telah menjalani hukuman dan menunjukkan pembaikan kelakuan, wajar diberi peluang untuk maju tanpa dibebani sabitan lama sepanjang hayat yang mana kerajaan juga akan terikat dengan peruntukan ini.**

**"Mengambil kira impaknya yang luas dan mendalam kepada semua lapisan masyarakat, maka pihak jabatan ini sedang menjalankan penelitian lanjut dan terperinci bagi memastikan pelaksanaan undang-undang tersebut dijalankan dengan adil dan saksama dengan mengimbangkan kepentingan hak penjenayah yang telah insaf dengan hak masyarakat secara meluas".**

## Inisiatif Hidden Disabilities Sunflower Lanyard Programme akan dipertimbangkan



**YANG** Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Ogos. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) pada masa ini adalah dalam kalangan lapangan terbang yang belum menyertai

Hidden Disabilities Sunflower Lanyard Programme yang merupakan skim terdaftar dan dikendalikan oleh Hidden Disabilities Sunflower Scheme Limited iaitu sebuah NGO swasta berdaftar dan berpangkalan di United Kingdom (UK) yang mempunyai rangkaian antarabangsa melalui penyertaan sebagai ahli.

"Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui Jabatan Penerbangan Awam bersetuju dengan skim tersebut, akan tetapi perlu menduduki terlebih dahulu tentang keperluan-keperluan untuk menyertai skim tersebut secara rasmi.

"Contohnya, untuk melaksanakan inisiatif sedemikian secara efektif di lapangan terbang, antara perkara penting yang perlu diambil kira adalah berkaitan dengan kesedaran dan kompetensi kakitangan," terang Yang Berhormat semasa menjawab persoalan mengenai pelaksanaan Hidden Disabilities Sunflower Lanyard Programme di LTAB dengan kerjasama Royal Brunei Airlines dan NGO tempatan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong

Chin Yee pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Ini, kongsi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, perlu menyediakan latihan khusus kepada kakitangan lapangan terbang termasuk pegawai keselamatan, imigresen dan khidmat pelanggan serta kesedaran mengenai ketidakupayaan tersembunyi, komunikasi, empati dan kendalian situasi sensitif.

Dalam hubungan ini, tambah Yang Berhormat lagi, Jabatan Penerbangan Awam tiada ada halangan untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak swasta dan NGO yang ingin turut menerajui.

"Ini juga tidak semestinya untuk menjadi ahli rasmi kepada Hidden Disabilities Sunflower Lanyard Programme tersebut tetapi kepada mana-mana usaha untuk membantu Orang Kelainan Upaya tersembunyi dapat diberi bantuan tambahan di khalayak orang ramai," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan antara usaha bagi meningkatkan *accessibility* dan menjadikan LTAB lebih mesra, *inclusive*, penumpang-penumpang yang mempunyai keperluan khusus seperti kelainan upaya boleh memohon bantuan melalui langkah-langkah berikut.

Ujar Yang Berhormat, memaklumkan kepada syarikat-syarikat penerbangan atau ejen pelancongan semasa membuat tempahan tiket mengenai keperluan khas yang diperlukan untuk dapat menghubungi khidmat pelanggan

syarikat penerbangan sebelum tarikh perjalanan untuk mendapatkan panduan lanjut.

Atau tambah Yang Berhormat, membuat peraturan awal dan juga memaklumkan secara langsung kepada kakitangan lapangan terbang semasa proses daftar masuk atau *check-in* untuk memohon permintaan seperti masa tambahan untuk urusan perjalanan, bantuan komunikasi yang lebih jelas, perlahan dan mudah difahami dan jika perlu, penggunaan ruang menunggu yang lebih tenang seperti ruang yang lebih senyap yang sudah tersedia.



**ANTARA** yang menghadiri hari pertama Mesyuarat Kedua Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.



## MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA DIDOMINASI PEKERJA ASING



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Ogos. - Walaupun ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan pertumbuhan yang positif, perkembangan ekonomi dalam negara kini didominasi dengan 75 ribu pekerja asing dalam pasaran buruh yang menyukarkan mobiliti kerjaya rakyat tempatan.

Terdapat 14 ribu anak tempatan menganggur, manakala 32,600 rakyat dalam kategori *under-utilised*, termasuk lebih

3,000 graduan yang masih belum menembusi pasaran kerja yang bersesuaian.

Begitu juga dengan pertumbuhan ekonomi, kita mengalu-alukan kestabilan mikroekonomi tetapi limpahan kekayaan benar-benar belum sampai kepada rakyat.

Ramai pengusaha tempatan masih menghadapi cabaran dari segi aliran tunai (*cashflow*) sebab bayaran tertunggak dan akses pasaran serta pinjaman dana tersekat.

Sementara manfaat pelaburan cenderung berpusat kepada segelintir pihak sahaja.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

(MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat juga membangkitkan fenomena Ali Chandran, di mana warga asing semakin menguasai sektor runcit, pembinaan dan pertanian, mengancam peluang ekonomi

anak tempatan.

"Ini menimbulkan kebimbangan rakyat jika fenomena ini tidak dipantau oleh agensi yang tertentu, sektor ini akan terus didominasi oleh orang asing dan rakyat tidak akan dapat tempat dalam rantaian ekonomi dalam negeri sendiri.

"Kaola percaya kita boleh mengubah trajektori ini. Dengan dasar yang lebih strategik berfokuskan kepada rakyat dan mengambil maklum balas dari rakyat," ujar Yang Berhormat lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

pelbagai bidang," ujar Yang Berhormat lagi.

## Proaktif menjalin *strategic alliances*, misi perdagangan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Ogos. - Dalam menghadapi ketidakstabilan ekonomi dan politik global, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama dua hala dan serantau.

Yang Berhormat membangkitkan perkara tersebut pada hari pertama Mesyuarat Kedua Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Kita perlu proaktif dalam menjalin *strategic alliances*, misi perdagangan, dan projek *joint*

*venture* dengan negara sahabat, khususnya dalam ASEAN," ujar Yang Berhormat. Yang Berhormat juga memuji kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengekalkan hubungan diplomatik yang erat, yang memudahkan Negara Brunei Darussalam (NBD) menarik

pelaburan asing untuk keuntungan bersama (*mutual benefit*).

"Kaola berpendapat kita perlu bertindak secara proaktif di mana peluang-peluang perniagaan, pelaburan dan *joint venture* dapat diterokai.

"Setentunya hubungan ekonomi perdagangan, pertanian di antara negara ASEAN dengan NBD dapat didalami dalam

## Libatkan sektor swasta, pelaburan asing dalam Economic Blueprint

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Ogos. - Meskipun Economic Blueprint dirancang dengan teliti, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia

Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada hari pertama Mesyuarat Kedua Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, menggesa perlunya pembaikan iklim perniagaan untuk sektor swasta. Yang Berhormat menjelaskan kita juga berharap usaha ke arah *economic diversification* akan dapat melibatkan sektor swasta secara mudah dan besar-besaran.

Buat pada masa ini, sektor swasta merasa seolah peranan mereka dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035 tidak diambil berat malah dalam sesi perbincangan dengan beberapa

wakil sektor swasta, mereka menyatakan kesulitan menjalankan perusahaan perniagaan disebabkan *business environment* yang tidak *friendly* dan kondusif, tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat kemudiannya menyarankan peningkatan *mutual trust* antara kerajaan dan swasta, serta penyederhanaan Prosedur Pelaburan Asing (FDI) untuk menarik lebih banyak modal.



ANTARA yang menghadiri hari pertama Mesyuarat Kedua Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi (kiri dan kanan).





## MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# WAWASAN BRUNEI 2035 : KOMITMEN MENUJU NEGARA SEJAHTERA, MAMPAN



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Ogos. - Wawasan Brunei 2035 terus menjadi kompas utama pembangunan negara, mencerminkan aspirasi jangka panjang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kemakmuran, kestabilan dan

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Perkara tersebut disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas semasa menyampaikan ulasan pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, wawasan negara tersebut tidak hanya sekadar gagasan atas kertas, malah menjadi landasan strategik dalam membentuk masa depan Brunei Darussalam

sebagai sebuah negara yang sejahtera, inklusif dan berdaya saing.

Salah satu teras utama Wawasan Brunei 2035, jelas Yang Berhormat, adalah memastikan rakyat menikmati kehidupan yang selesa, selamat dan sihat. Sehubungan itu, pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan termasuk dalam aspek kesihatan, perumahan, pengangkutan awam dan penjagaan sosial.

Namun begitu, Yang Berhormat menekankan keperluan untuk menilai keberkesanan dasar-dasar tersebut secara menyeluruh, khususnya dari segi pelaksanaan dan impaknya kepada masyarakat.

Yang Berhormat menarik perhatian kepada beberapa persoalan penting seperti ketersediaan sistem pengangkutan awam yang benar-benar efisien, selamat dan boleh diakses oleh masyarakat luar bandar; serta isu berkaitan skim perumahan kerajaan seperti

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol  
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

kelayakan, penyelenggaraan dan ketelusan pengagihan rumah.

"Dalam aspek kebajikan pula, perlu dinilai sama ada bantuan yang diberikan bersifat jangka

pendek atau mampu berfungsi sebagai batu loncatan bagi membantu rakyat keluar daripada kitaran kemiskinan," ujar Yang Berhormat lagi.

## Terus memperluaskan sektor ekonomi baharu

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) terus melangkah ke hadapan dalam usaha mempelbagaikan ekonomi sebagai salah satu matlamat utama Wawasan Brunei 2035, dengan fokus kepada pengurangan ketergantungan terhadap sektor minyak dan gas serta pemerkasaan sektor-sektor ekonomi baharu.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas menyatakan demikian ketika menyampaikan ulasan pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, antara sektor yang sedang diberi tumpuan ialah pelancongan, pertanian moden, teknologi digital serta kewangan Islam, yang dilihat berpotensi besar dalam mencipta peluang pekerjaan, menjana sumber pendapatan baharu serta menjamin kestabilan ekonomi jangka panjang negara.

"Langkah ini adalah penting untuk meningkatkan peluang pekerjaan, mewujudkan sumber pendapatan baharu dan menjamin kestabilan ekonomi jangka panjang negara," jelas Yang Berhormat.

Namun begitu, Yang Berhormat turut menekankan kepentingan untuk menilai sejauh mana sektor-sektor baharu ini mampu menggantikan dominasi sektor minyak dan gas dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara.

"Sama ada rakyat bersedia dari segi minat, kemahiran dan infrastruktur sokongan untuk menceburi bidang-bidang tersebut juga harus diberikan perhatian sewajarnya," tambah Yang Berhormat.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menyarankan agar dasar pembangunan yang dirangka mestilah bersifat mampan, disokong dengan pelaburan jangka panjang, program latihan yang berterusan serta kerjasama erat antara agensi kerajaan, sektor swasta dan komuniti.

Yang Berhormat juga menegaskan bahawa kejayaan Wawasan Brunei 2035 bukan hanya terletak pada kewujudan dokumen dasar semata-mata, tetapi lebih penting ialah pelaksanaan yang efektif, adil dan bersifat menyeluruh.

Yang Berhormat menyeru kepada penyertaan aktif seluruh rakyat dan penduduk dalam menjayakan Wawasan Negara 2035, dengan berbekalkan ilmu pengetahuan, semangat kebersamaan serta kepimpinan yang bijaksana.

"Dengan sokongan padu semua pihak, NBD mampu melangkah ke hadapan dengan penuh keyakinan, menuju masa depan yang lebih cemerlang, makmur dan disegani di persada antarabangsa," ujar Yang Berhormat mengakhiri ucapannya.

## Statistik 3PSA menurun, kualiti PA perlu diperkasa

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Ogos. - Kurang daripada 10 tahun lagi, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan memasuki tahun 2035 iaitu tahun yang menjadi sasaran penting dalam merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Dalam hal ini, keutamaan negara kini tertumpu kepada memastikan matlamat tersebut benar-benar menjadi kenyataan yang dapat dirasai oleh seluruh rakyat, dan bukan sekadar menjadi harapan yang tinggal sebagai catatan sejarah semata-mata.

Perkara tersebut disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam semasa menyampaikan ulasan pada hari pertama Mesyuarat Kedua Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Menurut Yang Berhormat, terdapat tiga asas penting yang perlu diperkukuhkan sebagai teras kekuatan sosial dan pemangkin kepada kemajuan yang inklusif dan berdaya tahan, iaitu Perkhidmatan Awam (PA)

yang cemerlang dan berintegriti; Prasarana yang mantap; dan Masyarakat yang bersatu padu.

"PA bukan sekadar pelaksana dasar, malah merupakan wajah kerajaan kepada rakyat dan menjadi nadi utama pentadbiran negara. Tanpa penyampaian yang efisien dan responsif, dasar atau pelan yang terbaik sekalipun tidak akan membawa kesan kepada rakyat, bahkan boleh menimbulkan rasa kecewa," ujar Yang Berhormat.

Sehubungan itu, PA mestilah sentiasa berada pada tahap tertinggi dari segi kecekapan, integriti dan daya saing.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai statistik Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) sehingga Tahun Kewangan 2023/2024, yang menunjukkan penurunan prestasi dalam kalangan agensi kerajaan.

Hanya dua agensi berjaya mencapai penarafan empat bintang (sangat baik), enam agensi memperoleh tiga bintang (baik), 14 agensi dengan dua bintang (memuaskan), manakala 26 agensi pula hanya mendapat satu bintang yang menunjukkan tahap memerlukan pembaikan.

Sehubungan itu, Yang Berhormat mengemukakan

beberapa persoalan penting iaitu adakah telah dilaksanakan penilaian terhadap keberkesanan strategi yang sedia ada serta mengenal pasti punca sebenar penurunan ini dan apakah pelan tindakan seterusnya bagi memastikan kualiti PA negara mencapai tahap cemerlang menjelang tahun 2035.

Yang Berhormat turut menyatakan penghargaan terhadap usaha berterusan kerajaan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan di negara ini.

"Kaola berharap agar pelan pemodenan PA yang sedang dilaksanakan akan mampu menutup jurang antara dasar yang digubal dengan penyampaian serta realiti kehidupan rakyat, yang sering menjadi cabaran utama apabila berurusan dengan PA," tambah Yang Berhormat.

**SUASANA** hari pertama Mesyuarat Kedua Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.





# MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## MENDUKUNG MULTILATERALISME, KEPENTINGAN NEGARA DI PERINGKAT SERANTAU



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Ogos. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menjelaskan bahawa sebagai sebuah negara yang kecil, kekuatan kita terletak pada kebolehan untuk membina hubungan yang kukuh dan bekerjasama secara kolektif.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) terus memberikan keutamaan kepada keahlian dan penyertaan aktif dalam ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Kerjasama Islam, Commonwealth dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik antaranya.

"Menerusi keahlian pertubuhan-pertubuhan ini, negara dan rakyat terus beroleh pelbagai manfaat," ujar Yang Berhormat pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi

Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat, ia turut mencerminkan komitmen negara yang berterusan dalam mendukung multilateralisme serta memastikan suara dan kepentingan negara dipertahankan di peringkat serantau dan juga global.

Yang Berhormat menambah, ia juga sejajar dengan dasar luar negara yang antara lain menggalakkan kerjasama demi faedah bersama, sama ada secara dua hala mahupun pelbagai hala.

Misalnya keahlian NBD dalam perhimpunan ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) tambah Yang Berhormat, ia merupakan landasan untuk mengadakan dialog dan juga untuk memupuk dan memperdalam persefahaman antara parlimen negara-negara ASEAN.

Melalui keanggotaan di dalam AIPA yang aktif jelas Yang Berhormat lagi, NBD telah diberi kepercayaan dan kehormatan untuk menggalas tanggungjawab sebagai Presiden AIPA dan juga ketika ini sedang memikul peranan sebagai Setiausaha Agung AIPA sehingga penghujung tahun ini.

"Kepercayaan ini melambangkan pengiktirafan terhadap peranan aktif dan konstruktif negara. Sekali gus dapat mengangkat imej dan profil negara kita di rantau ini," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, dengan adanya Mesyuarat ASEAN - AIPA Leaders' Interface di mana ia berfungsi sebagai wadah untuk mengekalkan perpaduan dan kerjasama serantau di peringkat

tertinggi iaitu antara pemimpin-pemimpin Negara ASEAN dan parlimen Negara-negara AIPA.

Menurut Yang Berhormat, ini memperlihatkan bahawa parlimen juga memainkan peranan signifikan dalam usaha mencapai visi keamanan, kemakmuran dan kemampunan ASEAN.

Menyentuh mengenai dengan penyertaan NBD di Inter-Parliamentary Union (IPU) dan Commonwealth Parliamentary Association (CPA) jelas Yang Berhormat lagi, ia membolehkan kita untuk turut serta dalam bertukar-tukar pandangan mengenai cabaran serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat menambah, ini termasuk isu-isu yang menjejaskan keamanan perubahan iklim, ketidaktentuan ekonomi, keselamatan tadbir urus digital, kesihatan awam dan sebagainya.

"IPU dan CPA juga dapat menjadi medium untuk meningkatkan pembangunan kapasiti ahli dan pegawai MMN, melalui pertukaran-pertukaran dan lawatan rasmi. Ia turut memperluaskan rangkaian kerjasama dengan ahli-ahli parlimen negara lain dan berupaya menjalin kepercayaan dalam kalangan negara-negara ahli.

"Ini juga seiring dengan usaha negara untuk mencapai Sustainable Development Goals (SDGs) khususnya SDG 17 iaitu Partnership for Goals ia bermaksud menggiatkan perkongsian global termasuk antara parlimen-parlimen bagi mendukung agenda pembangunan lestari," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, sebagaimana yang telah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 kali pertama pada April 2025, di mana kejayaan dalam merealisasikan Wawasan Negara menuntut rancangan yang teliti, penyelarasan dan penyediaan yang kukuh serta dedikasi tinggi oleh semua pihak.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, pengalaman dan amalan-amalan terbaik yang boleh diperoleh secara langsung atau rangkaian dapat dipraktikkan untuk meningkatkan undang - undang dan dasar negara pada masa ini dan ini boleh membina kapasiti institusi yang lebih efisien serta boleh meningkatkan tadbir urus yang berkesan.

Tambah Yang Berhormat, oleh itu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menyambut baik hasrat MMN untuk menjadi ahli kepada IPU dan CPA. "Inisiatif ini merupakan langkah yang positif, yang tepat pada masanya bagi memperluaskan penglibatan MMN di peringkat antarabangsa.

"InsyaAllah, ia akan dapat membantu memperkukuh lagi kedudukan negara di mata dunia serta mempertingkatkan pandangan positif terhadap Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga NBD dengan mengongsikan

pendekatan dan nilai-nilai negara kita yang unik," ujar Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, ini juga akan menjadi satu landasan bagi NBD mempertahankan dan memajukan kepentingannya sekali gus menunjukkan kita sebagai ahli yang aktif dan bertanggungjawab dalam terus menyumbang kepada dialog bersama ahli-ahli parlimen dari negara-negara sahabat.

Terdahulu, Yang Berhormat dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lainnya mengenai perubahan terhadap kekerapan persidangan majlis daripada satu kali setahun kepada dua kali setahun serta pengemaskinian terhadap prosedur proses kerja menurut Peraturan Mesyuarat atau Standing Orders.

Yang Berhormat dengan penuh hormat dan takzim menjunjung dan menyambut baik titah baginda, ia akan mempertingkatkan lagi keberkesanan persidangan majlis ini dengan terdapatnya peluang untuk perbincangan yang lebih berfokus dan berkesinambungan.

Yang Berhormat juga merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN atas kewibawaan dan kebijaksanaan beliau mengendalikan sesi Mesyuarat Pertama yang lalu.

## Pelaksanaan pendidikan khas konsisten mengikut garis panduan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Ogos. - Pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi, Menteri



**AHLI** Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menjawab persoalan daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat menjelaskan bahawa Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkhidmatan Khas ataupun JP Khas sentiasa memastikan pelaksanaan pendidikan khas di semua institusi pendidikan termasuk sektor swasta mematuhi garis panduan secara konsisten.

Pelaksanaan ini, tambah Yang Berhormat, berpanduan Special Education Framework yang menggariskan Prinsip 5A ataupun *acceptance, accessibility, adapted curriculum, adapted instruction* dan *adapted assessment* serta pelbagai buku panduan dan kurikulum khusus bagi memudahkan rujukan ibu bapa, guru dan pihak sekolah.

"Pemantauan dan penilaian dijalankan secara sistematik

melalui *school review, school placement meeting*, laporan kemajuan pelajar dan *school transition meeting* yang melibatkan pakar JP Khas bersama dengan pihak sekolah. Proses ini memastikan penempatan pelajar intervensi serta pelan pendidikan individu ditetapkan dengan tepat mengikut keperluan," terang Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Bagi meningkatkan kapasiti tenaga kerja, kongsi Yang Berhormat, inisiatif *special educational needs support educators* telah melatih guru sekolah kerajaan, swasta dan agama melalui kursus Pengenalan Pendidikan Khas.

Sehingga tahun 2025 seramai 207 peserta telah dilatih. Selain itu, tambah Yang Berhormat, seramai 113 pegawai, pengurus, pelajar berkeperluan khas ditempatkan di sekolah-sekolah melalui program SKIPPA.

"Kementerian juga menetapkan spesifikasi minimum fasiliti seperti bilik terapi, laluan bebas halangan dan bahan bantu mengajar khusus. Pelbagai inisiatif seperti *learning assistance centre, model inclusive school* dan *centre of excellence* diwujudkan. Setakat ini, empat COE telah beroperasi di sekolah rendah dan menengah terpilih.

"Sekolah khas swasta seperti Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam juga ditubuhkan bagi menampung pelajar Tahap



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan.

Priority Level 4 dan Priority Level 5," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan lagi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

[www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH



# MELENGKAPKAN PEMIMPIN DALAM MEMAJUKAN, MELINDUNGI KEPENTINGAN NEGARA



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Ogos. - Kementerian Pertahanan secara rasminya melancarkan Majlis Pembukaan bagi Program Perkembangan Eksekutif Ke-20 bagi Pegawai-pegawai Kerajaan Kanan Dalam Dasar Awam dan Pengurusan (EDP 20/2025) anjuran Kementerian Pertahanan di Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPSSHHB), Bolkiah Garison.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dalam ucapan

perasmianya menekankan peranan penting EDP dalam memperlempangkan pemimpin-pemimpin sektor awam dalam bidang strategik masing-masing dengan pemahaman dan kemahiran bagi memajukan dan melindungi kepentingan negara.

Beliau juga menyatakan bahawa program berkenaan memudahkan pertukaran pandangan daripada pelbagai pihak dan seterusnya menyemai kerjasama yang membina penyelesaian inovatif.

Kini dalam siri ke-20, EDP kekal sebagai wadah utama bagi pembangunan kepimpinan di Kementerian Pertahanan.

Program berkenaan telah berjaya mengumpulkan pegawai

tentera kanan dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan pegawai kerajaan kanan daripada pelbagai kementerian dan jabatan, serta peserta tentera dari luar negara.

EDP mengandungi modul-modul intensif yang menekankan pada dasar awam, pengurusan strategik, kerajaan berprestasi tinggi, kepimpinan adaptif, hal ehwal antarabangsa kontemporari dan tadbir urus, yang akan menggalakkan kepada kecemerlangan dalam kepimpinan pelbagai sektor.

EDP 20/2025, yang dikendalikan bersama Lee Kuan Yew School of Public Policy (LKYSPP), National University of Singapore dan IPPSSHHB akan berlangsung selama 14 minggu bermula 4 Ogos hingga 7 November 2025.

Program berkenaan termasuk

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan dalam ucapan perasmianya (kanan), manakala gambar kiri, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan bergambar ramai pada Majlis Pembukaan bagi Program Perkembangan Eksekutif Ke-20 bagi Pegawai-pegawai Kerajaan Kanan Dalam Dasar Awam dan Pengurusan (EDP 20/2025).



kuliah, bengkel, latihan berasaskan senario, lawatan dan projek berkumpulan yang akan menghasilkan kertas dan pembentangan Eksesais Analisis Dasar (Policy Analysis Exercise - PAE).

Dalam pertengahan program berkenaan, lawatan sambil belajar selama tiga hari ke Republik Singapura akan dilaksanakan dengan tujuan memberikan pendedahan antarabangsa kepada para peserta.

Peserta tahun ini terdiri daripada pegawai kanan daripada ABDB, pegawai kanan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, pegawai kanan kerajaan dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; serta enam peserta tentera dari luar negara, iaitu dari Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand, Republik Sosialis Viet Nam dan Kesultanan Oman.

EDP berfungsi sebagai wadah penting untuk memupuk kerjasama

rentas sektor, meningkatkan kefahaman antara kementerian-kementerian dan menguatkan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi cabaran kompleks dan multidimensi dalam persekitaran global yang semakin dinamik.

Program tahun ini terus mendapat manfaat daripada kepakaran LKY SPP, National University of Singapore sebagai penyedia kursus yang memainkan peranan utama dalam menyampaikan kandungan berasaskan penyelidikan dan berorientasikan strategi yang berlandaskan kepentingan nasional dan pandangan antarabangsa.

Seramai 456 pegawai kanan berjaya mengikuti EDP anjuran Kementerian Pertahanan sejak ia mula diperkenalkan pada 2004.

IPPSSHHB ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan berharap program berkenaan memberikan impak yang positif serta dapat dimanfaatkan secara berterusan.



RA'ES KUPU SB menyampaikan hadiah dan melawat bazar (atas dan bawah).



## Memperkukuh penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar

**RIMBA**, Isnin, 4 Ogos. - Dalam usaha untuk memupuk minat dan setentunya meningkatkan lagi kemahiran serta membudayakan penggunaan bahasa Arab khususnya dalam kalangan pelajar persekolahan Arab, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SA SHHB) menganjurkan Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) yang bertemakan 'Bahasa Arab Untuk Semua' pada pagi tadi bertempat di sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan dan lagu rasmi sekolah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat. Seterusnya, ucapan alu-aluan oleh Pengetua SA SHHB, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor.

Antara pengisian atur cara dalam majlis tersebut termasuklah perasmian Projek Bahasa Arab Untuk Semua, penyampaian hadiah pemenang Pertandingan Poster Arab Digital, penyampaian Anugerah Pelajar Tekun dalam bahasa Arab serta lawatan tetamu kehormat ke bazar dan pameran-pameran yang diadakan.

Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pengajian Islam yang dikendalikan



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab).

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Hal Ehwal  
Ugama

oleh sekolah-sekolah Arab bertujuan untuk mengukuhkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

ANTARA yang berucap pada majlis berkenaan.





# KHATAM AL-QURAN RAIKAN 507 BAKAL GRADUAN UNISSA



**KIARONG**, Selasa, 5 Ogos. - Seramai 507 orang bakal graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran bersempena dengan Hafli Al-Takharrij Ke-15 yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis Khatam Al-Quran diadului dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh

Rektor UNISSA, kemudian diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas secara beramai-ramai yang diketuai oleh Awang Auza'ie Rusydi bin Suhaili, bakal graduan Sarjana Muda Sejarah dan Tamadun Islam dan diselajurkan dengan bacaan Takhtim.

Sementara itu, bacaan Doa Khatam diketuai oleh Awang Muhammad Aimanuddeen Syahir bin Haji Ibrahim, bakal graduan Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Kehakiman).

Seterusnya, acara diserikan

dengan laungan Dikir Marhaban dan bacaan Doa Kesyukuran UNISSA yang dipimpin oleh Awangku Mohd. Yusof Hamdee bin Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim, bakal graduan Sarjana Muda Sains Halal.

Majlis turut diadakan penyampaian Sijil Khatam Al-Quran dan cenderahati kepada para bakal graduan oleh tetamu kehormat majlis. Turut hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, pegawai dan kakitangan UNISSA serta ibu



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran bersempena dengan Hafli Al-Takharrij Ke-15 (atas). Manakala gambar atas kiri, para graduan UNISSA yang diraikan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

bapa / penjaga bakal graduan.

Majlis berkenaan merupakan salah satu acara tradisi tahunan yang diungkayahkan bagi menyemarakkan Sambutan Hafli Al-Takharrij UNISSA.

Antara tujuan majlis ini diadakan ialah untuk membudayakan pembacaan Al-Quran di kalangan

para mahasiswa dan mahasiswi selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Di samping bagi menggalakkan penglibatan para mahasiswa dan mahasiswi dalam aktiviti keagamaan agar dijadikan sebagai amalan harian.

## 5 pelajar sertai 2025 APEC Youth STEM Conference



SERAMAI lima pelajar Tahun 13 serta seorang guru akan menghadiri 2025 APEC Youth STEM Conference yang akan berlangsung dari 6 hingga 9 Ogos 2025 di Korea Science Academy of KAIST (KSA), Busan dan Korea Advanced Institute of Science and Technology (KAIST), Daejeon, Republik Korea.

**BERAKAS**, Isnin, 4 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE), Jabatan Pendidikan Khas hari ini telah menyelaras penyertaan bagi lima pelajar Tahun 13 serta seorang guru bagi menghadiri 2025 APEC Youth STEM Conference yang akan berlangsung dari 6 hingga 9 Ogos 2025 di Korea Science Academy of KAIST (KSA), Busan dan Korea Advanced Institute of Science and Technology (KAIST), Daejeon, Republik Korea.

Lima pelajar berkenaan telah dipilih oleh pihak penganjur melalui

proses penilaian yang teliti dan kompetitif, berdasarkan daripada penyertaan mereka dalam The 16th APEC Cross Mentoring Research Activity (CMRA) yang telah dikendalikan secara dalam talian bermula Januari 2025.

Para pelajar telah dijemput untuk menyertai persidangan tersebut bersama 21 peserta belia dari 11 ekonomi APEC.

Wakil dari Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah Awang Mohamed Nabil bin Mohamed Hairul dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; Dayang Lee Jing Jing dari Maktab Sains

Paduka Seri Begawan Sultan; Dayang Thian Siao Fen @ Samantha dan Dayang Teo Kai Lun dari Pusat Tingkatan Enam Tutong serta Dayang Nursyamimi binti Nur Azme dari Pusat Tingkatan Enam Belait.

Para pelajar akan diiringi oleh Dayang Siti Akmar Addurunnafis binti Awang Taib dari Pusat Tingkatan Enam Tutong yang turut menyertai sebagai peserta dan Chaperone.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada delegasi di sini ialah Pemangku Ketua EDGE,

Dayang Hajah Nor Amy Hamimah binti Haji Matamit.

Dengan tema 'Youth-led STEM Solutions : Strengthening Climate Resilience for a Prosperous and Connected APEC', persidangan ini merupakan inisiatif utama yang bertujuan untuk memupuk kepimpinan STEM masa hadapan dan menggalakkan kerjasama rentas sempadan dalam kalangan belia APEC.

Semasa persidangan, para pelajar peserta akan membentangkan hasil penyelidikan mereka kepada pakar serantau, pendidik dan rakan sebaya.

Oleh : Wan Mohamad

Sahran Wan Ahmadi

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Sepanjang program dijalankan, para peserta juga akan menyertai pelbagai aktiviti termasuk Youth Mentor Networking, Busan Cultural Experience dan Daejeon Cultural Experience.

Selain itu, mereka akan mendapat pendedahan terhadap kemajuan sains dan teknologi di Korea melalui lawatan ke institusi seperti Korea Electrotechnology Research Institute (KERI), Doosan Enebility dan KAIST.

Selain itu, guru peserta juga akan berpeluang menyertai pelbagai aktiviti pembangunan profesional, termasuk pembentangan amalan terbaik oleh pakar ekonomi, pembentangan hasil penyelidikan, sesi panel dan turut serta dalam lawatan ke KAIST.

The 2025 APEC Youth STEM Conference adalah anjuran APEC Mentoring Center for the Gifted in Science (AMGS), Ministry of Science and ICT (MSIT), Republik Korea selaku Tuan Rumah serta disokong oleh Gyeongsangnam-do Provincial Government, Kyungnam University, Korea Foundation for Science and Creativity, National Research Foundation of Korea, Korea Science Academy of KAIST (KSA) dan APEC.

Turut hadir di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat berlepas kepada delegasi tersebut ialah pegawai-pegawai dari EDGE, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan; wakil-wakil dari sekolah yang terlibat serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar.



# Pelajar PTE Sengkurong hadiri IHSAF di Jepun



**PENGARAH** Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat berada di Ruang Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada seorang pelajar bersama seorang pegawai pengiring yang akan menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah The 26th International High School Arts Festival (IHSAF) 2025 (atas dan atas kanan).

**BERAKAS**, Isnin, 4 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah menyelaraskan penyertaan seorang pelajar bersama seorang pegawai pengiring untuk menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah The 26th International High School Arts Festival (IHSAF) 2025 dengan tema 'A Showcase For The

World's Best Young Artistic Talent' yang akan diadakan di National Art Centre, Tokyo, Jepun pada 6 hingga 17 Ogos 2025.

Hadir di Ruang Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat.

Negara Brunei Darussalam (NBD) diwakili oleh Dayang Aina Adriana binti Ariffeen, pelajar dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong dan diiringi oleh Pegawai Pelajaran dari Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Dayang Hajah Azriah binti Haji Draman sebagai pegawai pengiring. Lebih 10,000 karya seni lukisan



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

telah dihantar daripada pelajar sekolah menengah di rantau Asia untuk menyertai The 26th IHSAF.

Daripada jumlah penyertaan tersebut hanya 500 karya terpilih akan dipamerkan di National Art Centre, Tokyo, Jepun The 26th IHSAF dianjurkan oleh The International Foundation for ARTS and culture (IFAC), dengan mempamerkan secara eksklusif hasil karya seni pelajar-pelajar

sekolah menengah yang memenangi anugerah dari Jepun dan negara-negara lain.

Festival ini bertujuan untuk memupuk bakat seni muda serta menggalakkan pertukaran idea di peringkat antarabangsa melalui seni lukis, dengan hasrat untuk membantu membangunkan individu yang boleh menyumbang kepada masyarakat antarabangsa pada masa akan datang.

## MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH BAGI 76 PEGAWAI KAJIAN BAHARU

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan mengendalikan Penyenaraian Tempat Kediaman (Houselisting) bermula pada 4 Ogos hingga 24 Ogos 2025 bagi setiap isi rumah di

kawasan yang ditetapkan.

Penyenaraian Tempat Kediaman (Houselisting) ini bertujuan untuk menghasilkan pangkalan data dan maklumat secara komprehensif dan terkini yang boleh digunakan untuk Kajian Tenaga Kerja (KTK) bermula pada 3 November hingga 30 November 2025.

Bagi menandakan bermulanya Penyenaraian Tempat Kediaman (Houselisting), Majlis Mengangkat

Sumpah bagi pelantikan 76 pegawai kajian baharu, KTK bagi Tahun 2025 telah diadakan pada 26 Ogos 2025 dan hadir disaksikan oleh Pemangku Pengarah, Jabatan Perangkaan, JPES, Dayang Hajah Titisutinah binti Haji Mohd. Diah.

Dalam ucapan alu-aluan, Dayang Hajah Titisutinah memaklumkan bahawa pelaksanaan KTK ini adalah selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa.

Pegawai-pegawai kajian yang dilantik tambahnya, adalah diamanahkan sebagai barisan hadapan untuk mengunjungi tempat-tempat kediaman yang ditetapkan dan berperanan untuk mengumpulkan dan mendapatkan data dan maklumat secara terperinci bagi memantau dan menganalisis perancangan dan pembangunan negara.

Hasil kajian ini akan digunakan oleh pihak kerajaan dalam merangka dasar-dasar ekonomi dan sosial dengan lebih komprehensif dan berkesan.

Antara maklumat yang diperoleh adalah termasuk nama dan nombor telefon ketua keluarga / isi rumah,

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

jumlah ahli isi rumah dan alamat tempat kediaman yang terpilih. Setelah selesai memperoleh maklumat yang diperlukan, pegawai-pegawai akan memasang pelekat penanda bagi setiap tempat kediaman.

Bagi memastikan proses berjalan dengan lancar, isi rumah yang terpilih adalah diingatkan untuk terlebih dahulu mengesahkan identiti pegawai kajian dengan membuat pemeriksaan pas kajian, surat lantikan, kad pengenalan dan vest rasmi JPES.

Isi rumah yang mempunyai haiwan peliharaan, terutamanya anjing adalah disarankan untuk menempatkan haiwan peliharaan di tempat yang bersesuaian bagi tujuan keselamatan pegawai kajian semasa melaksanakan lawatan.

KTK 2025 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-undang Negara Brunei Darussalam.

JPES ingin memberikan jaminan kepada semua keluarga atau isi

rumah terpilih yang mengambil bahagian dalam kajian ini bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.

Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.

Justeru, sokongan dan kerjasama semua keluarga / isi rumah terpilih semasa Penyenaraian Tempat Kediaman (Houselisting) adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan kajian ini.

Sebarang pertanyaan mengenai KTK 2025 ini bolehlah dirujuk ke JPES melalui talian +673 7469844 (waktu pejabat) atau e-mel ke [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn) atau layari laman sesawang [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn).



## Warga tempatan didakwa miliki barang tegahan

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**KUALA BELAIT**, Isnin, 4 Ogos. - Seorang perempuan warga tempatan didakwa di Mahkamah Majistret atas satu pertuduhan kerana memiliki barang tegahan kastam, iaitu 33 karton rokok pelbagai jenis.

Majistret, Qamarul Affyian bin Abdul Rahman membuat keputusan berkenaan selepas Norasfizah binti Haji Bakir, 35 tahun didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 dan dijatuhkan hukuman.

Defendan ditangkap oleh Bahagian Operasi Sepadu sekatan jalan raya diketuai oleh Pasukan Polis Diraja Brunei bersama Pegawai-pegawai Pencegah Kastam, Unit Operasi (Cawangan Kuala Belait), Bahagian Komersial dan Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja serta agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain pada 10 Julai 2025 pukul 9.29 malam di Simpang Barik Lorong Tiga Barat, Setia (hala ke Pekan Setia).

Defendan dihukum denda mahkamah sebanyak BND33,000 atau 14 bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda. Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.



**PELANTIKAN** 76 pegawai kajian baharu, Kajian Tenaga Kerja bagi Tahun 2025 telah diadakan dan disaksikan oleh Pemangku Pengarah, Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Dayang Hajah Titisutinah binti Haji Mohd. Diah.





JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

Kelas:  
IV Sahaja

Kategori:  
B01

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:  
12 Ogos 2025 Selasa

Tarikh Tutup:  
26 Ogos 2025 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran:  
JKR / DBSKB / 025 / 2025

**Nama Projek:**  
Membaik Pulih Dan Menaiktaraf  
Gelanggang Tenis, KSNHB Dan  
Kompleks Sukan Mumong  
(Membaik Pulih Dan Menaiktaraf  
Kompleks Sukan Mumong  
– Fasa 1)

No. Projek:  
KBS1206-002 / ADBT-01

Yuran Tawaran:  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:  
-



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

Kelas:  
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:  
KPME02

Bilangan Tawaran:  
JKR / DME / BOP-LE/ 29 / 2025

**Nama Projek:**  
Pemeliharaan Lif 'Kone' Di  
Bangunan Tambahan Ibu Pejabat,  
Jabatan Penerangan, Jabatan  
Perdana Menteri Dan Bangunan  
Baharu Ibu Pejabat, Jabatan  
Buruh, Kementerian Hal Ehwal  
Dalam Negeri Bagi Tempoh  
Tiga (3) Tahun

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:  
19 Ogos 2025 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 3.00 petang

Tarikh Tutup:  
2 September 2025 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Yuran Tawaran:  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

Kelas:  
MOD Approved Contractor Class  
III And Above

Kategori:  
E01

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:  
19 Ogos 2025 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 3.00 petang

Tarikh Tutup:  
2 September 2025 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran:  
JKR / DME / BP / 31 / 2025

**Nama Projek:**  
Pengubahsuaian Ibu Pejabat  
Jabatan Kerja Raya Dengan  
Inisiatif Hijau - Penggantian  
Lampu Kepada Lampu LED

Yuran Tawaran:  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:  
RTB / K / 67 / 25 – 26  
Pembelian dan Pembekalan  
Televisyen, Tablet dan Android  
Projector Bagi Hadiah Pemenang  
Cabutan Bertuah Kajian Audiens

Bayaran Yuran  
(Termasuk e-dokumen):  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):  
BND5.00 (Jika perlu  
dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:  
Rabu, 20 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

Kelas:  
III (II & III) Sahaja

Kategori:  
KA01, E01 & E02 Sahaja  
(Kod Baharu)

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:  
Selasa, 26 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa, 9 September 2025  
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran:  
JKR / DDS 021 / 2025  
– (SEW).T.III

**Nama Projek:**  
Membaiki Sistem Mekanikal Dan  
Elektrikal Bagi Stesen Pegepam  
Pembetungan GDG-30 Baharu,  
Jalan Penghubung Tungku

Yuran Tawaran:  
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:  
BND5.00



JABATAN BOMBA DAN  
PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI

Tawaran 1 :  
Supply And Delivery Fire Jacket  
And Trouser Complete With  
Stripe White And Yellow,  
Helmet And Glove

Kod Tawaran:  
BFRD / LTK / 03 / 2025 - 2026

Tender Fee:  
BND30.00  
(Tiga Puluh Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup:  
Selasa, 26 Ogos 2025



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

Kelas:  
V

Kategori:  
M01

1. Bilangan Tawaran:  
JKR / DME / BOP-ACM / 27 /  
2025

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Penggantian Sistem  
Hawa Dingin Di Rumah-Rumah  
F26, F27 Dan F28, Assarra

2. Bilangan Tawaran:  
JKR / DME / BOP-ACM / 28 /  
2025

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Penggantian Sistem  
Hawa Dingin Di Dewan Assarra

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:  
19 Ogos 2025 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 3.00 petang

Tarikh Tutup:  
2 September 2025 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Yuran Tawaran:  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:  
IKAN / 78(Q) / 0017 / 2024

Tajuk Sebut Harga:  
To Supply, Provide And Conduct  
Diving Training Course For The  
Staffs Of Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:  
Khamis, 14 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang



Sebut Harga Bil. :  
17 / JS / A / 6 / 2008 PT.9

Pelan Takaful Keluarga  
Berkelompok Bagi Pegawai  
Penguatkuasa Undang-Undang  
Jabatan Hal Ehwal Syariah  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Bagi Tempoh Mulai September  
2025 Hingga 31 Disember 2026

Tarikh Tutup Tawaran:  
Rabu, 19 Safar 1446H bersamaan  
dengan 13 Ogos 2025M.  
Jam 2.00 petang



JABATAN KEMAJUAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:  
JKP / SH / 2025 – 2026 / 21

Tajuk Tawaran:  
JKP/SH/2025-2026/21:  
Penyediaan Pakej Mesyuarat Dan  
Bilik Penginapan Sempena UN  
Tourism Regional Workshop  
In Brunei Darussalam,  
18 – 20 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:  
Khamis, 21 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang






**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
V Sahaja

**Kategori:**  
B01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
19 Ogos 2025  
(Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
2 September 2025  
(Selasa)  
Tidak lewat Jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSBM023 / 2025

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Membaik Pulih  
Bangunan-Bangunan Universiti  
Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)  
– Kampus Gadong

**Bil. Projek**  
2025DBSBM / PEL.01

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kategori:**  
Sijil Pendaftaran Nama-Nama  
Akta Perniagaan (Seksyen 16 &  
17) & Akta Agensi Keselamatan  
(Penggag 187)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
19 Ogos 2025  
(Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
2 September 2025  
(Selasa)  
Tidak lewat Jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSBM025 / 2025

**Nama Projek:**  
Menyediakan Perkhidmatan  
Pengawal Keselamatan Di Rumah  
Teres Kiarong Untuk Tiga  
(3) Tahun

**Bil. Projek**  
JKR / DBS.IMU03 / 2025

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)



**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**  
III, IV & V

**Kategori :**  
B01 & KA01 (Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa, 12 Ogos 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 16 September 2025  
Tidak lewat jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 22 / CQS / 2025-T /  
IV

**Nama Projek:**  
Pengubahsuaian Wad 10 & 11  
Kepada Intensive Care Unit (ICU)  
Wad Termasuk Pengubahsuaian  
Antara Wad 10 & 11 Hospital Raja  
Isteri Pengiran Anak Saleha  
(RIPAS) – Design And Build

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-


**KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Pusat Kebangsaan E-Kerajaan,  
Kementerian Pengangkutan dan  
Infokomunikasi**

**Bilangan Tawaran:**  
EGNC / PM / 4.1 / 7.2025  
The Supply, Delivery, Installation,  
Configuration, Testing,  
Commissioning and Warranty of  
The Precision Air Conditioning  
(PAC) for The Government at  
E-Government National Centre  
Data Centre, Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 16 September 2025


**JABATAN PERTANIAN  
DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**1. JPt / SH / 52 / 2025 - 2026:**  
To Perform Quarterly Calibration  
Of Hot Oven In The Scope Of  
ISO/IEC 17025 Accreditation At  
Veterinary Laboratory Services

**2. JPt / SH / 53 / 2025 - 2026:**  
Repair Work And One-Off  
Planned Preventive Maintenance  
Of Existing Esco Equipment At  
Veterinary Laboratory Services

**3. JPt / SH / 54 / 2025 - 2026:**  
To Facilitate Internal Audit For  
Veterinary Laboratory Services

**4. JPt / SH / 55 / 2025 - 2026:**  
Supply And Delivery Of  
Chemicals And Consumables  
For Soil Science And Plant  
Nutrient Laboratory

**5. JPt / SH / 56 / 2025 - 2026:**  
Kerja-Kerja Membina Letak  
Kereta Di Pusat Hortikultur  
Agribisnes Rimba,  
Daerah Brunei Muara

**6. JPt / SH / 57 / 2025 - 2026:**  
Topographical, Staking &  
Volumetric Survey Works At  
Jalan Masuk KKP Batang Mitus,  
Tutong

**7. JPt / SH / 58 / 2025 - 2026:**  
Penyewaan Tempat  
Penyimpanan Biji Benih Padi  
Selama Dua (2) Tahun

**8. JPt / SH / 59 / 2025 - 2026:**  
To Perform On-Site And Off-Site  
Calibration Of Laboratory  
Instrument And Equipment In  
The Scope Of ISO/IEC 17025  
Accreditation At Veterinary  
Laboratory Services

**9. JPt / SH / 60 / 2025 - 2026:**  
Term Contract For Provision Of  
Building Safety Materials And  
The Likes For All Buildings Under  
The Department Of Agriculture  
And Agrifood For The Period Of  
Twelve (12) Months

**10. JPt / SH / 61 / 2025 - 2026:**  
Kerja-Kerja Pembaikan Am Di  
Bangunan Cagehouse Unit  
Biji Benih Padi,  
Kg Wasan

**Tarikh Tutup:**  
Tidak lewat dari jam 2.00 petang  
pada Khamis,  
4 September 2025.

**Borang Sebut Harga:**  
BND7.00



**1. JPt / SH / 01(A) / 2025 - 2026**  
Kerja-Kerja Mengganti  
Cold Storage Unit  
Di Stor Pusat Pertanian Mulaut,  
Jabatan Pertanian dan  
Agrimakanan

**2. JPt / SH / 49 / 2025 - 2026**  
Membekal, Menghantar,  
Memasang Dan Menguji Satu (1)  
Unit Biosafety Cabinet Untuk  
Makmal Mikrobiologi

**3. JPt / SH / 50 / 2025 - 2026**  
Kerja-Kerja Meroboh Struktur  
Bangunan Lama Dan  
Usang Bersebelahan  
Di Premis Bangunan Inkubator,  
KKP Sinaut,  
Daerah Tutong

**4. JPt / SH / 51 / 2025 - 2026**  
Term Contract For Grasscutting  
Services For Irrigation Pipeline  
Areas And Drainages Under  
Agriculture And Agrifood  
Department For A One  
(1) Year Period

**Tarikh Tutup:**  
Tidak lewat dari jam 2.00 petang  
pada Khamis,  
21 Ogos 2025

**Borang Sebut Harga:**  
BND7.00


**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Membersihkan Kawasan Luar  
dan Dalam Unit Kenderaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Kawasan Lapangan Terbang  
Lama Berakas**

**Tarikh Tutup:**  
27 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang


**UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI**

**1) UNISSA / SB0046 / 2025 /  
2026**

To Supply, Deliver, Install,  
Maintenance And Support Of  
Printers For Universiti Islam  
Sultan Sharif Ali  
(UNISSA)

**2) UNISSA / SB0047 / 2025 /  
2026**

One (1) Year Rental Photocopy  
Machines For Universiti  
Islam Sultan Sharif Ali  
(UNISSA) At Gadong  
And Sinaut Campus

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
20 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang


**JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Rujukan:**  
JBBSB / SH / 2025-2026 / 46 /  
UP / 20

**Tajuk Sebut Harga:**  
Two (2) Years Term Contract For  
Facilities Maintenance Of Pasar  
Pelbagai Barangan Gadong,  
Admin Building PPBG, Surau  
PPBG and Gadong Fish Market.

**Hari, Tarikh dan Jam Tutup:**  
Khamis,  
14 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang

**Keterangan Lanjut Boleh:**  
Seksyen Pemuliharaan Aset,  
Bahagian Pengurusan  
Pemuliharaan Estet  
Di Bangunan Blok B1,  
Jabatan Bandaran,  
Bandar Seri Begawan, Tingkat 3  
Flat Perumahan Kerajaan  
Jalan Seri Beribi Gadong BE1118  
Bandar Seri Begawan.







Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara  
Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

KES NO. BCY/CP/360/2024

Perbadanan Tabung Amanah Islam  
Brunei

... Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Dahlan Bin Anuar**  
(BYIC NO. 00-285593 )  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada 1 Jun 2025.

**Nama dan alamat  
terakhir diketahui:**  
Dahlan Bin Anuar  
No. 10, Simpang 28-16, Jalan 49,  
Kampung Perpindahan  
Lambak Kanan, BC 2514.  
Brunei Darussalam  
Tarikh Petisyen: 24 Mac 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang yang  
tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang bukti  
hutang yang boleh diperolehi di  
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi  
dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat  
Dua, Bangunan Mahkamah Besar,  
Bandar Seri Begawan,  
Brunei Darussalam.

Bertarikh: 30 Jun 2025

KES NO. BCY/CP/360/2024

Perbadanan Tabung Amanah Islam  
Brunei

... Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Dahlan Bin Anuar**  
(BYIC NO. 00-285593 )  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh 19 Jun 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
Pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan di  
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 2, Bilik (L2-20),  
Mahkamah Besar pada  
4 Ogos 2025, jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi  
di sana bukti-bukti kamu mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di  
perjumpaan ini mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang telah ditetapkan bagi  
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang  
adalah ditetapkan pada 4 Ogos 2025  
jam 10.00 Pagi

di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang  
yang telah menyerahkan bukti,  
atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyoal  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan juga sebab  
kegagalannya.

Bertarikh: 30 Jun 2025

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli**

Timbalan Penerima Rasmi  
b/p Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

KES NO. BCY/CP/140/2010

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**  
(Previously Filed By HSBC Limited)  
... Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Hasri Bin Haji Osman**  
(BYIC NO. 00-252768)  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah  
Penerimaan yang di buat terhadap  
Penghutang berikut pada  
1 November 2012 telah  
dibatalkan pada 26 Jun 2025.

**Nama Penghutang:**  
Hasri Bin Haji Osman

**Alamat Penghutang:**  
No. 4 (268), Blok A,  
Flat Guru-Guru Ugama,  
Kampung Serusop, Jalan Muara,  
Bandar Seri Begawan, BB2313,  
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 1 Julai 2025

**Nur Sariy Syahmina  
Binti Haji Jaffri**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

KES NO. BCY/CP/50/2019

**BIBD At-Tamwil Berhad**  
... Pemiutang / Pemetisyen

**Muhd Khairuddin Bin Zulkifli**  
[BYIC NO. 01-031473]  
... Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada 26 Jun 2025.

**Nama dan alamat Bankrap:**  
Muhd Khairuddin Bin Zulkifli  
No. 34, Simpang 1185,-73-193,  
RPN Bukit Beruang.  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan: 19 Mei 2025

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada  
Bankrap yang tersebut di atas  
hendaklah menghadapkan  
Borang-Borang Bukti Hutang  
yang boleh diperolehi di Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi dengan  
seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar oleh Bankrap  
tersebut di atas hendaklah  
dihadapkan kepada Pegawai  
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,  
Bangunan Mahkamah Besar, Bandar  
Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 30 Jun 2025

KES NO. BCY/CP/17/2023

**Baiduri Finance Berhad**  
... Pemiutang Penghakiman /

Pemetisyen

**Suhadi Bin Suhai**  
BYIC NO. 00-311923  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada 12 April 2025.

**Nama dan alamat  
terakhir diketahui:**  
Suhadi Bin Haji Suhai  
Block C3-C, Simpang 207,  
Flat Polis Kawalan Diraja,  
Jalan Babu Raja,  
Kiarong. BE 1118.  
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 5 Jun 2023

b) Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang yang  
tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang bukti  
hutang yang boleh diperolehi di  
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi  
dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat  
Dua, Bangunan Mahkamah Besar,  
Bandar Seri Begawan,  
Brunei Darussalam.

Bertarikh: 30 Jun 2025

KES NO. BCY/CP/17/2023

**Baiduri Finance Berhad**  
... Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Suhadi Bin Suhai**  
BYIC NO. 00-311923  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh 12 April 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
Pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan di  
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 1, Bilik (L1-),  
Mahkamah Besar pada  
13 Ogos 2025, jam 10.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu  
mengundi di sana bukti-bukti kamu  
mestilah diserah-simpan kepada  
saya tidak lewat dari 24 jam  
sebelum waktu yang ditetapkan  
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan  
diperjumpaan ini mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang telah ditetapkan bagi  
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang  
adalah ditetapkan pada 13 Ogos  
2025 jam 10.30 Pagi  
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang  
telah menyerahkan bukti, atau  
wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyoal  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan  
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 30 Jun 2025

**Muhammad Syafiq  
Bin Awang Haji Zakaria**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar



**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
II & III Sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 022 / 2025

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja  
Pembaikan Paip-Paip Dan Lurang  
Pembetulan Di Kawasan Kuala  
Belait Bagi Tempoh 24 Bulan.

**No. Projek:**  
2025ADKB/2106/002-003-009

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 026 / 2025

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja  
Pembaikan Paip-Paip Dan Lurang  
Pembetulan Di Kawasan Seria  
dan Lumut Bagi Tempoh 24 Bulan.

**No. Projek:**  
2025ADKB/2106/002-003-011

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 029 / 2025

**Nama Projek:**  
Kerja-kerja Melapis Semula



Jalan Setia Diraja, Kuala Belait,  
Daerah Belait.

**No. Projek:**  
2025ADKB/2106/002-001-005

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-

**Kelas:**  
III Sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 027 / 2025

**Nama Projek:**  
Cerun Runtuh Di Sepanjang Bahu  
Jalan-Jalan Melilas KM 7.1,  
Mukim Melilas, Daerah Belait.

**No. Projek:**  
2025ADKB/KEW-01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
12 Ogos 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
26 Ogos 2025 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

## PERATURAN PENGIKLAMAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK  
kurang dari empat (4) minggu dan  
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari  
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU  
SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang  
berkaitan dan nyatakan apa-apa  
keperluan iklan berkenaan, seperti  
tarikh terbitan untuk diiklankan dan  
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.





**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam**

**Kelas:**  
(II & III Sahaja)

**Kategori:**  
[M03 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
12 Ogos 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
26 Ogos 2025 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DWS / 026 / 2025

**Nama Projek:**  
Membekal, Menghantar Dan  
Memasang Motor Dan Peralatan  
Pam Sg. Burong No. 4,  
Loji Rawatan Air Layong

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**



**Dibukakan Kepada Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam**

**Kelas:**  
III Sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
12 Ogos 2025  
(Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
26 Ogos 2025  
(Selasa)  
Tidak lewat dari jam  
2.00 petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 027 / 2025

**Nama Projek:**  
Cerun Runtuh Di Sepanjang Bahu  
Jalan – Jalan Melilas Km 7.1,  
Mukim Melilas, Daerah Belait.

**No. Projek:**  
2025ADKB / KEW-01

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**



**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**  
II & III sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen  
Tawaran:**  
23 Julai 2025

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa, 12 Ogos 2025.  
Tidak lewat dari jam  
3.00 petang.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 19 Ogos 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRC 13 / 2025

**Nama Projek:**  
Pembinaan R.C. SLAB  
Untuk Kawasan Dalam  
Scrapyard,  
Bahagian Mekanikal,  
Sinarubai,  
Jabatan Kerja Raya – Fasa V

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam**

**Kelas:**  
III Sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
12 Ogos 2025  
(Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
26 Ogos 2025  
(Selasa)  
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 028 / 2025

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Membaik Pulih Jalan  
Raya Di Sepanjang Jalan  
Sungai Pandan  
(Diantara Persimpangan Pandan  
Lima Dan Pandan Satu),  
Daerah Belait.

**No. Projek:**  
2025ADKB / 2106 / 002-001-004

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**



**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 024 / 2025

**Tajuk:**  
Replacement of Bare Overhead  
Conductors to Insulated Aerial  
Bundle Conductors at Jalan Bang  
Ligi Kg Bukit, Tutong for One Year

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 19 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang

**Harga Dokumen:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**  
"Tender Box"  
Pengerusi Lembaga  
Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB 3913  
Negara Brunei Darussalam.



**PUSAT SEJARAH BRUNEI  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
2 / OGOS / 2025 / PSB / PD.575  
Perkhidmatan Pemeliharaan,  
Pemuliharaan Dan Pembersihan  
Bangunan Pusat Sejarah Brunei  
Serta Bangunan Pusat  
Pengkajian Borneo Dan  
Makam-Makam Sultan Brunei  
Di Bawah Kawalan  
Pusat Sejarah Brunei

**Bilangan Sebut Harga:**  
3 / OGOS / 2025 / PSB / PD.575  
Membekal, Menghantar Dan  
Memasang Permaidani Di Galeri  
Salasilah Dan Surau Pusat  
Sejarah Brunei

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
21 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang



**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
14 / BBS / SH / 2025 - 2026

**Keterangan Projek:**  
Repair Sunken Paver Block At Jalan  
Pretty And Parking Area Near Stage  
Building At Taman Persiaran,  
Jalan Sungai, Kuala Belait.

Dibukakan kepada  
pemborong-pemborong  
yang berdaftar dengan  
Kementerian Pembangunan  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00 (Non Refundable)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 19 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang



**JABATAN KEMAJUAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / LTK / 2025 – 2026 / 05

**Tajuk Tawaran:**  
Construction, Furnishing And  
Dismantling Of Brunei Darussalam  
Pavilion And Other Logistics For  
Taipei International Travel Fair,  
7 – 10 November 2025,  
Taipei, Taiwan

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 12 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang.



**KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Pusat Kebangsaan E-Kerajaan,  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi**

**Bilangan Tawaran:**  
EGNC / PM / 4.1 / 3.2025  
Central Digitisation Contract  
(CDC): The Provision of  
Document Collection, Delivery,  
Transportation, Sorting, Digital  
Capture, Indexing, Migration,  
Testing and Quality Inspection  
of Digitisation Service

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
9 September 2025



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0005 / 2025 (R)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Supply Of Repair Work On  
Fibreglass And HDPE Tanks To  
Marine Biodiversity, Meragang

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
21 Ogos 2025





# Siapa Yang Diharuskan Masuk Ke Tempat Jenazah Dimandikan?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**A**PABILA berlaku kematian, salah satu perkara yang wajib dilaksanakan ke atas si mati ialah memandikan jenazahnya. Hukum memandikan jenazah adalah fardhu kifayah. Imam an-Nawawi Rahimahullah berkata dalam kitabnya al-Majmu' :

**Ertinya** : Dan memandikan mayat itu fardhu kifayah berdasarkan ijma' kaum muslimin.

Antara dalil pensyarian memandikan jenazah ialah sebuah hadits daripada 'Abdullah bin 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, beliau berkata :

**Maksudnya** : Seorang lelaki telah terjatuh daripada untanya (ketika dia dalam ihram), lalu patah lehernya dan dia pun meninggal dunia. Maka (Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam) bersabda : "Kamu mandikanlah dia dengan air dan daun bidara, dan kamu kafankanlah dia dengan dua helai pakaian ihramnya itu, dan janganlah kamu menutup kepalanya (khusus bagi jenazah orang berihram), kerana sesungguhnya Allah (Subhanahu wa Ta'ala) akan membangkitkannya pada hari Kiamat kelak dalam keadaan bertalbiah".

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Di Negara Brunei Darussalam, terdapat pihak-pihak tertentu yang membantu mengendalikan pengurusan jenazah termasuk urusan memandikannya sama ada bagi jenazah lelaki ataupun perempuan yang disebut sebagai "penggapi". Pihak-pihak ini akan dihubungi oleh keluarga si mati bagi membantu mengendali pengurusan jenazah ahli keluarga mereka. Ketika memandikan jenazah, pada kebiasaannya sebahagian ahli keluarga terdekat akan turut sama masuk ke tempat jenazah dimandikan untuk membantu memandikan jenazah tersebut atau sekadar untuk melihat pengurusan semata-mata. Namun ada juga didapati sebilangan orang yang masuk ke tempat jenazah dimandikan itu bukan daripada kalangan ahli keluarga terdekat dan tidak juga terlibat dalam memandikan jenazah atau membantu orang-orang yang memandikannya. Persoalannya, adakah

masuk ke tempat jenazah dimandikan itu diharuskan ke atas orang-orang yang tidak terlibat dalam urusan memandikan jenazah?

Antara cara yang paling sempurna dan menepati tuntutan sunnah dalam memandikan jenazah ialah melakukannya di tempat yang terlindung supaya tidak dilihat oleh orang ramai sebagaimana halnya seseorang mandi ketika hidup. Makruh hukumnya memandikan jenazah di tempat yang terbuka untuk menjaga masalah mayat kerana dikhuatiri orang ramai akan terlihat pada jenazah itu sesuatu yang dia tidak mahu dilihat oleh orang lain semasa hayatnya atau kelihatan sesuatu yang tidak elok dan tidak wajar untuk dilihat seperti berlaku perubahan pada jenazah tersebut dan seumpamanya.

Selain disunatkan memandikan jenazah di tempat yang terlindung daripada dilihat orang ramai, disunatkan juga supaya hanya orang-orang yang memandikannya serta pembantu-pembantu mereka sahaja yang masuk ke tempat jenazah dimandikan itu. Ini bermakna, orang-orang yang tidak berkenaan sebaiknya tidak masuk ke tempat memandikan jenazah bagi mengekalkan kesempurnaan dan tuntutan sunnah dalam memandikan jenazah kerana keberadaan mereka dihukumkan khilaf al-awla (menyalahi yang lebih utama).

Bagaimana pula jika yang masuk itu adalah ahli keluarga dari kalangan waris terdekat? Adakah perkara tersebut juga akan mengurangkan kesempurnaan dan bertentangan dengan tuntutan sunat dalam memandikan jenazah?

Menurut Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, ahli keluarga dari kalangan waris terdekat adalah diharuskan untuk masuk ke tempat memandikan jenazah sekalipun mereka ini tidak terlibat memandikan jenazah dan tidak juga terlibat membantu memandikan jenazah. Bahkan menurut Imam al-Bujairimi Rahimahullah, adalah disunatkan ke atas ahli keluarga dari kalangan waris terdekat untuk masuk ke tempat jenazah dimandikan itu. Walau bagaimanapun, disyaratkan bahawa tidak ada permusuhan di antara si mati dengan ahli keluarga dari kalangan waris terdekat itu. Sekiranya ada permusuhan, maka dia adalah sama seperti ajnabi (bukan ahli keluarga) dan keberadaannya di tempat jenazah

dimandikan itu adalah khilaf al-awla. Imam ar-Ramli Rahimahullah berkata :

**Ertinya** : Dan bagi wali ada hak untuk masuk (ke tempat jenazah dimandikan) sekalipun dia tidak memandikan dan tidak juga membantu memandikan, kerana keinginannya untuk menjaga maslahatnya (si mati). (Baginda) Shallallahu 'alaihi wasallam telah dimandikan oleh Sayyidina Ali dan al-Fadhl (Radhiallahu 'anhuma), dan Usamah (Radhiallahu 'anhu) pula menyerahkan air (kepada mereka), sementara al-Abbas (Radhiallahu 'anhu) pula berdiri (di tempat jenazah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dimandikan itu). Kemudian, hal ini terikat lagi, sebagaimana disebutkan oleh az-Zarkasyi (Rahimahullah), dengan (syarat) jika tidak ada permusuhan antara mereka. Jika ada (permusuhan), maka (wali itu dianggap) seperti orang asing (dan hukumnya menjadi khilaf al-awla). Dan yang dimaksudkannya dengan wali itu ialah ahli waris terdekat.

Maka jelas daripada nash di atas bahawa ahli keluarga dari kalangan waris terdekat kepada si mati diharuskan untuk masuk ke tempat jenazah dimandikan sekalipun mereka ini tidak terlibat memandikan jenazah dan tidak juga terlibat membantu memandikan jenazah. Walau bagaimanapun, sekiranya ada permusuhan di antara si mati dengan ahli warisnya yang terdekat itu maka adalah menjadi khilaf al-awla baginya untuk masuk ke tempat jenazah dimandikan. Begitu juga adalah khilaf al-awla bagi selain ahli keluarga dari kalangan waris terdekat yang tidak terlibat memandikan jenazah dan tidak juga terlibat membantu memandikan jenazah untuk masuk ke tempat jenazah dimandikan.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya al-Minhaj al-Qawim, orang-orang yang diharuskan untuk masuk ke tempat jenazah dimandikan itu juga dituntut untuk memelihara pandangan mata mereka dari melihat jenazah yang sedang mereka mandikan melainkan jika ada keperluan sahaja. Mereka wajib tidak melihat ke arah aurat jenazah yang dimandikan. Ketetapan ini tidak ada bezanya sama ada ke atas orang yang memandikan jenazah, pembantunya ataupun orang lain yang juga berada di tempat jenazah dimandikan itu.

Manakala bahagian anggota selain aurat jenazah pula, menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya al-Majmu',



sunat bagi orang yang memandikan jenazah serta pembantunya ataupun orang lain yang juga berada di tempat jenazah dimandikan itu untuk tidak melihatnya melainkan jika ada keperluan seperti kerana hendak menyempurnakan proses memandikannya atau memastikan kebersihan anggota yang dibasuh. Sekiranya bahagian anggota selain aurat jenazah itu sengaja dilihat tanpa keperluan, sekalipun dia melihat itu tanpa syahwat, maka perbuatan itu juga dikira sebagai khilaf al-awla bagi orang yang memandikan jenazah dan makruh bagi pembantunya serta yang orang lain yang berada di tempat jenazah dimandikan itu. Adapun jika diiringi syahwat pula, maka hukumnya adalah haram.

Dari penjelasan para ulama yang disebut di atas, adalah jelas bahawa terdapat perbezaan hukum masuk ke tempat jenazah dimandikan antara ahli keluarga dari kalangan waris terdekat kepada si mati dengan orang-orang yang bukan ahli keluarga. Ahli keluarga dari kalangan waris terdekat kepada si mati disunatkan untuk masuk ke tempat jenazah dimandikan sekalipun mereka tidak terlibat memandikan jenazah dan tidak juga terlibat membantu memandikan jenazah dengan syarat hendaklah tidak ada permusuhan di antara si mati dengan ahli keluarga dari kalangan waris terdekat itu. Adapun orang-orang selain ahli keluarga dari kalangan waris terdekat, mereka tidak diharuskan masuk ke tempat jenazah dimandikan melainkan untuk memandikan jenazah atau membantu memandikan jenazah.

## Bersyukur memperkuat keimanan

akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang dianugerahkan kepada manusia khususnya kepada umat Islam boleh dibahagikan kepada dua, iaitu :

Nikmat untuk menjalani kehidupan di dunia seperti makanan, minuman, pandangan, kekayaan, keamanan, kesihatan, umur dan nikmat berkasih sayang; dan

Nikmat yang paling tinggi nilainya iaitu nikmat iman dan Islam kerana ia bukan setakat untuk di dunia tetapi berterusan sampai ke hari akhirat.

Umat Islam patut bersyukur kerana dikurniakan nikmat iman dan Islam di samping nikmat lain yang tidak tertera banyaknya. Allah Subhanahu Wata'ala menghuraikan mengenai banyaknya nikmat kurniaan-Nya kepada manusia yang pasti tidak mampu dihitung. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 18 yang terjemahan makna ayatnya :

"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan supaya manusia yang banyak menerima nikmat dan kurniaan-Nya supaya bersyukur, seperti firman-Nya dalam Surah An-Nahl, ayat 78 yang terjemahan makna ayatnya :

"Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu apa pun dan Dia mengurniakan

kepada kamu pendengaran, penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur".

Terdapat sebuah kisah bahawa ada seorang pemuda pada zaman Saiyidina Umar Al-Khattab Radiallahuanhu yang sering berdoa di sisi Baitullah yang maksudnya : "Ya Allah! Masukkanlah aku dalam golongan yang sedikit". Doa pemuda ini didengar oleh Saiyidina Umar Radiallahuanhu ketika beliau (Umar) sedang bertawaf di Kaabah. Beliau berasa hairan, iaitu kenapa pemuda berkenaan memohon doa sedemikian rupa.

Selepas selesai melakukan tawaf, Saiyidina Umar Radiallahuanhu memanggil pemuda berkenaan lalu bertanya : "Kenapakah engkau berdoa sedemikian rupa (Ya Allah! Masukkanlah aku dalam golongan yang sedikit), apakah tiada permintaan lain yang boleh engkau mohon kepada Allah?"

Pemuda berkenaan menjawab : "Ya Amirul Mukminin! Aku membaca doa berkenaan kerana aku (berasa) takut dengan penjelasan Allah seperti firman-Nya dalam Surah Al-A'raaf, ayat 10 yang terjemahan makna ayatnya : "Dan Demi sesungguhnya Kami telah menempatkan kamu di bumi dan Kami telah menjadikan kamu di bumi itu (berbagai-bagai sumber) penghidupan. Sedikit benar kamu bersyukur". Aku memohon agar Allah memasukkan aku dalam golongan yang sedikit, iaitu (lantaran) terlalu sedikit orang yang tahu bersyukur kepada Allah," jelas pemuda berkenaan.

Mendengar jawapan itu, Umar Al-Khattab Radiallahuanhu menepuk kepalanya sambil berkata kepada dirinya sendiri : "Wahai Umar, alangkah jahilnya engkau, orang

ramai lebih alim daripadamu". Memanglah teramat sedikit yang tahu dan mahu bersyukur dan semoga kita termasuk dalam golongan yang sedikit berkenaan (yang bersyukur).

Tanda bersyukur ialah menggunakan segala nikmat atau rezeki kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala untuk melakukan ketaatan kepada-Nya dan memanfaatkannya ke arah kebajikan, bukannya menyalurkan ke kancah maksiat atau kejahatan.

Mentaati perintah dan menjauhi apa jua larangan Allah Subhanahu Wata'ala adalah tanda syukur kepada-Nya. Insafilah bahawa apa jua yang Dia suruh kerjakan dan tinggalkan segala larangan-Nya adalah semata-mata untuk keuntungan manusia sendiri.

Allah Subhanahu Wata'ala tidak mengambil sebarang faedah daripada apa jua yang diperintah dan dilarang-Nya. Dia tidak sekali-kali rugi jika semua manusia sepakat untuk tidak mentaati-Nya dan tidak pula untung sekelumit pun sekiranya semua manusia beriman dan patuh kepada-Nya. Bukankah Allah Subhanahu Wata'ala mewujudkan manusia di muka bumi ini untuk diuji. Dia hendak melihat siapakah antara mereka yang paling baik perbuatannya?

Ini selaras dengan penegasan Allah Subhanahu Wata'ala menerusi firman-Nya dalam Surah Al-Kahfi, ayat 7 yang terjemahan makna ayatnya :

"Sesungguhnya Kami telah menjadikan apa yang ada di bumi sebagai perhiasan baginya untuk Kami menguji mereka (manusia) siapakah antara mereka yang lebih baik amalannya".

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولأن قوسه دعوه اسلاميه

**U**MAT Islam perlu memperbanyakkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana ia adalah tanda keteguhan iman di atas segala nikmat kurniaan-Nya yang tidak tertera banyaknya. Nikmat keamanan yang diterima terus-menerus dan tidak putus-putus ini sepatutnya menambahkan lagi rasa kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memperkuat lagi ketaatan serta pengabdian kepada-Nya.

Umat Islam disarankan bermuhasabah diri seiring dengan usia yang semakin bertambah dan hampir ke penghujungnya. Saiyidina Umar al-Khattab Radiallahuanhu pernah meluahkan ungkapan yang terkenal, iaitu :

"Perhitungkanlah (hisablah) dirimu sebelum anda dihitung (dihisab) oleh Allah (pada hari akhirat)".

Orang yang tidak tahu atau tidak mahu bersyukur, maka azab Allah Subhanahu Wata'ala bakal diterimanya di akhirat. Sebaliknya, orang yang tahu bersyukur dan menghargai nikmat pemberian Allah Subhanahu Wata'ala, mereka beruntung kerana Dia berkenan menambahkan lagi pemberian-Nya, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ibrahim, ayat 7 yang terjemahan makna ayatnya :

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku



# TINGKATKAN PENGETAHUAN, KESEDARAN MENGENAI PSI



**PROGRAM** Pameran Penyusuan Susu Ibu (PSI) bermatlamat untuk memberi pendidikan dan menaikkan kesedaran orang ramai dalam mengukuhkan rantaian PSI dan membangunkan sistem sokongan yang mampan (atas dan kanan).

**TUTONG**, Isnin, 4 Ogos. - Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) Sedunia merupakan aktiviti tahunan yang disambut pada setiap bulan Ogos setiap tahun. Walaupun mempunyai tema berbeza setiap kali penganjurannya, namun sambutan ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu berkaitan PSI.

Tema Sambutan Minggu PSI pada tahun ini adalah 'Membangun Sistem Sokongan Yang Mampan' (Create Sustainable Support

System).

Sehubungan itu, Perkhidmatan Obstetrik dan Ginekologi telah mengadakan Pameran PSI yang berlangsung di Lobi Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (Hospital PMMPMHAMB) bermula 1 Ogos hingga 7 Ogos 2025 pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Pameran PSI bermatlamat untuk memberi pendidikan dan menaikkan kesedaran orang ramai dalam mengukuhkan



rantaian PSI dan membangunkan sistem sokongan yang mampan.

Di samping itu, ia juga untuk meningkatkan komitmen jururawat dalam memberi pendidikan kesihatan PSI, berinteraksi dengan orang ramai untuk mendidik masyarakat mengenai kepentingan PSI.

Poster-poster pameran adalah berkaitan dengan pendidikan PSI, termasuk model-model payudara, saiz perut anak damit serta kaedah penyimpanan susu ibu yang betul.

Beberapa aktiviti-aktiviti menarik

**Oleh :** Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
**Foto :** Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

juga disediakan untuk menarik minat para pengunjung hospital di sambutan ini. Sesi berinteraksi dengan pengunjung hospital dan juga sesi khidmat nasihat dan sokongan PSI juga diadakan secara walk-in.

Perkhidmatan Obstetrik dan Ginekologi, Hospital PMMPMHAMB juga akan memulakan perkhidmatan baharu iaitu Perkhidmatan Sokongan PSI (Lactation Support

Service).

Perkhidmatan ini terbuka pada ibu-ibu yang telah melahirkan yang menghadapi cabaran-cabaran sepanjang PSI pada anak damit mereka. Mereka memerlukan sokongan dan bantuan daripada jururawat dan bidan dalam mereka meneruskan PSI.

Turut hadir pada sambutan tersebut ialah pegawai serta kakitangan Hospital PMMPMHAMB, Tutong.



## MINDA PEMBACA

### Media sosial : Alat komunikasi atau punca tekanan

**D**UNIA masa kini, hidup tanpa media sosial ibarat makan tanpa garam. Platform ini adalah judul utama kehidupan sekarang. Kebaikan dan keburukan media sosial ini dapat dijadikan bahan perbincangan setiap kalangan dari usia kanak-kanak sehingga orang dewasa dan berusia. Malahan, penggunaan media sosial ini satu kemestian dalam agenda harian.

Jika diambil kira, media sosial sebagai alat komunikasi, ia adalah satu platform perhubungan yang boleh membantu dalam segala hal sama ada permasalahan, kesulitan, menjana ekonomi, meningkatkan integriti dan

keyakinan diri, bahkan ia juga digunakan sebagai alat bantu dalam segala urusan. Melalui media sosial juga, perhubungan dengan keluarga yang jauh terasa lebih dekat. Sebarang sumber informasi dan maklumat terkini sama ada dalam negeri juga luar negeri, boleh diperoleh melalui media sosial.

Namun, media sosial ini akan memberi tekanan dalam kehidupan individu andai digunakan secara tidak rasional. Masalah yang buruk adalah punca tekanan yang datang melalui media sosial. Antaranya, kurang keyakinan diri hanya dengan

perbandingan hingga timbul perasaan dengki dan cemburu. Maka akan mendatangkan fitnah dunia yang menyebabkan keadaan menjadi huru hara. Tekanan yang lebih mengganggu dengan penggunaan media sosial ini adalah ketagihan yang menyebabkan gangguan tidur yang mana ini adalah punca menurunnya prestasi kehidupan terutama dalam kalangan penuntut.

Oleh yang demikian, platform ini adalah satu akses untuk memperbaiki jati diri individu itu sendiri dengan mendalami ilmu-ilmu ukhrawi. Keharmonian masyarakat akan lebih damai dan sefahaman dalam

penyebaran informasi dan berita-berita terkini secara lebih kondusif dan efektif. Malahan penggunaan media sosial secara relevan dan bersesuaian dengan suasana akan lebih memberi impak yang positif dalam kehidupan seharian individu dan masyarakat.

**Nama :** Muhammad Saifullah Hakimi bin Supri  
**No. K/P :** 01-145XXX

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Isu Pengangguran, Keperluan Penyesuaian Kurikulum'. Tarikh Tutup : 6 Ogos 2025
2. 'Gaya Hidup Sihat Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup'. Tarikh Tutup : 13 Ogos 2025
3. 'Kebaikan Menjadi Masyarakat Berdisiplin, Bertoleransi'. Tarikh Tutup : 20 Ogos 2025

#### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**





# Generasi belia, harapan, penerus negara

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Jabatan Penerangan

**H**ARI Belia Kebangsaan (HBK) Negara Brunei Darussalam (NBD) disambut setiap 1 Ogos. Ia merupakan detik yang amat bermakna bagi seluruh rakyat, khususnya golongan belia yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan negara. Pada tahun ini, HBK disambut buat kali ke-20, mencerminkan dua dekad pengiktirafan terhadap peranan dan sumbangan belia dalam memperkasa hala tuju negara.

## Peranan belia dalam pembangunan negara

Belia merupakan aset negara yang paling berharga. Di NBD, golongan ini bukan sahaja aktif dalam bidang pendidikan dan pekerjaan, malah turut cemerlang dalam bidang keusahawanan, kesukarelawanan, seni, sukan dan teknologi. Ramai belia kini tampil membawa perubahan positif untuk memajukan negara ke arah masa depan yang lebih cemerlang.

Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sentiasa komited dalam memperkasa golongan belia menerusi pelbagai program dan inisiatif seperti latihan kepimpinan, kem belia, program keusahawanan serta pendedahan kepada platform serantau dan antarabangsa. Pendekatan inklusif ini menunjukkan keprihatinan negara dalam membentuk generasi belia yang seimbang dari segi rohani, jasmani dan intelek.

Salah satu aspek penting yang ditekankan dalam Sambutan HBK ini ialah untuk memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia. Negara memerlukan lebih ramai individu muda yang bersedia untuk turun padang,

menyumbang tenaga dan idea demi kebaikan bersama.

## Belia dan cabaran era digital

Era digitalisasi membawa cabaran dan peluang tersendiri kepada generasi belia. Dalam dunia yang semakin dipacu oleh teknologi, belia Brunei dituntut untuk menjadi celik digital, inovatif dan bijak memanfaatkan kemajuan teknologi dalam memperkasa diri dan masyarakat. Namun, dalam masa yang sama, mereka perlu berwaspada terhadap pengaruh negatif media sosial, maklumat palsu serta budaya luar yang boleh merosak nilai murni bangsa.

Maka pembinaan karakter yang kukuh, pemahaman agama yang mantap dan sikap tanggungjawab sosial yang tinggi perlu diterapkan dalam diri setiap belia bagi menjadikan mereka individu berprinsip, berintegriti dan berakhlak mulia.

## Ke arah masa depan yang lebih cerah

Sambutan HBK Ke-20 merupakan satu titik tolak baharu bagi merancang masa depan belia yang lebih inklusif, progresif dan berdaya saing. Negara tidak hanya mampu menyumbang secara kolektif kepada kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negara. Pihak kerajaan dan swasta digalakkan untuk terus berganding bahu dalam mencipta ekosistem yang kondusif untuk perkembangan belia dari segi peluang pendidikan, latihan kemahiran, pekerjaan, kesihatan mental dan fizikal.

Usaha bersepadu ini harus disertai dengan dasar yang menyokong penyertaan aktif belia dalam pembangunan negara

termasuk dalam aspek kepimpinan, inovasi, keusahawanan serta pemeraksaan digital. Selain itu, penting juga untuk memperkukuh nilai jati diri dan semangat kenegaraan dalam kalangan belia agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar yang merosakkan.

## Belia harapan negara

Sempena HBK, Khutbah Jumaat bertarikh 1 Ogos 2025 di seluruh masjid di NBD turut menekankan mesej penting kepada para jemaah mengenai belia adalah harapan negara. Antara inti pati khutbah tersebut ialah generasi muda atau belia merupakan tiang dan sandaran negara serta menjadi sumber tenaga manusia yang bernilai. Pada mereka diletakkan cita-cita serta harapan negara pada masa hadapan. Sebagai harapan negara, mereka memikul tanggungjawab yang amat besar.

Oleh itu, mereka perlu dibentuk dan dipersiapkan dengan tarbiah, nilai-nilai dan kefahaman Islam sejak dari kecil lagi bagi menanai matlamat dan aspirasi negara yang cemerlang, ada beberapa ciri yang perlu dimiliki setiap belia, pertama, beriman iaitu patuh dan berpegang teguh kepada ajaran agamanya. Kedua, berilmu iaitu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menerajui negara pada masa hadapan. Bangsa yang menitikberatkan pendidikan adalah bangsa yang mempunyai masa depan. Ketiga, berbudaya iaitu dapat mempertahankan dan memelihara ciri-ciri kebruneian seperti berbudi bahasa, menghormati orang tua, bersopan santun dan lain-lain kerana budaya itu mencerminkan keperibadian dan identiti sesuatu bangsa. Keempat, berkeupayaan iaitu dapat berdaya tahan dan berdaya saing di era globalisasi yang semakin kompetitif

dan membolehkan negara kita sebanding dengan negara-negara maju dan kelima, bernegara iaitu memiliki sifat nasionalisme di dalam diri mereka bagi memastikan mereka mencintai bangsa dan negara demi pembangunan negara.

Dengan memiliki sifat atau ciri-ciri tersebut, maka akan dapat membantu melahirkan belia holistik yang cemerlang yang mempunyai rasa tanggungjawab demi bangsa dan negara. Dengan memiliki sifat-sifat ini juga para belia akan dapat berfikir dan menyedari akan peranan dan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan negara dan juga sebagai penerus kesinambungan pentadbiran dan kemajuan pembangunan negara.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, Sambutan HBK Ke-20 bukan sekadar mengenang pencapaian belia tetapi juga sebagai seruan untuk terus memperkasa dan membimbing generasi muda dalam menghadapi cabaran dunia moden tanpa mengabaikan budaya dan nilai murni bangsa. Belia hari ini adalah pemimpin masa depan. Mereka bukan sahaja pewaris tetapi juga peneraju negara menuju arah yang lebih cemerlang.

Justeru itu, marilah kita semua bersama-sama menyokong usaha membentuk belia yang beriman, berilmu, berbudaya dan bernegara demi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan NBD kekal terpelihara. Sepertimana tema tahun ini 'Belia Siaga, Masa Depan', marilah kita berganding bahu menyediakan segala keperluan dan sokongan agar belia kita sentiasa bersedia, berdaya tahan dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Selamat Menyambut HBK Ke-20. Belia harapan negara.







## Pamer inovasi, projek penyelidikan UBD

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin

**P**AMERAN Pesta Konvo Universiti Brunei Darussalam (UBD) bertemakan 'Ideas That Move', merupakan satu platform untuk mempamerkan pelbagai inovasi dan projek penyelidikan oleh para mahasiswa / mahasiswi serta Alumni UBD dengan dibahagikan kepada tiga zon.

Di zon 'Inovasi Komuniti', pameran daripada Akademi Pengajian Brunei (APB) dan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UBD (UBD School of Business and Economics - UBD SBE) mempamerkan idea dan inisiatif berfokuskan rakyat yang memberi respons kepada cabaran dunia sebenar yang dihadapi oleh komuniti. Ini merangkumi usaha memperkasa golongan belia dan usahawan serta memperkukuhkan keterangkuman sosial dan pembangunan setempat.

Mohamad Bahiyuddin bin Aji, seorang Alumni UBD yang menamatkan pengajian dari APB pada tahun 2018 dan meluangkan setahun dalam penyelidikan intensif dalam bidang pertanian, telah menubuhkan Kianjong.co pada akhir tahun 2019. Pengkhususannya dalam pengajian budaya antropologi memberikan perspektif menyeluruh dalam pendekatannya terhadap

perniagaan. Menunjukkan komitmen terhadap pertanian mampan, Kianjong.co telah mengembangkan portfolio produknya secara strategik untuk merangkumi baja organik berasaskan mikrob bermanfaat. Selain itu, syarikat ini juga sedang membangunkan projek rumah hijau berteknologi tinggi yang dijangka akan meningkatkan lagi keupayaan pertaniannya serta menyumbang kepada keselamatan makanan Negara Brunei Darussalam.

Seorang lagi Alumni UBD, iaitu Ahmad Fathi bin Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan pula mempamerkan UBD Alya Playhouse yang baharu sahaja dibuka pada Mei 2025, dengan mengetengahkan kepentingan penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak kepada ibu bapa yang bekerja di UBD. Dengan tertubuhnya UBD Alya Playhouse ini secara tidak langsung menyokong keseimbangan kerja dan kehidupan yang lebih sihat bagi kakitangan dan para mahasiswa / mahasiswi di universiti berkenaan.

Sementara itu, Dr. Nurul Afifah binti Haji Nor Amin dan Hajah Saerah binti Haji Petra dari UBD SBE menggabungkan kepakaran akademik mereka dengan penglibatan

secara langsung di lapangan, bagi menyokong pembangunan komuniti mampan di Kampung Bolkiah, Kampong Ayer. Kaya dengan budaya dan hubungan komuniti yang kukuh, 'Living Lab' komuniti ini membolehkan penyelesaian yang inklusif dan berasaskan penyelidikan, yang memupuk kebergantungan ekonomi sendiri dan kemakmuran, sambil mengukuhkan kepimpinan tempatan serta pembangunan berasaskan data.

Di zon 'Budaya dan Identiti' pula mempamerkan pemeliharaan dan evolusi identiti budaya melalui penceritaan, dengan melihat budaya sebagai sebahagian dalam pembelajaran dan komuniti. Dayangku Nur Iman Shahidah binti Pengiran Md. Tani telah membangunkan permainan platform dua dimensi berjudul 'Katok Tales', di mana para pemain meneroka sebuah hutan ajaib, menyelesaikan teka-teki dan mengalahkan musuh untuk mengumpul ramuan tersembunyi untuk menghasilkan Nasi Katok iaitu nasi, sambal dan ayam. Permainan ini akan dikeluarkan dalam tempoh beberapa tahun akan datang, secara percuma di laman sesawang : [itch.io](http://itch.io).

Dan yang terakhir ialah zon 'Kesihatan dan Kesejahteraan' yang meneroka pendekatan inovatif, diketuai oleh mahasiswa / mahasiswi dalam aspek penjagaan, kesejahteraan dan

pendidikan kesihatan dengan menterjemahkan pengetahuan klinikal mereka kepada perkhidmatan yang bermakna dan pemerikasaan komuniti. Pelajar perubatan Tahun Tiga dari Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (IHS PAPRSB) telah mempamerkan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai diabetes, komplikasinya dan cara pengurusan yang sihat melalui projek 'Spikeout'. Projek ini antara lain mempunyai objektif untuk meningkatkan pengetahuan orang awam tentang diabetes dan meningkatkan kesedaran mengenai komplikasi jangka panjang diabetes. Selain itu, projek juga menggalakkan rawatan yang betul dan amalan gaya hidup sihat, di samping mempromosikan pencegahan melalui perubahan gaya hidup yang mudah dan mengenal pasti individu berisiko tinggi untuk intervensi awal.

Manakala Program 'UBD TENANG Mindfulness' pula bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan mental melalui pendekatan kesedaran sendiri (*mindfulness*) yang terbukti berkesan dan diadaptasi secara unik dengan elemen Melayu Islam Beraja (MIB) yang sejajar dengan budaya Brunei, khususnya dari perspektif Islam.





# PROGRAM LIFESAVER 995 TINGKAT KEFAHAMAN TANGANI KECEMASAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran  
Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Cawangan  
Operasi 'D', Jabatan Bomba  
dan Penyelamat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Ogos. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerusi Cawangan Operasi 'D' baru-baru ini mengendalikan Program Lifesaver 995 bagi 30 orang yang terdiri daripada Majlis Perundingan Mukim (MPM) Zon 2, Kampong Ayer, iaitu Kampung Setia 'A', Kampung Setia 'B' dan Kampung Sungai Kebun, dan juga Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia.

Program yang diadakan di masjid berkenaan diselenggarakan dengan penyerahan alat kelengkapan memadam kebakaran bagi Projek Pemimpin Akar Umbi Seluruh Negara.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian alat kelengkapan berkenaan, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Haji Hafneh.

Pada majlis berkenaan, JBP telah menyerahkan alat kelengkapan memadam kebakaran kepada Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampong Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim, yang menerima berupa tiga batang hos 64 milimeter (mm), satu *nozzle* dan satu *key and bar*.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer (Mukim Sungai Kebun), Awang Raimi bin Awang Rashid dan Pemangku Timbalan Pengarah dan Penolong Pengarah JBP.

Para peserta yang terdiri daripada pemimpin akar umbi berserta penduduk kampung telah diberikan pendedahan awal



**PEMANGKU** Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Haji Hafneh hadir dan bergambar ramai pada Program Lifesaver 995.

mengenai aspek keselamatan kebakaran dengan mengikuti Program Lifesaver 995 yang diunkayahkan oleh Cawangan Operasi 'D'.

Program Lifesaver 995 adalah untuk memberikan pengetahuan asas mengenai penggunaan peralatan memadam kebakaran dan meningkatkan kesedaran terhadap bahaya kebakaran di peringkat komuniti.

Selain itu, ia juga memupuk rasa tanggungjawab bersama dalam aspek keselamatan kebakaran, dan melatih pemimpin akar umbi sebagai First Responder dalam menghadapi kebakaran kecil sebelum pasukan JBP tiba.

Setakat hari ini, seramai 41 Penghulu dan Ketua Kampung yang mewakili 12 buah mukim di seluruh negara menerima taklimat Program Lifesaver 995 dan penyerahan alat kelengkapan memadam kebakaran.

Program seperti berkenaan akan diteruskan secara berperingkat demi memperkasa peranan komuniti sebagai barisan hadapan dalam menangani kecemasan.

Awang Raimi selanjutnya menzahirkan penghargaan terima kasih kepada JBP khususnya CCD Delta Cawangan Operasi 'D' atas usaha menjayakan kursus berkenaan kepada penduduk Kampung Setia 'A', Kampung Setia 'B' dan Kampung Sungai Kebun serta AJKT Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad.

"Alhamdulillah dengan adanya program seperti ini, penduduk kampung mengetahui cara-cara penggunaan alat pemadam api dan boleh bertindak sebagai tindakan awal jika berlaku sebarang kebakaran.

"Ucapan terima kasih jua diucapkan kepada para peserta yang menyambut baik

akan kursus tersebut, iaitu seramai 30 orang telah menghadiri dan melakukan pelbagai demonstrasi yang di tunjukkan," ujarnya lagi.

Awang Raimi juga berharap

dengan adanya program seperti berkenaan dan alat-alat kebakaran yang diberikan akan dapat membantu penduduk kampung dalam mengelakkan bencana kebakaran.



**PROGRAM** Lifesaver 995 memberikan pengetahuan asas mengenai penggunaan peralatan memadam kebakaran dan meningkatkan kesedaran terhadap bahaya kebakaran di peringkat komuniti.



## ALAI PINTAR 154

SOALAN 6 OGOS 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Pilih ayat yang mengandungi kata seru :  
a) Aduh, sakitnya kaki saya!  
b) Saya suka makan buah.  
c) Kami menonton televisyen.
- Harga sebuah buku ialah BND7.50. Jika Ali membeli dua buah buku, berapakah jumlah bayaran?  
a) BND14.50  
b) BND15.00  
c) BND17.00
- Apakah agama rasmi Negara Brunei Darussalam?  
a) Hindu  
b) Buddha  
c) Islam

TARIKH TUTUP : 16 OGOS 2025

### HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

#### PEMENANG ALAI PINTAR 153 :

Nama : Mohd. Adam Syazani bin Mohd. Sukimin  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0128031-01. Sekolah : Tinkerbell Learning School

Nama : Mohd. Nabil Zakwan bin Mohd. Ibrahim  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0119759-01. Sekolah : Sekolah Rendah Pantai Berakas

Nama : Md. Ahren Libon Quaawiyu @ Md. Haziq Qawien bin Abdullah  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 022875-13. Sekolah : Chung Hwa Middle School, Kuala Belait

### SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :  
· Sidang Pengarang, ALAI PINTAR  
Bahagian PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam  
· Kaunter Cawangan Penerangan  
Daerah Belait;  
· Kaunter Cawangan Penerangan  
Daerah Tutong; dan  
· Kaunter Cawangan Penerangan  
Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....  
Tarikh Lahir : .....  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
Sekolah : .....  
Tahun : .....  
Alamat : .....  
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

#### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 153

- A - Penutup botol plastik
- B - 39
- A - Membaca





# DUNIA TIDAK BOLEH DIUGUT DENGAN KUASA UNTUK MEMUSNAHKANNYA

WASHINGTON, 5 Ogos. - Dunia tidak boleh diugut dengan kuasa untuk memusnahkannya, kata Presiden Colombia, Gustavo Petro pada Isnin ketika mengulas kenyataan terbaharu Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump mengenai senjata nuklear.

Sputnik/RIA Novosti melaporkan bahawa minggu lepas, Presiden Trump menerusi hantaran di Truth Social berkata beliau telah mengarahkan dua kapal selam nuklear dihantar ke kawasan yang sesuai sebagai tindak balas terhadap kenyataan terkini Timbalan Pengerusi Majlis

Keselamatan Rusia, Dmitry Medvedev.

Presiden AS itu kemudian menyatakan bahawa kapal selam berkenaan kini lebih hampir dengan Rusia, dan langkah itu bertujuan meningkatkan tahap kesiapsiagaan susulan kenyataan Medvedev berkaitan isu nuklear.

Trump turut menegaskan bahawa apabila timbul ancaman nuklear, Washington berada dalam keadaan benar-benar bersedia.

"Umat manusia tidak boleh diugut dengan kuasa untuk memusnahkannya," kata Petro menerusi platform X.

"Dunia tidak seharusnya

ditadbir berdasarkan kuasa pemusnahan hidup secara menyeluruh".

Presiden Colombia itu turut menegaskan bahawa kuasa global hanya boleh dibentuk berdasarkan penyelamatan kehidupan dan pengembangannya.

- ©BERNAMA

## Pelabur asing miliki pegangan utama syarikat terkemuka Jerman

FRANKFURT, 5 Ogos. - Pelabur asing kini memiliki pegangan majoriti saham dalam syarikat tersenarai awam utama di Jerman, menurut satu kajian baharu oleh firma perunding EY, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Analisis itu menunjukkan pelabur khususnya dari Amerika Utara telah meningkatkan pegangan mereka dalam 40 syarikat yang disenaraikan dalam indeks penanda aras DAX di Jerman sepanjang tahun lepas.

Sehingga 2024, pelabur asing memiliki 52.6 peratus daripada keseluruhan saham DAX 40, manakala pelabur dari Jerman

hanya memegang 33.1 peratus. Baki saham selebihnya tidak dapat dikenal pasti secara jelas berdasarkan negara atau wilayah asal.

Data yang dikeluarkan pada 31 Julai itu turut menunjukkan pelabur dari Amerika Syarikat telah meningkatkan pegangan mereka secara ketara sejak 2010, daripada 17.1 peratus kepada 25.4 peratus.

Dalam tempoh sama, pegangan pelabur Eropah merosot daripada 25.7 peratus kepada 22.9 peratus.

EY berkata angka berkenaan adalah berdasarkan saham yang memiliki data pemilikan lengkap

sepanjang tempoh kajian.

Syarikat diagnostik Qiagen mencatatkan kadar pemilikan asing tertinggi iaitu sebanyak 93 peratus, manakala Porsche AG kekal dimiliki majoriti oleh pelabur Jerman pada kadar 88 peratus, kebanyakannya disebabkan pegangan besar oleh Volkswagen AG dan Porsche Automobil Holding SE.

Ketua EY Jerman, Henrik Ahlers berkata banyak syarikat tersenarai dalam indeks DAX mempunyai kedudukan global, menjadikan Jerman satu daripada pasaran yang diminati pelabur. - ©BERNAMA

## Lyft bersama Baidu bawa teknologi teksi pandu sendiri ke Eropah

SAN JOSE (Amerika Syarikat), 5 Ogos. - Syarikat perkhidmatan e-hailing Amerika Syarikat (AS), Lyft, pada Isnin mengumumkan kerjasama dengan firma teknologi China, Baidu, bagi membawa perkhidmatan teksi pandu sendiri ke Eropah, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pelancaran perkhidmatan itu dirancang pada 2026 di Jerman dan United Kingdom, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa, menurut Lyft dalam satu kenyataan.

Syarikat itu turut memaklumkan bahawa *fleet* kenderaan berkenaan akan dipertingkatkan sehingga mencecah ribuan unit di seluruh Eropah.

Lyft ketika ini hanya beroperasi di AS dan beberapa bandar di Kanada, tidak seperti pesaing utamanya Uber yang lebih meluas di peringkat antarabangsa.

Namun pada April lepas, dua gergasi automotif Jerman - BMW dan Mercedes-Benz - telah bersetuju menjual usaha sama mereka, aplikasi e-hailing FREEMO, kepada Lyft dengan nilai sekitar AS\$175 juta.

Baidu sebelum ini telah melancarkan perkhidmatan teksi pandu sendiri Apollo Go di beberapa bandar utama di China. Uber turut sedang menguji penggunaan kenderaan pandu sendiri yang dibangunkan oleh beberapa pembina teknologi. - ©BERNAMA

## Gunung Krasheninnikov di Rusia meletus buat kali pertama dalam tempoh 600 tahun

ISTANBUL, 4 Ogos. - Sebuah gunung berapi di Semenanjung Kamchatka Persekutuan Rusia meletus pada Ahad buat kali pertama dalam tempoh enam abad, menurut pihak berkuasa, memuntahkan awan yang mengandungi abu ke arah timur menuju Lautan Pasifik, lapor Anadolu Ajansi.

Pejabat serantau Kementerian Kecemasan Persekutuan Rusia berkata Gunung Krasheninnikov, yang terletak di Timur Jauh negara itu menyaksikan awan abu menjulang setinggi 6,000 meter, memetik data daripada Pasukan Tindak Balas Letusan Gunung Berapi Kamchatka (KVERT).

"Tiada kawasan berpenduduk di sepanjang laluan awan abu itu," menurut Kementerian itu dalam satu kenyataan di Telegram, sambil menambah tiada laporan mengenai hujan abu di penempatan berdekatan dan tiada kumpulan pelancong berada di lokasi itu.

Gunung berapi setinggi 1,856 meter itu kini diberikan kod bahaya penerbangan 'jingga', menandakan peningkatan risiko kepada pesawat akibat abu gunung berapi di atmosfera. Pihak berkuasa menasihatkan orang ramai agar tidak pergi ke kawasan itu atau cuba mendaki gunung berapi berkenaan.

Olga Girina, Ketua KVERT, dalam kenyataan kepada agensi berita Persekutuan Rusia, RIA berkata letusan itu mungkin berkaitan dengan gempa bumi kuat bermagnitud 8.8 yang melanda luar pantai Kamchatka pada Rabu lepas, mencetuskan amaran tsunami di seluruh Pasifik.

Akademi Sains Persekutuan Rusia berkata ia adalah gempa bumi terkuat di rantau itu sejak 1952.

Pada hari yang sama, akademi itu melaporkan letusan di Gunung Klyuchevskoy, antara yang paling aktif di Eurasia, terletak kira-kira 160 kilometer (99.4 batu) di utara Krasheninnikov. - ©BERNAMA

## Iran tubuhkan Majlis Pertahanan Negara

TEHRAN, 4 Ogos. - Majlis Keselamatan Negara Tertinggi (SNSC) Iran telah meluluskan penubuhan Majlis Pertahanan Negara di bawah rangka kerja Perkara 176 Perlembagaan Iran, lapor Agensi Berita Republik Islam (IRNA).

SNSC dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa Majlis Pertahanan itu akan ditugaskan untuk menilai rancangan pertahanan dan meningkatkan keupayaan angkatan tentera secara berpusat.

Majlis itu akan dipengerusikan oleh presiden dan dianggotai oleh ketua tiga cabang kerajaan Iran, komander angkatan tentera dan kementerian berkaitan. - ©BERNAMA

## Korea Selatan : Buat kali pertama, pekerja 50-an lebih ramai daripada golongan 20-an

SEOUL, 5 Ogos. - Syarikat-syarikat utama Korea Selatan kini menggaji lebih ramai pekerja berusia 50 tahun ke atas berbanding golongan 20-an, mencerminkan penurunan ketara dalam pengambilan pekerja muda di tengah-tengah kelembapan ekonomi, lapor agensi berita Yonhap memetik data industri.

Data penjejak korporat Leaders Index menunjukkan bahawa setakat akhir 2024, pekerja berusia 20-an hanya merangkumi 19.8 peratus daripada jumlah tenaga kerja di 124 firma utama berdasarkan jualan, menurun

sebanyak 1.2 mata peratusan berbanding tahun sebelumnya.

Sebaliknya, peratus pekerja berusia 50 tahun ke atas meningkat sebanyak 0.6 mata peratusan kepada 20.1 peratus, menandakan buat kali pertama sejak 2015, iaitu ketika data ini mula direkodkan, jumlah pekerja yang lebih berusia mengatasi pekerja muda.

Ia juga merupakan kali pertama peratusan pekerja berusia bawah usia 30 tahun jatuh di bawah paras 20 peratus.

Jurang ketara dapat dilihat dalam industri bateri, yang mencatat penurunan sebanyak 9.7

mata peratusan dalam jumlah pekerja 20-an sepanjang tiga tahun lalu, manakala pekerja berusia 50 tahun ke atas meningkat 1.2 mata peratusan.

Perubahan serupa turut dilihat dalam sektor teknologi maklumat dan elektronik, dengan jumlah pekerja muda merosot sebanyak 5.4 mata peratusan.

"Disebabkan keadaan ekonomi yang suram, banyak industri mengurangkan pengambilan pekerja baharu, manakala pekerja lama pula menanggungkan persaraan," kata seorang pegawai dari Leaders Index. - ©BERNAMA

## 75 rakyat Palestin terbunuh dalam serangan Israel di seluruh Gaza

GAZA, 4 Ogos. - Sekurang-kurangnya 75 rakyat Palestin terbunuh akibat tembakan dan serangan udara Israel di Gaza pada Ahad, lapor Xinhua memetik kenyataan Pertahanan Awam Gaza.

Jurucakap Pertahanan Awam, Mahmoud Basal berkata seramai 28 mangsa terbunuh di Khan Younis dan kawasan utara Rafah di selatan Gaza.

Daripada jumlah itu, 23 orang maut berhampiran pusat agihan bantuan yang disokong Amerika Syarikat, manakala tiga lagi terkorban apabila sebuah sekolah yang menempatkan pelarian dibedil.

Di utara Gaza, sekurang-kurangnya 18 orang terbunuh dan 198 lagi cedera

apabila tentera Israel melepaskan tembakan ke arah sekumpulan penduduk yang sedang menunggu bantuan berhampiran lintasan Zikim, di barat laut Beit Lahia.

Seramai tujuh lagi maut dan 27 cedera di tengah Gaza apabila tentera Israel menasakkan sekumpulan rakyat Palestin berhampiran pusat agihan bantuan di persimpangan Netzarim.

Seorang petugas Persatuan Bulan Sabit Merah turut terbunuh dalam serangan ke atas bangunan pertubuhan itu di Khan Younis, manakala seorang lagi maut dalam serangan berasingan di bandar sama, kata Basal.

Pasukan pertahanan awam turut menemukan mayat 22 mangsa yang terbunuh akibat serangan

Israel ketika mereka cuba pulang ke kediandan masing-masing di timur Bantam Masing.

Setakat ini, tiada kenyataan rasmi dikeluarkan oleh tentera Israel berhubung kejadian itu.

Dalam perkembangan lain, Pengarah Jabatan Kesihatan Gaza, Dr Munir al-Barash berkata hospital-hospital yang masih beroperasi kini berada dalam keadaan terlalu sesak, dengan bilik bedah, wad dan juga koridor dipenuhi pesakit.

Al-Barash menyifatkan keadaan itu bukan sekadar bencana kesihatan, tetapi satu jenayah terhadap kemanusiaan.

"Membiarkan sistem kesihatan Gaza lumpuh ibarat menandatangani hukuman mati," tegasnya. - ©BERNAMA



# PERMATA HIJAU LEGEND JUARA KEJOHANAN SEPAK TAKRAW DAERAH TEMBURONG



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Temburong selaku Pengerusi Jawatankuasa Perayaan hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas), manakala gambar atas kanan, antara pasukan yang bertanding pada kejohanan berkenaan.

**TEMBURONG**, Isnin, 4 Ogos. - Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Temburong dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam dan Kelab Sepak Takraw Permata Hijau baru-baru ini mengadakan Perlawanan Akhir Kejohanan Sepak Takraw Daerah Temburong di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Temburong.

Sebanyak 23 pasukan telah menyertai kejohanan ini dalam

kalangan penduduk Daerah Temburong, di mana peringkat saringan telah diadakan pada 1 Ogos 2025 yang lalu, manakala peringkat suku akhir dan separuh akhir diadakan pada pagi tadi.

Dalam peringkat akhir petang tadi menyaksikan tiga pusingan perlawanan antara Permata Hijau Legend dan Rataie B, yang sekali gus menobatkan pasukan Permata Hijau Legend sebagai juara setelah berjaya memenangi perlawanan dengan kiraan mata 15-8, 11-15, dan 15-6 menentang pasukan Rataie B.

Sementara tempat ketiga bersama masing-masing dimenangi oleh Permata Hijau C

dan Semada.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar selaku Pengerusi Jawatankuasa Perayaan.

Juara berjaya membawa pulang sebuah trofi dan wang tunai berjumlah BND250, manakala tempat kedua menerima sebuah trofi dan wang berjumlah BND150 dan tempat ketiga bersama masing-masing menerima sebuah trofi dan wang tunai berjumlah BND100.

Adapun objektif kejohanan ini dianjurkan adalah bagi memelihara

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Temburong



sukan tradisi sebagai satu usaha memartabatkan warisan budaya; mengenal pasti bakat-bakat baharu dan potensi pemain.

Selain itu, bagi menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif melalui penglibatan dalam aktiviti fizikal yang berfaedah, memupuk semangat kesukanan, kerjasama berpasukan dan disiplin diri dalam kalangan pasukan.

Di samping itu menjalin hubungan silaturahim dan perpaduan antara agensi berkaitan dan komuniti, selain memberi pendedahan kepada pasukan tentang suasana pertandingan sebenar, termasuk aspek pengurusan masa, strategi dan etika permainan dan menyokong agenda pembangunan sukan di peringkat akar umbi.

## Haji Abdul Azim, Victoria Ng capai prestasi cemerlang



**AWANG** Haji Abdul Azim bin Haji Nadzri dan pasangannya menjuarai acara pertama daripada enam acara yang dipertandingkan dalam Pertandingan CrossFit One Shot Anatomy II di Johor Bahru.

Oleh : Srinarawie Bidzah  
Foto : Ihsan Haji Abdul Azim Haji Nadzri

**JOHOR BAHRU, MALAYSIA**, Isnin, 4 Ogos. - Awang Haji Abdul Azim bin Haji Nadzri dan pasangannya yang berasal dari Sandakan, Sabah, Victoria Ng telah menjuarai acara pertama daripada enam acara yang dipertandingkan dalam Pertandingan CrossFit One Shot Anatomy II yang berlangsung di Johor Bahru, baru-baru ini.

Pertandingan berkenaan telah diadakan pada 2 dan 3 Ogos 2025 bertempat di Armadas Sports Centre, Johor Bahru.

Awang Haji Abdul Azim merupakan satu-satunya atlet dari Negara Brunei Darussalam yang bertanding pada pertandingan berkenaan bersama-sama peserta dari Malaysia, Republik Singapura dan Republik Korea.

Dalam acara berkenaan, beliau turut berjaya mencatat rekod peribadi (PR) baharu bagi angkatan Clean dengan seberat 122 kilogram.

## Baiduri Masters 2025 : Bryan Chiew, Almas Syadwanie terus unggul kedudukan

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Ogos. - Bryan Chiew terus mengungguli kedudukan pada hari ketiga Kejohanan Golf Baiduri

Masters 2025 yang diadakan di Pantai Mentiri Golf Club (PMGC) baru-baru ini.

Sementara itu, Awangku Md.



**ANTARA** yang menyertai Kejohanan Golf Baiduri Masters 2025 yang diadakan di Pantai Mentiri Golf Club (atas dan bawah).



Syahir bin Pengiran Haji Ali merapati kedudukan dengan 69 pukulan, diikuti oleh Suhaimi Ibrahim dengan 70 pukulan.

Manakala Mahendra Phagami dan Mitchell Steel terikat dengan 71 pukulan, manakala Julian Kamaluddin dan Kamal Rana ketinggalan di belakang dengan 73 pukulan.

Menyimpulkan 12 teratas ketika ini ialah Khairul Haji Paun, Tony Haji Karim, Irwan Haji Abd. Hamid, Haji Shahminan Haji Damit dan Zunaiddi Tuah, semuanya dalam jarak yang boleh dicapai.

12 pemain teratas selepas hari kelima akan maju ke pusingan akhir pada Ahad, 10 Ogos untuk merebut Jaket Hijau dan Piala Cabaran. Dengan banyak permainan masih berbaki, senarai ini masih boleh berubah.

Dalam Kategori Wanita, juara bertahan Almas Syadwanie Kamis kembali menguasai kedudukan teratas dengan kukuh 78 pukulan. Agnes De La Cruz dan Julia Hwang terikat di belakang dengan 82 pukulan, mengekalkan tekanan semasa kejohanan diteruskan.

Detik mencemaskan berlaku di Hole 16 semalam apabila satu pukulan hampir sempurna mendarat hanya 20 sentimeter dari lubang, satu peringatan dramatik tentang apa yang dipertaruhkan bagi mereka yang memburu *hole-in-one*.





ePaper Pelita Brunei



## 11 PASUKAN REBUT PIALA KEPUTERAAN 2025



**MESYUARAT** pengurus-pengurus pasukan dan cabutan undi Kejohanan Bola Sepak Piala Keputeraan 2025 dipengerusikan oleh Pengerusi Kejohanan, Awang Rosdin Abdul Aziz.

(MCYS) dan Kementerian Kesihatan (MOH), Kementerian Hal Ehwal Ugama (MORA).

Persaingan Kumpulan 'B' akan diwakili oleh pasukan PMO, Kementerian Pertahanan (MINDEF), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MOHA) dan Kementerian Pendidikan (MOE).

Sementara Kumpulan 'C' dibarisi oleh pasukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (MFA), Kementerian Pembangunan (MOD) dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE).

Kejohanan Piala Keputeraan 2025 merupakan anjuran Jawatankuasa Bola Sepak Piala Keputeraan 2025 dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persatuan Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam.

Kejohanan berkenaan juga merupakan salah satu kejohanan dalam sama-sama memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ihsan Jawatankuasa Bola Sepak Piala Keputeraan 2025

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Ogos. - Kejohanan Bola Sepak Piala Keputeraan 2025 menjadi debaran 11 pasukan untuk bersaing merebut piala kurnia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat pengurus-pengurus pasukan dan cabutan undi Kejohanan Bola Sepak Piala Keputeraan 2025 telah dipengerusikan oleh Pengerusi Kejohanan, Awang Rosdin Abdul Aziz, di Bangunan Baharu Jabatan

Daerah Brunei dan Muara, petang tadi.

"Kita yakin kejohanan dwi tahunan ini akan menjadi saingan menarik dan mendebarakan dengan semangat kesukanan yang tinggi setiap pasukan," jelasnya.

Katanya, pasukan Jabatan Perdana Menteri (PMO) yang menjuarai pada kejohanan pada tahun 2019 lalu, sudah tentu akan berusaha lebih gigih untuk mengekalkan kejuaraan

berkenaan.

Kejohanan akan dilangsungkan itu akan diadakan pada dua venue termasuk di Belapan dan Padang, Berakas dan Kompleks Sukan Batu Apoi, Temburong bermula pada 11 Ogos depan.

Kumpulan 'A' menyaksikan pasukan-pasukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

## Miri FA kekal rekod tanpa kalah



daripada kepenatan selepas berdepan dengan Limbang FA sehari sebelumnya.

Namun, beliau bersyukur kerana mereka berjaya mengekang serangan-serangan bahaya Shada FT sehingga wisel penamat untuk mengenggam mata penuh.

"Secara matematik, kami mempunyai kelebihan yang sangat besar namun pemain-pemain jangan terlalu leka dengan kedudukan semasa ini malah perlu fokus untuk mengekalkan reputasi terutama mutu permainan individu yang akan menguji kemandirian pasukan," ujarnya lagi.

Kemenangan Miri FA ke atas Shada FT berkenaan telah mengukuhkan lagi peluang mereka untuk kekal berada di tampok liga sekalipun ia belum muktamad kerana masih berbaki tiga perlawanan yang semestinya mencabar.

Miri FA akan berdepan dengan PKT FT dan seterusnya menguji kembali Limbang FA sebelum menutup persaingan berdepan dengan Kasuka FC.

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Ogos. - Miri FA terus mengukuhkan kedudukan dalam Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 selepas menang ke

atas Shada FT, 2 - 1 di Kompleks Sukan Arena, Seria.

Skuad didikan Ismail Lumut berkenaan cemerlang mencatatkan rekod bersih tanpa kalah sepanjang 11 perlawanan

ANTARA aksi kedua-dua pasukan pada Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 (kiri dan kanan).

untuk kekal berada di puncak liga dengan mengutip 33 mata dengan memisahkan pasukan pencabar terdekat, Limbang FA yang mengutip 26 mata hasil lapan kemenangan dan dua kali seri.

Dalam pada itu, Ketua Jurulatih Miri FA, Ismail Lumut menjelaskan pemain-pemain tidak mempamerkan permainan sebenar namun beliau mengakui majoriti pemain belum pulih

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

SYUKURI, HARGAI NIKMAT PEMBERIAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA